

# **JURNAL** **PSIKOLOGI DAN KAUNSELING**

**JOURNAL OF PSYCHOLOGY AND COUNSELLING**



TAHUN 2019 | BILANGAN 10 | ISSN 1985-3602

**Pola Personaliti, Minat Kerjaya Dan Kecenderungan Bidang Sains  
Dalam Kalangan Pelajar Pintar Dan Berbakat Di Malaysia**

Rorlinda Binti Yusof PhD

Noriah Binti Mohd Ishak PhD

Jamaliah Binti Hamdan

Roslina Binti Ahmad Faisal

Md Jais Bin Ismail

Salleh Huddin Bin Abdul Rashid

**Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Penjawat Awam  
Keterhutangan Serius Di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

Nordiana Binti Abd Rahim

**Model Pembinaan Modul Intervensi Psikospiritual Terapi Relaksasi (IPTR)  
Pengurusan Stres, Kerisauan Dan Kemurungan**

Wan Roslini Binti Mat Rasik

Mohd Sani Bin Haji Ismail

**Pola Dan Faktor Yang Mempengaruhi Aplikasi Teori Dalam  
Sesi Kaunseling Kerjaya Oleh Kaunselor Berdaftar  
Di Seting Universiti Awam : Satu Penerokaan Pengalaman**

Edris Bin Aden

Salleh Bin Amat PhD

Mohd Izwan Bin Mahmud PhD

**Penyesuaian Dan Resiliensi Pelajar Tahun Pertama  
Di Institut Pendidikan Guru (IPG)**

Tengku Norhani Binti Tengku Besar

Nor Shafrin Binti Ahmad PhD

**Keberkesanan Modul MUTIARA Dalam Organisasi  
Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

Halimatun Saadiah Binti Ahmad Usuldin



<b>Kandungan</b>	i
<b>Sidang Pengarang</b>	ii
<b>Pengenalan Ringkas</b>	iii
<b>Dari Meja Editor</b>	iv
<b>Pola Personaliti, Minat Kerjaya Dan Kecenderungan Bidang Sains Dalam Kalangan Pelajar Pintar Dan Berbakat Di Malaysia</b>	1
Rorlinda Binti Yusof PhD Noriah Binti Mohd Ishak PhD Jamaliah Binti Hamdan Roslina Binti Ahmad Faisal Md Jais Bin Ismail Salleh Huddin Bin Abdul Rashid	
<b>Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Penjawat Awam Keterhutangan Serius Di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)</b>	33
Nordiana Binti Abd Rahim	
<b>Model Pembinaan Modul Intervensi Psikospiritual Terapi Relaksasi (IPTR) Pengurusan Stres, Kerisauan Dan Kemurungan</b>	53
Wan Roslini Binti Mat Rasik Mohd Sani Bin Haji Ismail	
<b>Pola Dan Faktor Yang Mempengaruhi Aplikasi Teori Dalam Sesi Kaunseling Kerjaya Oleh Kaunselor Berdaftar Di Seting Universiti Awam : Satu Penerokaan Pengalaman</b>	87
Edris Bin Aden Salleh Bin Amat PhD Mohd Izwan Bin Mahmud PhD	
<b>Penyesuaian Dan Resiliensi Pelajar Tahun Pertama Di Institut Pendidikan Guru (IPG)</b>	105
Tengku Norhani Binti Tengku Besar Nor Shafrin Binti Ahmad PhD	
<b>Keberkesanan Modul MUTIARA Dalam Organisasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)</b>	123
Halimatun Saadiah Binti Ahmad Usulidin	
<b>Biodata Penulis</b>	140



## **SIDANG PENGARANG /EDITORIAL BOARD**

### **Ketua Penyunting /Editor-in Chief**

Puan Normazwin Binti Yahya

### **Penyunting /Editors**

Puan Halawiah Safinas Binti Ishak

Puan Nordiana Binti Abd Rahim

Puan Halimatun Saadiah Binti Ahmad Usuldin

### **Pewasit /Review**

Asmah Binti Ismail PhD (UPM)

Zaidah Nor Binti Zainudin PhD (UPM)

Farhana Binti Sabri PhD PhD (USIM)

Jurnal Psikologi dan Kaunseling diterbitkan setiap tahun oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Penulisan yang diterbitkan adalah dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Pandangan para penulis dalam jurnal ini tidak mewakili pandangan Bahagian Psikologi dan Kaunseling atau Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **Alamat Surat-menyurat /Correspondence**

#### **Ketua Penyunting /Editor-in-Chief**

Jurnal Psikologi dan Kaunseling

Bahagian Psikologi dan Kaunseling

Kementerian Pendidikan Malaysia

Aras 1, Blok E9, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 Putrajaya

Telefon: 03 88721681

Faks: 03 88721680

Laman Sesawang: <https://www.moe.gov.my/index.php/my/>

Hakcipta Bahagian Psikologi dan Kaunseling 2019®



## PENGENALAN RINGKAS

### **Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsk)**

Ditubuhkan secara rasminya pada 1 Mac 2008 dengan memainkan peranan untuk memenuhi aspirasi merealisasikan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18/2005 : Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia** dan **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12/2009 : Pelaksanaan Aplikasi Psikologi Budaya Kerja Pencapaian Diutamakan**. Hasrat ini seiring dengan visi BPsk iaitu **Peneraju, Pemerksaan Kesejahteraan Insan** dan juga misi BPsk dalam **Pembestarian Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling Untuk Memperkembangkan Potensi Individu Bagi Memenuhi Aspirasi Negara**.

### **Objektif penubuhan BPsk adalah untuk :**

- menyediakan dan menguruskan perkhidmatan psikologi dan kaunseling untuk kesejahteraan individu, organisasi dan komuniti;
- memberi kesedaran kepada warga KPM akan kepentingan perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam menguruskan kehidupan seharian;
- meningkatkan pengetahuan dan kecekapan kaunselor organisasi ke tahap optimum dan berterusan;
- menyediakan pendidikan kesihatan dan kaunseling berteraskan etika dan menepati peruntukan perundangan;
- melestarikan kelangsungan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada *stakeholder*.

Dalam usaha untuk memantapkan modal insan maka sistem pendidikan kita perlu berupaya melahirkan generasi muda serta warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran global. Sehubungan itu, objektif dan peranan Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsk) dari aspek Psikologi dan Kaunseling perlulah merentasi semua inisiatif yang terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) tersebut serta disiplin kerja di KPM itu sendiri. Kaunselor Organisasi perlulah berusaha melengkapkan diri untuk sama-sama berperanan membantu warga KPM dalam menjayakan PPPM. Pelaksanaan aktiviti BPsk yang menjurus kepada aspek pembangunan, pencegahan dan pemulihan perlu di terjemahkan menerusi aktiviti penyelidikan, pembangunan modul, sesi kaunseling, ujian psikometrik, klinik kaunseling bergerak, sarana psikososial dan sebagainya. Komitmen dan usaha yang berterusan mampu meningkatkan kualiti profesionalisme kaunselor organisasi BPsk ke arah menjamin kesejahteraan modal insan pada masa kini dan untuk masa hadapan.



## DARI MEJA EDITOR

Segala puji-pujian dan pengabdian hanya untuk Allah S.W.T., Tuhan yang mentadbir dan mencipta alam semesta. Selawat dan salam kepada Rasulullah S.A.W., para sahabat serta para pencinta ilmu sekalian. Penerbitan Jurnal Psikologi dan Kaunseling bilangan kesepuluh ini merupakan kompilasi hasil kajian dan penulisan para kaunselor dan juga pengamal-pengamal kaunseling yang sentiasa mencari sesuatu pembaharuan dalam perkhidmatan psikologi dan kaunseling. Jurnal ini memuatkan artikel berbentuk hasil penyelidikan daripada kaunselor organisasi di Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Daerah, sekolah dan pensyarah daripada Institut Pendidikan Guru dan Universiti Awam tempatan. Kesemua hasil tulisan adalah dari kaunselor-kaunselor dan ahli psikologi sama ada psikologi kaunseling, psikologi pendidikan atau bidang-bidang yang menjurus kepada psikologi dan kaunseling itu sendiri. Ini adalah selaras dengan objektif penerbitan jurnal ini bagi memberikan peluang kepada para penyelidik dalam bidang psikologi dan kaunseling untuk berkongsi pengalaman dan hasil penyelidikan mereka agar dapat dimanfaatkan oleh pengamal-pengamal psikologi dan kaunseling.

Penyelidikan merupakan satu kaedah untuk mendapatkan penyelesaian terhadap persoalan. Memahami sesuatu persoalan merupakan langkah pertama bagi menangani sesuatu masalah. Justeru penyelidikan membolehkan kita lebih memahami masalah yang dihadapi, memahami isu yang kita perhatikan serta bergerak secara progresif ke arah penambahbaikan secara berterusan. Bagi memperolehi manfaat ini, budaya penyelidikan yang beretika yang bersifat saintifik dan empirikal wajar menjadi amalan, maka jurnal ini merupakan sebahagian daripada proses berkenaan.

Budaya penyelidikan perlu diterapkan dalam kalangan pengamal perkhidmatan psikologi dan kaunseling. Penyelidikan-penyelidikan dikongsi bersama dalam kalangan pengamal kaunseling serta penyelidik di dalam bidang ini agar dapat meningkatkan lagi profesionalisme perkhidmatan psikologi dan kaunseling di Malaysia. Pihak sidang editor jurnal amat mengalu-alukan hasil penulisan ilmiah sama ada berbentuk konseptual atau hasil penyelidikan untuk dimuatkan di dalam jurnal seterusnya.

Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyumbang artikel, pewasit-pewasit, editor-editor dan semua pihak yang telah bertungkus lumus berusaha bagi memastikan jurnal ini berjaya diterbitkan.

***Sekian, Salam Negaraku Malaysia***  
***Ketua Editor***

## **Pola Personaliti, Minat Kerjaya Dan Kecenderungan Bidang Sains Dalam Kalangan Pelajar Pintar Dan Berbakat Di Malaysia**

Rorlinda Yusof<sup>1</sup>, Noriah Mohd Ishak<sup>2</sup>, Jamaliah Hamdan<sup>3</sup>, Roslina Ahmad Faisal<sup>4</sup>,  
Md. Jais<sup>5</sup> Ismail, Encik Salleh Huddin Bin Abdul Rashid<sup>6</sup>

*1,2,3,4,5,6*Pusat PERMATApintar® Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia

*1*rorlinda@ukm.edu.my, *2*norwmu@hotmail.com, *3*jamaliah@ukm.edu.my,

*4*rosazdwa@gmail.com, *5*md\_jais@ukm.edu.my

### **ABSTRAK**

*Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pola personaliti, minat kerjaya pelajar Pintar dan Berbakat (PPB) serta melihat keselarasan personaliti minat tersebut dengan kecenderungan dalam bidang sains. Pengenalpastian ciri-ciri personaliti PPB, profil minat kerjaya, dan kecenderungan minat dalam bidang sains adalah berdasarkan keselarasan dalam Kod Tiga Mata Holland. Kajian dijalankan ke atas 213 orang PPB di Kolej PERMATApintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia. Subjek kajian terdiri daripada pelajar berusia di antara 12 hingga 17 tahun dipilih secara rawak mudah untuk memberi respon kepada Instrumen Self-Directed Search (SDS) diterjemah dan adaptasi oleh Amla Mohd Salleh (1992) dengan nilai kebolehppercayaan 0.85 hingga 0.97. Keputusan kajian menunjukkan daripada enam jenis personaliti minat kerjaya, PPB mempunyai kecenderungan pada tiga ciri personaliti iaitu Investigatif (22.15), Sosial (19.88), dan Artistik (15.94). Berdasarkan analisis Kod Tiga Mata Holland, didapati wujud kecenderungan minat yang tinggi terhadap bidang sains (73.24) berbanding bidang bukan sains atau sains sosial (26.76). Umumnya hasil kajian ini mendapati wujud keselarasan personaliti dengan persekitaran minat bidang sains dalam kalangan PPB. Ini bermakna PPB mempunyai daya inkuisitif tinggi untuk berfikir secara saintifik, kreatif mencari jalan penyelesaian terhadap bidang yang diminati, serta berminat untuk berkongsi informasi atau hasil penemuan dengan pihak lain. Beberapa implikasi dan cadangan terhadap perkhidmatan bimbingan kerjaya telah dikemukakan.*

**Kata Kunci:** Pendidikan Pintar Dan Berbakat; Personaliti; Minat Kerjaya; Minat Bidang Sains

## PENGENALAN

### Tujuan Kajian

Personaliti merupakan keseluruhan tingkah laku, pemikiran dan perasaan yang menjadikan individu itu unik. Kajian psikologi merujuk personaliti kepada ciri-ciri dalaman seperti watak, tret, perangai, semangat, unsur fizikal, cara pemikiran, dan perasaan yang ditunjukkan dalam tingkah laku individu (Allport 1961, Cattell 1959, dan Mackinnon 1959). Oleh yang demikian, tingkah laku boleh diramal apabila individu mengenali personalitinya. Menurut Allport (1961) tret yang merupakan ciri yang diwarisi, mempunyai suatu struktur mental yang tersusun, berbeza daripada seorang individu kepada individu yang lain dalam memula dan membimbing sesuatu tingkah laku. Justeru, tret dianggap sebagai ciri-ciri peribadi yang agak stabil yang menyebabkan seseorang itu berkelakuan dalam cara tertentu.

Kebanyakan penyelidik bidang psikologi menyatakan bahawa personaliti seseorang terbina hasil daripada interaksi di antara tret dan persekitaran (Caspi, Robert & Shiner 2005). Oleh yang demikian mereka berpendapat, pengetahuan tentang personaliti dapat membantu individu mengembangkan bakat atau potensi sendiri ke tahap yang lebih optimum. Holland dalam teori Tipologi Kerjaya (1996) menjelaskan minat seseorang lahir daripada personaliti dan pemilihan kerjaya adalah berdasarkan ekspresi personaliti di samping kesesuaian persekitaran pekerjaan. Tambahannya lagi keselarasan di antara faktor personaliti dengan persekitaran bukan sahaja boleh meramalkan tahap kepuasan individu dalam kehidupan, malah menyumbang kepada kestabilan, pencapaian dan juga motivasi berkaitan dengan pekerjaan atau pendidikan (Holland, 1997). Sehubungan itu, terdapat banyak kajian terdahulu yang menunjukkan terdapat hubungan signifikan di antara personaliti dan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar termasuk pelajar Pintar dan Berbakat (PPB) (Stewart 1999; Watters 2010; Uzeyir Ogurlu, Fatih Kayab, Emine Hizlic 2015; Persson 2009; Kass & Cavallaro 2010; Sajjad Hussain, Muhammad Abbas, Khurram Shahzad & Syeda Asiya Bukhari 2011; Cheng Kai-Wen 2001).

Sehubungan itu, perancangan dan pemilihan kerjaya perlu dilakukan dengan teliti, sistematik, dan secara sedar kerana keputusannya akan memberi kesan kepada kepuasan dan gaya hidup individu dalam dunia pekerjaan pada masa hadapan (Amla 2010, Holland 1996). Penentuan kerjaya adalah suatu proses yang kritikal bagi kebanyakan pelajar khususnya PPB, ekoran daripada isu-isu berkaitan *early emergence, multipotentiality*, ekspektasi pihak-pihak yang signifikan. Kecenderungan minat mereka dalam bidang berkaitan sains yang diterjemahkan menerusi ciri-ciri inkuisitif yang tinggi dengan mengeluarkan banyak soalan, menunjukkan minat secara mendalam menerusi ketekunan dalam tugas yang diminati, dan memberi idea-idea

yang luar biasa dalam penyelesaian masalah (Ozarslan dan Certin 2018), yang mana kecenderungan minat sains ini kurang diberi perhatian dalam konteks penyediaan persekitaran yang menyokong kepada mengembangkan kecenderungan minat ke tahap yang optimum (Full potential). Malah, aspek perancangan kerjaya PPB didapati kurang diberi penekanan oleh ibu bapa atau guru berbanding perancangan akademik, sedangkan telah terdapat banyak bukti yang menunjukkan PPB tidak selalunya menunjukkan atau memperoleh kepuasan dan pencapaian dalam kehidupan dunia pekerjaan.

### **Pernyataan Masalah**

Kajian lepas menunjukkan pelajar PB mengalami pengalaman yang unik dan cabaran yang tinggi dalam menerima dan merancang laluan kerjaya (Chen & Wong 2013, Greene 2002). Hasil kajian terdahulu menunjukkan 53% pelajar PB mengalami kesukaran dan memerlukan bantuan dalam perancangan pendidikan dan kerjaya (Emmert & Minor 1993, Hickson 1992, dan Kelly 1992). Hal ini menurut Watley (1969), Kaufmann (1981) dan Ker (1985) disebabkan oleh isu psikologi dan masalah sosio-emosi serta keperluan pelajar PB yang berbeza daripada pelajar biasa. Antara isu-isu yang ditemui berkaitan kesukaran membuat penentuan pilihan bidang kerjaya oleh pelajar PB termasuk; (a) kepelbagaian minat dan kebolehan yang luas atau *multipotentiality*, (b) kematangan awal menentukan minat kerjaya (early emergence), (c) kesukaran membuat keputusan, (d) kesukaran membentuk identiti kerjaya yang mempunyai implikasi terhadap pemilihan bidang kerjaya, (e) kekurangan pengetahuan tentang pekerjaan yang bermakna, (f) sifat kesempurnaan/perfectionisme yang tidak sihat, (g) tekanan akibat ekspektasi individu yang bermakna seperti ibu bapa, guru dan masyarakat, dan kekurangan role model (Perrone 1997, Kelly & Colangelo 1990, Emmert & Minor 1992, Corey 1996, Kerr & Erb 1991)

Kesemua isu tersebut boleh menyumbang kepada terhalangnya perkembangan dan menimbulkan kesukaran dalam menentukan laluan kerjaya. Penemuan isu-isu tersebut telah menghasilkan model-model program pendidikan kaunseling kerjaya yang melihat kepada keperluan pelajar dalam aspek perancangan kerjaya dan program-program intervensi ke atas masalah yang timbul dalam proses perkembangan kerjaya pelajar termasuk pelajar PB (Silverman 1989, Van Tassel-Baska, 1990). Justeru, program pendidikan kaunseling kerjaya adalah penting untuk membantu pelajar mengembangkan pengetahuan dan kemahiran kerjaya. Laporan The National Information Coordinating Committee (1999) menyatakan bahawa program pendidikan kerjaya perlu meliputi proses pembelajaran tentang perancangan kehidupan masa depan dan hubungannya dengan dunia pekerjaan. Ini bermakna pelajar perlu melalui proses kesedaran, penerokaan, pemilihan, merancang dan membuat keputusan kerjaya untuk dirinya. Bagi tujuan tersebut pelajar perlu dibimbing untuk

menyadari aspek personaliti diri, kebolehan, minat, nilai dan pencapaian akademik.

Selaras dengan matlamat menyediakan modal insan negara yang kompeten dan cemerlang dalam bidang kerjaya yang diceburi, Kementerian Pendidikan Malaysia (1995; 2015) telah menggariskan enam perkara penting yang perlu ada dalam kurikulum program perkembangan kerjaya di sekolah-sekolah, iaitu (a) aspek pengetahuan sendiri yang mencakupi aspek-aspek seperti kesedaran personaliti diri, minat kerjaya, pengetahuan nilai pekerjaan, konsep sendiri positif, kemahiran berinteraksi, dan pemahaman tentang kesan pertumbuhan dan perkembangan diri remaja, (b) penerokaan sumber maklumat kerjaya, (c) perancangan kerjaya, (d) penerokaan peluang pendidikan dan latihan, (e) kemahiran membuat keputusan, dan (f) kemahiran bersedia mendapatkan pekerjaan. Cadangan tersebut selaras dengan konsep perkembangan kerjaya dalam teori Perkembangan Kerjaya Super (1971); teori Minat Kerjaya Holland (1973), dan Model Program Kerjaya Super (1971), Model Program Kerjaya National Career Development Guidelines K-Adult (Kobylarz 1996), Model Program Kerjaya American School Counseleor Association (Dahir, Sheldon dan Valiga 1998), Model Kesedaran Kerjaya (Ali 2008), dan Model Perkembangan Kerjaya (Abdul Hanid 2007). Tuntasnya, kesemua teori dan model-model perkembangan kerjaya telah menjadikan kemahiran pengetahuan sendiri sebagai asas dalam proses perkembangan kerjaya.

Kemahiran pengetahuan sendiri adalah gabungan semua maklumat tentang diri sendiri termasuk personaliti, minat, nilai dan kemahiran untuk tujuan membuat pemilihan kerjaya (McKay 2003). Pandangan McKay bahawa penilaian tentang diri sendiri merupakan langkah pertama dalam membuat pemilihan kerjaya telah menyokong pernyataan Super (1990) yang menekankan bahawa pengetahuan sendiri dapat membantu individu mengetahui tentang potensi, keistimewaan dan konsep sendiri, disamping kesedaran terhadap personaliti diri, minat, bakat, sikap persepsi, dan kebolehan terhadap sesuatu bidang yang diminati. Schubungan itu, pengkaji tempatan Aziz Azimullah (1996) telah menegaskan bahawa sebelum seseorang pelajar membuat pemilihan kerjaya, mereka perlu terlebih dahulu mengenal diri sendiri khususnya aspek jenis personaliti. Krishan (1996) seterusnya menyarankan pelajar untuk memilih sesuatu bidang kerjaya berdasarkan kepada keselarasan personaliti diri dan kecenderungan minat terhadap bidang kerjaya. Hal ini disebabkan oleh keselarasan di antara personaliti dengan persekitaran bidang kerja boleh menyumbang kepada kematangan personaliti kerjaya. Seterusnya, ketepatan dalam pemilihan bidang kerjaya dapat memimpin keberkesanan individu dalam merancang, melaksana, sedia menghadapi cabaran, sekaligus dapat menjana kepuasan hasil kejayaan dalam bidang yang diceburi.

Kepentingan tentang keselarasan jenis personaliti diri dengan persekitaran bidang pekerjaan telah dibincangkan secara mendalam dalam teori kecenderungan Minat Kerjaya Holland (1973). Menurut Holland tiga keperluan utama dalam menentukan pemilihan minat kerjaya adalah individu, persekitaran pekerjaan, dan keserasian di antara individu dan persekitaran pekerjaan. Pemilihan kerjaya yang berkesan adalah berdasarkan personaliti dan beberapa variabel lain yang terdapat pada latar belakang sesuatu bidang pekerjaan (Holland, 1973). Asas yang digunakan dalam teori Holland ialah: (1) Pemilihan kerjaya adalah berdasarkan ekspresi personaliti individu disamping identifikasi dengan stereotaip pekerjaan secara spesifik, (2) Minat seseorang itu lahir daripada personalitinya, (3) Individu daripada jenis pekerjaan yang sama mempunyai persamaan dari segi pola personalitinya, dan (4) Keselarasan antara personaliti dan persekitaran akan meningkatkan prestasi kerja, pencapaian, kestabilan dan kepuasan kerja.

Malah kajian terdahulu oleh Super (1957) telah menjelaskan bahawa faktor mental dan fizikal, ciri-ciri peribadi dan pendedahan yang diterima oleh individu boleh mencorakkan pemilihan kerjaya individu. Tambahan beliau, individu didapati mula menunjukkan kecenderungan untuk membuat analisis dan menilai pemilihan kerjaya, mencuba peranan kerjaya, meneroka pekerjaan, meneroka pengetahuan dan peluang pengalaman kerjaya serta membuat keputusan kerjaya yang sesuai dengan diri mereka pada peringkat penerokaan iaitu pada usia 15 hingga 24 tahun. Individu dikatakan akan merasa puas apabila wujud keselarasan di antara personaliti individu tersebut dengan persekitaran bidang kerjaya yang akan diceburi (Smith 2011), Onoyase 2009, Husain, Abbas, Shahzad, Bukhari 2011). Ini selari dengan pandangan Holland (1973) berkaitan kepuasan individu hasil daripada keselarasan persekitaran kerjaya dengan personaliti individu berkenaan. Sehubungan itu, kajian ini akan melihat ciri personaliti, minat bidang kerjaya, dan kecenderungan dalam bidang sains dan non sains dalam kalangan PPB. Kesedaran dalam memahami personaliti diri dan menggunakannya dalam membuat keputusan pemilihan kerjaya akan dapat meningkatkan motivasi belajar PPB bagi mencapai kecemerlangan akademik, yang turut merangsang perkembangan potensi diri.

### **Objektif Kajian**

1. Untuk mengenal pasti personaliti minat kerjaya pelajar pintar dan berbakat di Kolej PERMATApintar Negara UKM.
2. Untuk mengenal pasti ciri-ciri personaliti pelajar pintar dan berbakat di Kolej PERMATApintar Negara UKM.
3. Untuk melihat kecenderungan bidang sains dan non-sains berdasarkan kod Tiga Mata Holland dalam kalangan pelajar Pintar dan Berbakat.

## Persoalan Kajian

1. Apakah personaliti minat kerjaya dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat di Kolej PERMATApintar UKM?
2. Apakah ciri-ciri personaliti pelajar Pintar dan Berbakat di Kolej PERMATApintar Negara UKM?
3. Apakah kecenderungan minat bidang sains dan non-sains berdasarkan Kod Tiga Mata Holland dalam kalangan pelajar Pintar dan Berbakat?

## Kajian Lepas

### Kajian kerjaya pelajar pintar dan berbakat

Hasil kajian literatur berkaitan pemilihan kerjaya pelajar pintar dan berbakat (PPB) telah dikaitkan dengan pelbagai situasi seperti; kecenderungan untuk terikat kepada pemilihan kerjaya yang pramatang (*early emergence*) ekoran pemilihan kerjaya dibuat berdasarkan kepada pencapaian tinggi dalam bidang atau mata pelajaran tertentu (Perrone, Male dan Karshner (1979), matlamat kerjaya yang kabur dan kurang rasional (1993) akibat daripada wujudnya isu *multipotentiality*, iaitu PPB memperoleh skor yang tinggi pada pelbagai aspek kebolehan dan pencapaian serta menunjukkan kecenderungan minat kerjaya yang pelbagai (Achter, Lubinski, dan Benbow 1996, Sanborn, 1979; Emmett & Minor 1993; Kerr & Claiborn 1991; Milgram 1991; dan Silverman 1993).

Menurut Fredrickson (1979) individu yang mempunyai kepelbagaian potensi atau *multipotentiality* adalah individu yang apabila disediakan persekitaran yang sesuai, akan membolehkan mereka memilih dan membina apa-apa sahaja kompetensi atau kecekapan sehingga ke tahap yang tinggi. Hasil kajian lepas menerangkan *multipotentiality* dikenalpasti pada pelajar yang memperoleh skor tinggi yang seragam dalam semua ujian kebolehan dan pencapaian (*high flat profile*) serta mempamerkan kecenderungan minat kerjaya yang pelbagai pada tahap pengamatan yang sama (Sanborn 1979). Justeru, hasil daripada profil minat dan kebolehan yang '*high-flat*', maka pelajar yang mempunyai ciri *multipotentiality* ini dikatakan menghadapi isu limpahan pelbagai pilihan kerjaya yang sama-sama menarik, menjadikan mereka tenggelam dalam pemilihan kerjaya yang tidak pasti. (Fredrickson, 1979; Kerr & Ghrist 1988).

Hasil daripada konflik yang unik ini, menjadikan kebanyakan PPB tertekan dalam membuat keputusan pemilihan kerjaya (Fredrickson, 1979; Jepsen 1979; Marshall 1981; Kerr & Ghrist 1988; Sanborn 1979). Pandangan ini dibuktikan dengan laporan PPB dalam satu kajian Colangelo dan Zaffrann (1979) yang menyatakan

bahawa PPB takut untuk membuat komitmen terhadap pemilihan bidang kerjaya yang salah dan akhirnya menjadikan mereka tersekat dalam proses membuat keputusan kerjaya. Keadaan ini mungkin akan berakhir dengan PPB memasuki kerjaya yang sembarangan kerana tidak dirancang secara teratur.

Dari perspektif yang lain pula, wujud kebimbangan apabila PPB terikat pada satu-satu bidang sebelum mereka benar-benar meneroka kebolehan dan bakat dalam bidang yang lain. Ini seolah-olah seperti menafi atau mengabaikan bakat dalam pilihan kerjaya lain yang mungkin boleh memenuhi keperluan mereka (Colangelo dan Zaffrann 1979 dan Miller 1981). Atas pandangan tersebut, beberapa pengkaji terdahulu merumuskan supaya bimbingan kaunseling kerjaya untuk PPB perlu memberi penekanan yang lebih kepada aspek nilai dan keperluan bidang-bidang kerjaya berbanding pada jenis pekerjaan atau kerjaya semata-mata kerana menurut mereka kaedah memadamkan kebolehan dan minat pelajar kepada pekerjaan tertentu memberi sumbangan yang kecil kepada PPB .

Selanjutnya, terdapat juga pandangan yang menyarankan agar bimbingan pendidikan kerjaya kepada kumpulan pelajar PB perlu diubah daripada memberi penekanan terhadap elemen kebolehan dan minat kepada aspek nilai peribadi dalam membuat keputusan kerjaya (Perrone 1986). Pandangan tersebut bagaimanapun disanggah oleh beberapa pengkaji yang menyatakan, penilaian aspek kecenderungan minat dan kebolehan dalam kalangan PPB ini boleh dijalankan dengan baik, sekiranya ianya menggunakan instrumen yang melebihi tahap pelajar berkenaan (Stanley 1990). Ini adalah kerana mereka percaya bahawa kekerapan wujudnya profil yang setara dalam kalangan pelajar PB, terutamanya disebabkan oleh penggunaan alat ujian yang tidak sesuai mengikut tahap mereka. Justeru, PPB memerlukan instrumen kerjaya yang melebihi tahap usia atau gred mereka. Sehubungan itu, kajian Lubrinski, Benbow, dan Ryan (1995) menunjukkan bahawa terdapat kemungkinan pelajar PB yang dewasa memperoleh profil kerjaya yang berfaedah apabila menggunakan instrumen Kecenderungan Minat Kerjaya Holland (1985). Justeru penggunaan instrumen kecenderungan kerjaya untuk pelajar PB perlu mengambilkira aspek tahap instrumen berkenaan, di mana instrumen untuk orang dewasa adalah lebih sesuai digunakan bagi kelompok pelajar PB, selaras dengan ciri kematangan kerjaya mereka (Hansen & Campbell, 1977 dan Davis 1992).

Kajian melihat kecenderungan minat kerjaya dalam kalangan PPB telah dijalankan oleh ramai pengkaji bidang kerjaya. Antaranya, Fox (1978) dalam kajian menilai corak kecenderungan minat kerjaya pelajar PB telah mendapati hasil dapatan yang menarik. PPB mendapati memperoleh skor yang signifikan tinggi terhadap minat kerjaya yang bercorak intelektual seperti penulisan, matematik, sains, penguacapan awam, sains medikal, dan adventure/mencabar. Kajian seterusnya oleh Humphreys,

Lubinski, & Yao (1993) mendapati PPB dalam kebolehan matematik atau penaakulan verbal mempunyai kecenderungan minat yang kuat dalam pembelajaran akademik.

Hasil kajian kecenderungan minat kerjaya oleh Vock, Koller, Nagy (2013) ke atas PPB mendapati mereka mempunyai minat yang kuat pada domain personaliti investigatif dan realistik, tetapi rendah dalam domain sosial berbanding kumpulan pelajar biasa. Selanjutnya, kajian tersebut telah mengenalpasti PPB yang memperoleh pencapaian akademik tinggi pula didapati mempunyai kecenderungan ciri investigatif dan artistik yang juga tinggi. Seterusnya, apabila dilihat dari aspek jantina, kajian mendapati pelajar pintar perempuan menunjukkan profil personaliti kerjaya yang setara (flat profile), manakala pelajar pintar lelaki menunjukkan ciri yang tinggi pada domain realistik dan investigatif dan rendah dalam kecenderungan sosial. Ujian analisis multivariate regresi seterusnya menunjukkan pencapaian akademik sekolah yang tinggi mendedahkan profil minat kerjaya yang stabil dan boleh digunakan untuk meramal kecenderungan minat kerjaya pelajar yang pintar. Dapatan kajian ini menyokong kajian sebelumnya ke atas PPB lelaki di Korea oleh Wu-Tien Wu (2000). Pelajar lelaki berbakat dalam bidang sains didapati mempunyai kecenderungan minat kerjaya investigatif yang tinggi dan dapatan ini selaras dengan prestasi pencapaian akademik mereka dalam mata pelajaran sains.

### **Minat sains dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat.**

Pendidikan pintar dan berbakat dalam bidang sains telah mendapat perhatian yang scant di dalam kajian literatur (Heller, Monks, Sternberg, & Subotnik 2000). Pemerkasaan pendidikan bidang sains khususnya untuk PPB adalah disebabkan mereka dilihat sebagai penyumbang yang penting kepada masyarakat berteknologi pada masa hadapan. (Watters & Diezmann 2003). Ini disebabkan oleh PPB dilihat sebagai kumpulan yang mempunyai kapasiti pemikiran yang luarbiasa, daya kreativiti yang tinggi, dan keupayaan menaakul yang semulajadi, yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan masa depan negara dan masyarakat menerusi hasil yang menggalakkan produktiviti dan kreativiti.

Sehubungan itu, terdapat kajian yang membuktikan PPB mempunyai minat dalam bidang sains dan mempunyai keinginan yang kuat serta bersedia membuat kajian sains, khususnya dalam biologi, dan menjalankan projek-projek berkaitan sains (Azarslan 2015, Van Tassel-Basc dan Stambaugh 2009). Bidang biologi dilaporkan sebagai salah satu bidang sains yang asas yang diminati oleh PPB. Secara lebih khusus, kajian Ozarslan dan Cetin (2018) menunjukkan PPB mempunyai minat yang besar dalam bidang sains berkaitan binatang dan tumbuhan. Cepni (2002) mendapati apabila PPB memerhati produk baharu mereka, dan keputusan/ hasil kajian dalam bidang sains, minat mereka akan bertambah meningkat. Hal ini disebabkan sifat

utama PPB yang mempunyai daya ingin tahu (curiosity) yang tinggi dan keinginan meneroka mereka dapat dipenuhi. Keadaan ini menjadikan mereka terus berusaha untuk mencari penemuan baharu dalam bidang sains yang diminati ( Van Tassel-Basca dan Stambaugh 2009, Hidi dan Renninger 2006).

Kecenderungan minat sains dimanifestasikan menerusi sifat ingin tahu yang tinggi dan keperluan meneroka ilmu dan pengetahuan baharu yang mendorong mereka untuk bertanya banyak soalan, mengeluarkan idea-idea yang luar biasa, tekun mencari jalan penyelesaian ke atas masalah yang ditemui, dan keseronokan meneroka hubungan bermakna di antara benda yang kelihatan tidak berkaitan (Ozarslan dan Cetin 2018). Sehubungan itu, pendidik PPB disarankan untuk mengenalpasti minat PPB termasuk kecenderungan minat bidang sains dengan menggunakan pelbagai instrumen dan mereka perlu membentuk aktiviti pembelajaran yang selaras dengan jenis minat pelajar. Untuk membuat penyusunan ini, minat, curiosity dan keperluan mesti dikenalpasti dalam proses pendidikan PPB.

## **Teori Kajian**

### **Teori Tipologi Kerjaya Holland**

Teori tipologi Kerjaya Holland mudah difahami dan boleh diuji secara empirikal mengikut kesesuaian individu dan persekitaran (Holland dan Raymon 1986). Teori ini mempunyai tiga keperluan komponen utama iaitu individu, persekitaran dan keserasian antara individu dan persekitaran. Pemilihan kerjaya seseorang individu adalah berdasarkan personaliti dan beberapa variabel lain yang terdapat pada latar belakang pekerjaan itu (Holland, 1973). Menurut Holland (1985), kepuasan dalam pemilihan sesuatu pekerjaan adalah mengikut kesukaan orientasi peribadi individu itu sendiri. Ini bermakna kepuasan dalam pekerjaan akan tercapai apabila individu memilih kerjaya selaras dengan personaliti dan persekitarannya. Kepuasan akan tercapai apabila individu itu mewujudkan satu orientasi pekerjaan yang kukuh. Sekiranya orientasi pekerjaan yang dibina berbelah-bahagi kemungkinan kepuasan yang dicapainya akan berkurangan. Sehubungan itu, asas dalam teori kerjaya Holland (1996) mengutarakan empat andaian iaitu:

1. Semua individu boleh dikategorikan dalam salah satu daripada enam jenis personaliti iaitu Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E) dan Konvensional (K). Setiap personaliti terhasil daripada ciri-ciri interaksi antara kepelbagaian budaya, keturunan dan desakan individu termasuklah rakan sebaya, kelas sosial, dan persekitaran fizikal. Situasi yang demikian akan menimbulkan minat dalam kalangan individu.

2. Terdapat enam jenis persekitaran pekerjaan yang menyokong personaliti individu dan didominasi oleh jenis personaliti tertentu iaitu Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E) dan Konvensional (K). Ringkasan bagi enam jenis persekitaran pekerjaan ini ialah RIASEK.
3. Individu akan mencari persekitaran atau pekerjaan yang selaras dengan personaliti yang membolehkan mereka menunjukkan kemahiran dan kebolehan serta melahirkan sikap dan nilai. Individu akan berasa puas sekiranya dapat menyesuaikan diri dalam persekitaran berkenaan. Misalnya, individu yang mempunyai personaliti realistik akan berasa puas sekiranya dapat bekerja dalam persekitaran realistik juga.
4. Tingkahlaku seseorang individu boleh ditentukan melalui interaksi antara personaliti dan kriteria-kriteria persekitarannya. Sekiranya individu mengetahui tentang pola personaliti dan persekitarannya, secara tidak langsung individu akan dapat meramal beberapa perkara berkaitan pemilihan kerjaya, pencapaian kerjaya, kompetensi, tingkah laku pendidikan dan sosial serta pertukaran pekerjaan.

Menurut Holland (1985), kepuasan dalam pemilihan sesuatu pekerjaan adalah mengikut kesukaan orientasi peribadi individu itu sendiri. Ini bermakna kepuasan dalam pekerjaan akan tercapai apabila individu memilih kerjaya selaras dengan personaliti dan persekitarannya. Kepuasan terbentuk apabila individu dapat mewujudkan satu orientasi pekerjaan yang kukuh. Sekiranya orientasi pekerjaan yang dibina berbelah-bahagi kemungkinan kepuasan yang dicapainya akan berkurangan. Holland (1973) menjelaskan bahawa personaliti boleh disusun mengikut kod tiga-mata Holland. Contohnya, kod 'RIA' merujuk kepada individu yang mempunyai ciri pekerjaan realistik, investigatif dan artistik. Menurut Holland setiap gagasan personaliti mempunyai ciri-ciri personaliti dan persekitaran bidang pekerjaan seperti dalam jadual 1

**Jadual Penerangan Teori Tipologi Kerjaya Holland (1996)**

Bil	Gagasan	Keterangan mengenai bidang minat kerjaya
1	Realistik (Doers)	<b>Ciri-ciri personaliti:</b> praktikal, mekanikal, materialistik, suka menggunakan peralatan dan mesin, introvert, akur, natural (semula jadi), berhemah, tulen, tegas dan berprinsip. <b>Orientasi Persekitaran pekerjaan:</b> memerlukan kemahiran praktikal dan mekanikal. Bekerja dengan objek, peralatan, mesin, haiwan dan tumbuhan. Mempunyai kemahiran yang baik apabila menggunakan peralatan, lukisan mekanikal, mesin atau haiwan. Menghargai objek praktik yang boleh dilihat dan disentuh. Lebih suka bekerja di luar bangunan.

---

2	Investigatif ( <i>Thinkers</i> )	<p><b>Ciri-ciri personaliti:</b> pemerhati, analitikal, rasional, teliti, intelektual, introvert, introspektif, optimistik, ingin tahu, teorist dan jitu.</p> <p><b>Persekitaran pekerjaan:</b> memerlukan kemahiran menyelidik, saintifik, intelektual, analitikal dan mementingkan ketepatan. Suka membuat pemerhatian, mempelajari sesuatu, membuat penyelidikan, menganalisis, menilai dan menyelesaikan masalah. Menghargai sains dan matematik. Melihat diri sendiri sebagai tepat, saintifik dan intelektual serta meminati kerjaya saintifik dan beberapa kerjaya bercorak teknikal.</p>
3	Artistik ( <i>Creators</i> )	<p><b>Ciri-ciri personaliti:</b> imaginatif, intuitif, ekspresif, estetika, emosional, introspektif, reflektif, tulen, bebas, sensitif dan idealistik.</p> <p><b>Persekitaran pekerjaan:</b> memerlukan daya intuisi yang tinggi, ekspresif, original, bebas, kreatif, inovatif dan artistik. Suka bekerja dalam situasi yang kurang berstruktur, tidak rutin dan tidak berulang-ulang. Mempunyai apresiasi yang tinggi dan menghargai hasil seni kreatif.</p>
4	Sosial ( <i>Helpers</i> )	<p><b>Ciri-ciri personaliti:</b> sosial, suka menolong, bekerjasama, mesra, peramah, sabar, ekstrovert, empati, baik hati, bertanggungjawab dan boleh dipercayai.</p> <p><b>Persekitaran pekerjaan:</b> memerlukan interaksi, kerjasama, kolaborasi, saling membantu, melatih dan membuat kebajikan kepada orang lain. Mempunyai kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang lain. Suka kepada aktiviti membantu, memberi perkhidmatan dan menyelesaikan masalah sosial.</p>
5	Enterprising ( <i>Persuaders</i> )	<p><b>Ciri-ciri personaliti :</b> ciri kepimpinan, sukakan pencapaian, bertenaga, daya pujuk yang tinggi, suka mempengaruhi, kebolehan manipulasi, suka meneroka (adventurous), yakin diri, optimistik, mudah mesra, berwawasan, bercita-cita tinggi, berusaha, sosial, suka menonjolkan diri, ekstrovert dan bijak berkomunikasi.</p> <p><b>Persekitaran pekerjaan:</b> melibatkan pentadbiran dan pengurusan, perniagaan dan keusahawanan. Wujudnya suasana pengaruh-mempengaruhi, mengarah, memimpin dan mengurus individu lain serta menjual barangan atau idea. Matlamat akhir mereka adalah untuk mencapai keuntungan organisasi dan keuntungan ekonomi.</p>

---

---

6	Konvensional ( <i>organizers</i> )	<p><b>Ciri-ciri personaliti:</b> berstruktur tinggi, teliti, daya tahan tinggi, akur, praktikal, mengikut aturan, defensif, menurut perintah, cermat, cekap dan rutin.</p> <p><b>Persekitaran pekerjaan:</b> berstruktur dan teratur yang melibatkan data, nombor, dan kerja-kerja penganalisan. Melakukan kerja secara terperinci, mengikut peraturan dan arahan.</p>
---	---------------------------------------	--

---

### **Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada percambahan ilmu dan pengetahuan dalam bidang perhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya di sekolah khususnya untuk PPB. Antara pihak yang bakal mendapat manfaat daripada hasil kajian ini ialah guru-guru kaunseling, pentadbir sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), pelajar, Persatuan Kaunseling Malaysia, Agensi Kerajaan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan serta ahli masyarakat umumnya.

Hasil dapatan ini dapat membantu Guru Kaunseling (GK) membimbing PPB membuat perancangan dan pemilihan kerjaya dalam keadaan sedar, terbuka dan berkesan iaitu dengan bimbingan melihat keselarasan di antara personaliti diri dan persekitaran bidang kerjaya (bukan jenis pekerjaan) yang akan diceburi.

Bagi pihak pentadbiran sekolah dan KPM, hasil kajian ini dapat menyediakan indikator kecenderungan bidang kerjaya yang sesuai diceburi oleh PPB. Dapatan Profil kecekapan dalam kajian ini boleh dirujuk oleh pihak sekolah dan KPM sebagai maklumat dalam merancang dan membina program intervensi bagi program pendidikan pintar dan berbakat. Selain itu, dapatan kajian ini juga dapat membantu pihak pentadbiran sekolah menyediakan suasana persekitaran pembelajaran yang selari dengan keperluan minat dan kebolehan PPB yang mempunyai tahap kecerdasan Intelek (IQ) yang tinggi. Ini bertujuan supaya kebolehan kognisi, daya inkuisitif dan kreativiti yang tinggi dirai dan disokong untuk dikembangkan ke tahap yang optimum menerusi program-program pengayaan yang berterusan. Program intervensi oleh guru mata pelajaran dan guru kaunseling boleh membantu pihak pentadbiran dalam beberapa aspek seperti; (i) mewujudkan pangkalan data kecenderungan minat kerjaya PPB, (b) menyediakan persekitaran pembelajaran kondusif dan bermakna yang membina mindset dan hala tuju kerjaya PPB di masa hadapan, (iii) menyediakan infra dan infostruktur yang bersesuaian untuk kecenderungan minat dan kebolehan PPB supaya proses pemupukan dan pembinaan minat kerjaya bidang STEM misalnya boleh bermula dari peringkat pendidikan menengah rendah di sekolah.

Memandangkan kumpulan terbesar perkhidmatan B&K di negara ini berada di sekolah, maka kajian ini diharap dapat dijadikan rujukan oleh, Jabatan Pendidikan

Negeri (JPN) dan PPD KPM dalam merangka program-program perkembangan perkhidmatan profesionalisme GK. Negara berhasrat melahirkan modal insan yang berkemampuan dalam bidang kerjaya ke arah menjadikan Malaysia negara yang berpendapatan tinggi. Sehubungan itu, penyediaan guna tenaga modal insan masa depan negara perlu bermula dari peringkat sekolah. Perancangan pendidikan khidmat bimbingan kerjaya perlu dijadikan agenda utama dalam skop tugas guru B&K supaya perancangan laluan kerjaya PPB dilaksanakan secara tersusun, terancang serta dalam keadaan sedar. Bimbingan kerjaya yang jelas, teliti dan dalam keadaan sedar di peringkat sekolah ini akan menyumbang kepada pemilihan bidang pengajian yang selaras dengan bidang yang akan dimasuki pada masa depan. Hasil kesinambungan persediaan membina laluan kerjaya dari peringkat sekolah ke peringkat universiti akan dapat menyediakan modal insan negara yang mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi dalam industri. Sekaligus, menyumbang kepada penyediaan guna tenaga yang cekap dalam bidang masing-masing.

Hasil kajian ini juga diharapkan dapat menyumbang kepada kursus-kursus latihan guru Bimbingan dan Kaunseling di pelbagai peringkat. Memandangkan PPB mempunyai ciri dan keperluan yang berbeza daripada pelajar biasa dari aspek pembinaan dan pemilihan kerjaya, misalnya konsep *early emergence*, *multipotentiality*, dan ekspektasi luaran, maka guru-guru kaunseling atau bakal guru kaunseling perlu diberi pendedahan berkaitan keperluan PPB ini. Kefahaman asas tentang ciri-ciri, kecenderungan minat, dan isu-isu psikologi PPB di samping kefahaman tret personaliti akan membantu guru-guru kaunseling menyediakan khidmat sokongan yang selaras dengan keperluan populasi ini di peringkat sekolah. Secara tidak langsung dapat meningkatkan kompetensi profesionalisme kaunselor dalam menghasilkan prestasi kerja yang berkesan (William 2004). Oleh itu, bagi menjamin kualiti GK di negara ini, hasil kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan sebagai fakta penguat dalam memperkasa perkhidmatan BK kerjaya di sekolah dan institusi pendidikan yang mempunyai populasi PPB.

### **Definisi Konsep**

Pelajar yang melalui program pendidikan menengah di Kolej PERMATApintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia. Pelajar-pelajar ini telah dikenalpasti pintar berdasarkan Ujian Saringan IQ dala Ujian UKM1, UKM2, dan Ujian saringan kompetensi UKM3 sebelum terpilih memasuki program pintar dan berbakat di UKM.

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Kajian kuantitatif ini melibatkan kaedah tinjauan dalam pengumpulan data bagi menjawab persoalan kajian. Reka bentuk kaedah tinjauan dipilih kerana kajian ini lebih bersifat laporan sendiri (*self-report*) yang melibatkan ramai sampel dan mengkehendaki sampel menilai diri secara introspektif. Penganalisisan data secara deskriptif dapat menggambarkan profil tret personaliti, personaliti kerjaya, dan kecenderungan minat bidang sains dalam kalangan pelajar PPB. Pengumpulan data tret personaliti, kerjaya dan kecenderungan minat bidang sains pelajar Pintar dan berbakat (PPB) telah dianalisis secara deskriptif. Pola personaliti dan personaliti minat kerjaya PPB diperolehi secara langsung daripada Ujian Minat Kerjaya Amla (1992). Sementara keselarasan kod personaliti PPB dengan kecenderungan minat bidang sains diperolehi menerusi pembahagian mengikut kategori darjah keselarasan Kod Tiga Mata Holland (Holland 1979).

### Tempat kajian

Pengumpulan data secara kuantitatif ini melibatkan sampel dari populasi pelajar pintar dan berbakat (PPB) yang mengikuti Program Pendidikan Menengah di Kolej PERMATApintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia.

### Sampel Kajian

Seramai 231 orang PPB berusia di antara 12 hingga 17 tahun (peringkat Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5) terlibat dalam kajian ini. Kesemua pelajar ini mempunyai tahap kecerdasan intelek (IQ) tinggi yang telah dikenalpasti tinggi menerusi skor Ujian IQ (Ujian Saringan UKM1, UKM2, dan UKM3) sebelum mereka diterima masuk ke Kolej PERMATApintar UKM. Ujian IQ: Ujian Saringan UKM 1, UKM 2 menguji aspek kepintaran kognisi dalam aspek *Verbal Comprehension, Perceptual Reasoning, Working Memory, Dan Processing Speed*. Manakala UKM 3 menguji kompetensi / kecekapan dalam subjek Algebra, Kalkulus, Kimia, Fizik, Biologi, Penyelidikan, Kecerdasan emosi, Kreativiti, dan Ujian stress. Sampel kajian ini telah menjalani kurikulum pendidikan Pintar dan Berbakat sekurang-kurangnya satu tahun. Pengumpulan data menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan kajian rentas (*cross-sectional study*), di mana pengumpulan data dibuat secara langsung daripada responden yang ramai berkaitan dengan perasaan, motivasi, perancangan, kepercayaan, personal, fenomena atau berkenaan sesuatu program (Wiersma (2000). Pentadbiran dan pengumpulan soal selidik dilakukan dalam kelas matapelajaran Pembangunan Kendiri (pelajar Tingkatan 1 hingga 3) dan Pembangunan Jati diri

Kebangsaan (Pelajar Tingkatan 4 dan 5)

### **Instrumen kajian**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah instrumen Ujian Minat Kerjaya Terjemahan dan Adaptasi (Amla 1992). Instrumen ini mengandungi tiga bahagian. Bahagian A adalah item yang berkaitan dengan perkara yang sampel SUKA lakukan atau tidak suka lakukan. Bahagian B adalah item berkaitan dengan perkara yang sampel ketahui dia BOLEH lakukan atau tidak boleh lakukan, manakala Bahagian C adalah item tentang MINAT sampel terhadap sesuatu pekerjaan. Setiap bahagian mengandungi enam konstruk iaitu Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising, dan Konvensional (RIASEK) dan setiap konstruk mengandungi 10 item. Pemilihan jawapan adalah samada Ya (positif) atau Tidak (negatif). Jumlah item bagi setiap konstruk adalah 30 (tiga bahagian) dan jumlah keseluruhan item bagi instrumen ini ialah 180 item. Nilai kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi iaitu berada dalam julat 0.85 hingga 0.97 (Amla, 1992).

### **Analisis Data**

Data kajian ini dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian Excel 2010. Pengiraan skor adalah berdasarkan kepada jawapan yang positif sahaja iaitu Bahagian A, skor yang "Suka" sahaja, bahagian B skor yang "Boleh" sahaja dan bahagian C skor yang "Minat" sahaja. Skor dari semua bahagian (A,B dan C) untuk setiap konstruk (Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional) dijumlahkan bagi menentukan skor personaliti dan personaliti kerjaya sampel yang dikaji.

Analisis data seterusnya melibatkan pengiraan Kod Tiga Mata Holland ditentukan berdasarkan tiga skor tertinggi daripada enam konstruk yang diperolehi oleh setiap sampel. Sebagai contoh; skor Realistik =10, skor Investigatif = 15, Artistik = 18, Sosial = 20, Enterprising = 10, dan Konvensional = 9. Maka, Kod Tiga Mata Holland ditentukan dengan mengambil tiga skor tertinggi iaitu S, A, I (Sosial, Artistik dan Investigatif). Analisis data kod Tiga Mata Holland ini digunakan untuk menentukan kecenderungan minat bidang sains dalam kalangan PPB.

Menurut Holland, konstruk realistik, investigatif dan konvensional menggambarkan ciri-ciri berkaitan sains seperti menganalisis, meneroka, mengakuri, sistematik, naturalis (semula jadi), memerhati, meneliti, introspektif, ingin tahu, teoris, jitu, berstruktur, teratur, cermat dan rutin. Manakala konstruk Sosial, Artistik dan Enterprising menggambarkan ciri-ciri personaliti berkaitan bidang sains sosial seperti kreatif, imaginatif, intuitif, ekspresif, estetika, emosional, reflektif, tulen/original, bebas, sensitif, idealistik, sosial, suka menolong, bekerjasama, mesra,

peramah, sabar, ekstrovert, empati, baik hati, bertanggungjawab, boleh dipercayai. ciri kepimpinan, sukakan pencapaian, bertenaga, daya pujuk yang tinggi, suka mempengaruhi, kebolehan manipulasi, suka meneroka, yakin diri, optimistik, mudah mesra, berwawasan, bercita-cita tinggi, berusaha, sosial, suka menonjolkan diri, ekstrovert dan bijak berkomunikasi.

Sehubungan itu, berdasarkan skor Kod Tiga Mata Holland, aspek kecenderungan minat kerjaya dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian utama; iaitu (A) Kecenderungan Minat bidang sains dan (B) Kecenderungan minat bidang non-sains atau sains sosial. Minat bidang sains dibahagikan kepada empat kategori; iaitu kecenderungan (i) minat sains tinggi yang dicerminkan menerusi terdapatnya ketiga-tiga kod personaliti sains iaitu realistik (R), investigatif (I), dan konvensional (K) pada kod tiga mata Holland yang diperolehi, (ii) minat sains sederhana tinggi yang dicerminkan menerusi terdapat dua kod personaliti sains, (R atau I atau K) yang kedudukannya secara beriringan dalam Kod Tiga Mata Holland, (iii) minat sains sederhana rendah yang dicerminkan menerusi terdapat dua kod personaliti sains (R atau I atau K) yang kedudukannya secara terpisah dalam Kod Tiga mata Holland, dan (iv) minat sains rendah yang dicerminkan menerusi satu kod personaliti sains sebagai kod pertama (R atau I atau K) diikuti dengan kod-kod sains sosial pada Kod Tiga Mata Holland berkenaan (ciri Multipotentiality). Manakala minat bidang non-sains atau sains sosial dibahagi kepada tiga kategori, iaitu personaliti cenderung (i) Artistik, (ii) Sosial, dan (iii) Enterprising.

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

### Dapatan Kajian

#### **RQ 1 : Apakah personaliti minat kerjaya dalam kalangan pelajar Pintar dan Berbakat di Kolej PERMATApintar Negara UKM?**

Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian personaliti kerjaya menunjukkan bahawa pelajar pintar dan berbakat memperoleh kecenderungan personaliti pada kod Investigatif (22.15) diikuti dengan personaliti Sosial (19.88), Artistik (15.94), Konvensional (15.64), realistik (14.79), dan akhir sekali adalah enterprising (11.60).

**Jadual 2 Pola Personaliti Minat Kerjaya Pelajar Pintar dan Berbakat**

	KOD PERSONALITI KERJAYA					
	Realistik R	Investi- gatif I	Artistik A	Sosial S	Enterpris- ing E	Konve- sional C
N Valid	213	213	213	213	213	213
Mean	14.79	<b>22.15</b>	<b>15.94</b>	<b>19.88</b>	11.60	<b>15.64</b>
Std. Deviation	6.955	4.574	6.420	4.893	6.111	5.958

#### **RQ 2: Apakah ciri-ciri personaliti pelajar Pintar dan Berbakat di Kolej PERMATApintar Negara UKM?**

Berdasarkan analisis kod personaliti Holland, tiga kod personaliti yang utama bagi pelajar PB adalah personaliti Investigatif, diikuti Sosial, dan Kreatif. Personaliti investigatif menunjukkan pelajar PB mempunyai ciri-ciri yang suka memerhati, menganalisis, merasionalisasi (membuat justifikasi), meneliti, intelektual, introvert, introspektif, optimis, daya ingin tahu yang tinggi, teoris dan bersifat jitu (tepat). Sifat atau ciri-ciri yang dimiliki ini meletakkan mereka dalam kategori sebagai seorang pemikir/*thinker*.

Ini diikuti dengan kod personaliti kedua tertinggi iaitu Sosial. Kod sosial menunjukkan pelajar PB mempunyai ciri-ciri suka bersosial, menolong, bekerjasama, mesra, peramah, sabar, ekstrovert, empati, baik hati, bertanggungjawab, dan boleh dipercayai. Sifat-sifat sosial yang dimiliki ini meletakkan mereka dalam kategori individu yang suka menolong.

Kecenderungan personaliti yang ketiga ialah Artistik. Kod artistik menunjukkan pelajar PB mempunyai ciri-ciri kreatif, imaginatif, intuitif, ekspresif, menghayati nilai estetika, emosional, introspektif, reflektif, suka kebebasan, sensitif, dan idealistik. Sifat-sifat yang dimiliki ini mengkategorikan mereka sebagai individu yang suka mencipta.

**RQ 3: Apakah kecenderungan minat bidang sains dan non-sains berdasarkan Kod Tiga Mata Holland dalam kalangan pelajar Pintar dan Berbakat di Kolej PERMATApintar Negara UKM?**

Dapatan ini dibahagikan kepada dua bahagian; iaitu personaliti (a) berkecenderungan bidang Sains dan (b) personaliti berkecenderungan bidang non-sains (kemanusiaan). Secara keseluruhan, hasil dapatan kajian menunjukkan 73.24% pelajar PB yang dikaji mempunyai kecenderungan kerjaya dalam bidang sains, manakala 26.76% dalam bidang non-sains atau sains sosial.

(a) Aspek kecenderungan personaliti minat kerjaya bidang sains, dilihat pada kewujudan kod bidang sains iaitu realistik (R), investigatif (I), dan konvensional (K) pada pola Kod Tiga mata Holland setiap sampel. Data pola personaliti berkecenderungan minat bidang sains dibahagikan kepada empat bahagian iaitu pertama; personaliti kecenderungan sains tinggi, yang dicerminkan menerusi ketiga-tiga kod realistik, investigatif, dan konvensional (RIK) terdapat pada pola tersebut. Dapatan menunjukkan 6.57% pelajar PB berada dalam kategori ini. Kedua; personaliti kecenderungan sains sederhana tinggi yang dicerminkan menerusi dua kod sains yang berturutan kedudukannya (R atau I atau K). Dapatan menunjukkan 15.49% pelajar PB berada dalam kategori ini. Ketiga; personaliti kecenderungan sains sederhana rendah yang dicerminkan menerusi kewujudan dua kod sains (R atau I atau K) yang kedudukannya terpisah dalam pola Kod Tiga Mata Holland. Dapatan menunjukkan 21.13% pelajar PB berada dalam kategori ini. Seterusnya, keempat; personaliti kecenderungan bidang sains rendah yang dicerminkan menerusi terdapat satu kod minat sains (R atau I atau K), diikuti dengan kod non-sains dalam pola Tiga Mata Holland. Dapatan menunjukkan 26.76% pelajar PB berada dalam kategori ini.

(b) Seterusnya, dari aspek kecenderungan personaliti kerjaya bidang non-sains atau kemanusiaan, kod utama yang wujud dalam Kod Tiga Mata Holland ialah Sosial (S), Artistik (A), dan Enterprising (E). Analisis data personaliti kecenderungan bidang kemanusiaan (non-sains) dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu personaliti cenderung Artistik, personaliti cenderung Sosial, dan personaliti cenderung Enterprising. Dapatan kajian menunjukkan 16.43% pelajar PB mempunyai kecenderungan minat bidang sosial, diikuti 7.98% berkecenderungan dalam bidang artistik, dan hanya 2.34% berminat dalam bidang enterprising.

**Jadual 2.0 Kecenderungan Personaliti Minat Kerjaya Pelajar Pintar dan Berbakat berdasarkan Kod Tiga Mata Holland (KTMH)**

Personaliti Minat Kerjaya	Peratus keseluruhan	Kategori	Deskripsi Kategori	Kod Tiga Mata Holland (KTMH)	n	%
Cenderung Sains	156 (73.24)	Personaliti kecenderungan sains tinggi	Kesemua KTMH bidang Sains	RIK, RKI, IRK, IKR, KIR	14	6.57
		Personaliti kecenderungan sains sederhana tinggi	Dua KTMH bidang sains (berturutan)	RIA, RIS, RIE, RKS, IRA, IRS, IRE, IKA, IKS, KRS, KRE, KIS, KIE	33	15.49
		Personaliti kecenderungan sains sederhana rendah	Dua KTMH bidang sains (terpisah)	ISK, IER, IES, IEK, IKE, KSI REK (2) RSK (1) IAK (3), ISR (14), IAR (4)	45	21.13
Cenderung Non-Sains	57 (26.76)	Personaliti kecenderungan bidang sains bercampur	Satu KTMH bidang sains bercampur non-sains Multipotentiality	RAS, RSA, RSE, IAS, IAE, ISE, ISA, KSE, KES,	64	30.05
		Personaliti cenderung Artistik	Kod utama Artistik	ARI, ARS, AIR, AIS, AIK, ASR, ASI, ASE	17	7.98
		Personaliti cenderung Sosial	Kod utama Sosial	SRK, SIR, SIA, SIE, SIK, SAI, SAE, SEK, SKR, SKE,	35	16.43
		Personaliti cenderung Enterprising	Kod utama Enterprising	EAS, ESI, EKI	5	2.34
<b>Jumlah</b>					213	100

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan kebanyakan pelajar PB mempunyai Kod Personaliti Minat Kerjaya Holland yang menjurus kepada bidang sains. Pandangan ini selaras dengan ciri personaliti menurut Holland (1996) yang mendapati individu kod Realistik mempunyai ciri-ciri personaliti seperti praktikal, mekanikal, materialistik, suka menggunakan peralatan dan mesin, introvert, akur, natural (semula jadi), berhemah, tulen, tegas dan berprinsip. Individu yang mempunyai kod Investigatif pula menggambarkan ciri-ciri personaliti pemerhati, analitikal, rasional, teliti, intelektual, introvert, introspektif, optimistik, ingin tahu, teoritis dan jitu. Manakala individu kod konvensional dikatakan mempunyai ciri-ciri personaliti berstruktur tinggi, teliti, daya tahan tinggi, akur, praktikal, mengikut aturan, defensif, menurut perintah, cermat, cekap dan rutin. Kod personaliti pelajar pintar dan berbakat ini menyokong pandangan yang menyatakan pelajar PB merupakan individu yang mempunyai daya inkuisitif tinggi dan menggunakan kebolehan kognitif dalam penyelesaian masalah (Renzulli 2007). Kecenderungan menggunakan pemikiran berfikir aras tinggi beserta komitmen tugas yang tinggi, seperti yang digambarkan dalam kod konvensional menjadikan pelajar PB boleh menumpukan kecenderungan ke dalam bidang-bidang sains dan penyelidikan. Bidang ini memerlukan keupayaan memfokus, meneliti dan mendalami tugas dengan komitmen yang tinggi dan berterusan dalam mencari penyelesaian masalah atau menghasilkan sesebuah penemuan. Ini sejajar dengan ciri peribadi pelajar PB sendiri yang didapati mempunyai daya penaakulan/justifikasi yang baik, daya ingin tahu berterusan, pemerhatian yang mendalam, dan keupayaan tempoh penumpuan yang panjang dalam bidang yang diminati (NAGC 2011) (National Association for Gifted Children. [www.nagcbrtain.org.uk](http://www.nagcbrtain.org.uk)).

Dapatan kajian ini juga menunjukkan terdapat 30% PPB mempunyai personaliti yang bercampur di antara bidang sains dan non-sains. Ini menunjukkan bahawa walaupun PPB yang dikaji memiliki ciri-ciri personaliti sains seperti investigatif atau realistik atau konvensional, namun mereka juga nampaknya turut mempunyai ciri sosial atau kreativiti yang tinggi. Gabungan personaliti ini menunjukkan wujudnya isu *multipotentiality* dalam kalangan PPB yang digambarkan sebagai mempunyai skor dalam pelbagai aspek kebolehan disamping menunjukkan kecenderungan dalam pelbagai bidang minat kerjaya (Achter, Lubinski, & Benbow 1996; Sanborn, 1979; Emmett & Minor 1993; Kerr & Claiborn, 1991; Milgram, 1991; Silverman, 1993). Sehubungan itu, kajian ini menyarankan supaya PPB dibimbing untuk menghalusi dan merancang laluan kerjaya dengan membentuk pelan tindakan dan pelbagai strategi bagi membantu mereka memahami dengan sebenarnya kecenderungan minat bidang kerjaya. Ini boleh dilakukan dengan memberikan pendedahan kepada pengalaman di pelbagai industri pekerjaan bagi membantu PPB merasai persekitaran sebenar berada dalam bidang-bidang kerjaya. Pengalaman ini bakal membantu mereka membuat

pemilihan menceburi bidang yang serasi dengan personaliti sendiri mereka.

Selain kecenderungan bidang sains, pelajar PPB juga didapati mempunyai kecenderungan personaliti kemanusiaan/non-sains. Dapatan menunjukkan terdapat PPB yang mempunyai ciri sosial sebagai kod utama. Ini bermakna mereka mempunyai ciri personaliti sosial, suka menolong, bekerjasama, mesra, peramah, sabar, ekstrovert, empati, baik hati, bertanggungjawab dan boleh dipercayai. Ciri-ciri ini penting dalam membentuk sifat sosial bagi menyeimbangkan personaliti diri dan merupakan ciri-ciri penting bagi melahirkan sifat kepimpinan yang tinggi. Selain itu, PPB juga didapati mempunyai kod personaliti Artistik yang menggambarkan diri mereka sebagai individu yang imaginatif, intuitif, ekspresif, estetika, emosional, introspektif, reflektif, tulen, bebas, sensitif dan idealistik. Dapatan ini jelas menyokong pandangan Renzulli (2007) yang menyatakan PPB mempunyai daya kreativiti tinggi selain kecerdasan intelek dan komitmen tugas yang tinggi. Kecenderungan minat kerjaya yang terakhir ialah enterprising. Dapatan menunjukkan PPB kurang memiliki ciri-ciri enterprising seperti ciri kepimpinan, keupayaan mempengaruhi, memanipulasi, yakin diri, optimistik, berwawasan, bercita-cita tinggi, berusaha, menonjolkan diri, ekstrovert dan bijak berkomunikasi (Holland 1996). Dapatan ini mempunyai keselarasan dengan dapatan kajian ciri-ciri kepimpinan yang menunjukkan PPB mempunyai tahap kepimpinan yang sederhana (Rorlinda 2017). Sehubungan itu, kajian ini menyarankan supaya PPB dibimbing untuk mengenalpasti bakat kepemimpinan masing-masing kerana PPB biasanya tidak melihat diri mereka sebagai pemimpin dan mempunyai kepercayaan atau efikasi sendiri yang rendah dalam memimpin (Landau & Weissler 1991 dan Chan 2007). Pembinaan sifat-sifat kepimpinan seperti berkeyakinan, kecekapan berkomunikasi, berinisiatif perlu dipupuk secara berterusan dan merentas aktiviti pembelajaran samada di dalam aktiviti kurikulum maupun ko kurikulum kerana pemupukan yang berterusan dapat memperkukuhkan keyakinan dan penyebatan sifat-sifat tersebut ke dalam diri PPB. Dengan ini akan terbentuk budaya kepimpinan dalam diri PPB, selaras dengan visi pendidikan pintar dan berbakat di Malaysia iaitu membina PPB yang seimbang serta mempunyai minda inkuisitif untuk boleh menyumbang sebagai pemimpin dunia, pemikir, pencipta dan mempunyai sifat kemanusiaan yang tinggi (Buku Panduan Tahunan Pusat PERMATApintar UKM 2018).

Secara keseluruhan, hasil kajian ini memberi implikasi kepada peranan kaunselor perkhidmatan bimbingan dan kerjaya serta guru-guru mata pelajaran yang melaksanakan program pendidikan PB. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya PPB perlu diperkasa bagi membantu pelajar ini menemui laluan kerjaya yang terbaik untuk mereka. Antara saranan yang perlu dilakukan adalah; (a) menyediakan pelbagai program kerjaya seperti; aktiviti meneroka secara mendalam minat kerjaya menerusi penyediaan Folio kerjaya yang memuatkan informasi berkaitan bidang

yang diminati seperti bibliografi tokoh-tokoh utama bidang kerjaya berkaitan, (b) mendedahkan PPB kepada pakar-pakar bidang kerjaya di industri dengan memberi peluang mereka mememubual atau mendapatkan khidmat nasihat, (c) mengadakan program *shadowing* dengan pakar bidang yang dipilih. Pengalaman berada bersama pakar bidang dengan melihat sendiri amalan pekerjaan bidang tersebut dalam persekitaran sebenar bagi dapat membantu pelajar mendalami minat atau sebaliknya, dan (d) menyediakan *Job-discovery* Session dengan menggalakkan pelajar membina *Career Vision Board* masing-masing dan memulakan jejak kerjaya menerusi aktiviti *volunteerism* di industri berkaitan minat kerjaya mereka. Bagi guru mata pelajaran, peranan penting yang perlu dilakukan adalah mengaitkan subjek bidang atau kepentingan maklumat dalam subjek yang diajar dengan bidang-bidang kerjaya yang terdapat dalam industri. Keupayaan guru menggabungkan isi kandungan antara subjek dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dan mengintegrasikan beberapa subjek dalam satu-satu tugas atau penilaian serta mengaitkannya dengan bidang pekerjaan akan dapat menjana penguasaan ilmu pelbagai disiplin dan membantu pelajar melihat kepentingan subjek yang dipelajari dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh industri dalam dunia pekerjaan yang sebenar. Tuntasnya, peranan kaunselor sekolah dan guru mata pelajaran adalah penting dalam membimbing, mencetus dan mendalami minat pelajar serta menyediakan perancangan laluan kerjaya yang bertepatan untuk minat dan aptitud atau kebolehan PPB. Ini bertujuan supaya kebolehan kognisi yang tinggi serta bakat yang dimiliki oleh PPB dapat dikembangkan sepenuhnya ke arah melahirkan modal insan negara yang berkualiti dan kompeten, sekaligus menyumbang kepada pembangunan ekonomi ke arah negara Malaysia berpendapatan tinggi.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Azimullah (1996). *Rahsia kejayaan kerjaya*. Entrepeneurs Development Institut. Kuala Lumpur: Press Enterprise.
- Abdul Hanid Halit. 2011. *Pembinaan modul program perkembangan kerjaya: kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur*. Trengganu: Penerbit UMT
- Abdul Hanid Halit. (2007). *Keberkesanan program kerjaya ke atas perkembangan kerjaya peringkat penerokaan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Dungun, Trengganu*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Achter, J.A., Lubinski, D., & Benbow, C.P. 1996. *Multipotentiality Among the Intellectually Gifted: "It Was Never There and Already It's Vanishing*. *Journal of Counseling Psychology*. Vol. 43, No. 1, 65-76
- Allport, G.W. (1961). *Pattern and growth in personality*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Amla Mohd Salleh. (2010). *Pendidikan kerjaya dan pembangunan modal insan*. Penerbit UKM.
- Cattell, R.B. (1972). *Description and measurement of personality*. New York: World Book Company.
- Caspi, A., Robert, B.W., & Shiner, P.L. 2005. *Personality development: Stability and change*. *Annual Review of Psychology*, 56, 453-484.
- Cepni, S. Gokdere, M., & Kucuk, M. (2002). *Developing sample activities based on Purdue Model in the field of Science for Mentally gifted students*. The 5th National Science and Mathematics Education Congress, METU (Culture and Convention Center)
- Chan, D.W. 2003. *Assessing leadership among Chinese secondary students in Hong Kong: The use of the roots rating scale for leadership*. *Gifted Child Quarterly*, 44(2), 115-122
- Chen, C.P., & Wong, J. (2013). *Career counselling for gifted students* *Australian Journal of Career Development*, 22, 72-81.  
Doi:10.1177/1038416213486774.

- Cheng Kai-Wen. (2001). A study on relationship between personality traits and employment factors of college students. *Journal of Case Studies in Education*.
- Colangelo, N., & Kerr, B.A. (1990). Extreme academic talent: Profiles of perfect scorers. *Journal of Educational Psychology*, 82, 404-409.
- Colangelo, N., & Zaffrann, R. T. (Eds.). (1979). *New voices in counseling the gifted*. Dubuque, IA: Kendall/Hunt.
- Carey, W. B. 1998. Temperament and behavior problems in the classroom. *School Psychology Review*, 27, 522-533
- Dahir, C.A., Sheldon, C.B., & Valiga, M.J. (1998). *Vission into action: Implementing the National Standards for School Counseling Programmes*. Alexandria, VA: American School Counselor Association Press
- Emmett, J. D., & Minor, C. W. (1993). Career decision-making factors in gifted young adults. *Career Development Quarterly*, 41, 350-366.
- Fox, L. H. (1978). Interest correlates to differential achievement of gifted students in mathematics. *Journal for the Education of the Gifted*, 1, 24-36.
- Fredrickson, R. H. (1979). Career development and the gifted. In N. Colangelo & R. T. Zaffrann (Eds.), *New voices in counseling the gifted* (pp. 264-276). Dubuque, IA: Kendall/Hunt.
- Fredrickson, R. H. (1986). Preparing gifted and talented students for the world of work. *Journal of Counseling and Development*, 64, 556-557.
- Greene, M.J. (2002) Career counselling for gifted and talented students. In M. Neihart, S. Reis, N. Robinson, & S.Moon (Eds.), *The social and emotiona; development of gifted children: What do we know?* (pp.81-91). Washington: Prufrock Press.
- Heller, Monks, Stenberg & Subotnik (2000). *Gifted Education as a Lifelong Challenge: Essays in Honour of Franz J. Mönks*.
- Hickson, J. (1992). A framework for guidance and counseling of the gifted in school setting. *Gifted Education International.*, 8, 93-103.

- Hidi, S., & Renninger, K.A. (2006). The four-phase model of interest development. *Educational Psychologist*, 4(2), 111-127.
- Holland, J.L. (1973). *A Theory of Vocational Personality and Work Environment*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Holland, J.L. (1977). *The Occupational Finder*. Palo Alto, California: Consulting Psychological Press.
- Holland, J.L. (1985). *Making Vocational Choices* (2nd ed.). Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Holland, J.L. (1996). *Making Vocational Choices: A Theory Vocational Personality And Work Environment*. Odessa, Florida: Psychological Assessment Resources.
- Holland, J.L. (1997). *Making Vocational Choices: A theory of Vocational Personalities and Work Enviroments*. Odessa, Florida: Psychological Assessment Resources, Inc.
- Holland, J. L. (1975). *Manual for the Vocational Preference Inventory*. Palo Alto, CA: Consulting Psychologists Press. Holland, J. L. (1985). *Making vocational choices* (2nd ed.). Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Holland, J. L., & Rayman, J. R. (1986). The Self-Directed Search. In W. B. Walsh & S. H. Osipow (Eds.), *Advances in vocational psychology: The assessment of interests* (pp. 55– 82). Hillsdale, NJ: Erlbaum
- Holland, J.L. (1996). *Making vocational choices: A theory of vocational personality and work environment*. Odessa, Florida: Psychological Assessment Resources
- Humphreys, L.G., Lubinski, D., & Yao, G. (1993). Utility of predicting group membership and the role of spatial visualization in becoming an engineer, physical scientist, or artist. *Journal of Applied Psychology*, 78, 250-261.
- Jepsen, D. A. (1979). Helping gifted adolescents with career exploration. In N. Colangelo & R. T. Zaffrann (Eds.), *New voices in counseling the gifted* (pp. 277-283). Dubuque, IA: Kendall/ Hunt.

- Kass & Cavallaro, 2010. A world of possibilities: Career development for gifted students. *National Career Development Association*. Retrieved from [https://www.ncda.org/aws/NCDA/pt/sd/news\\_article](https://www.ncda.org/aws/NCDA/pt/sd/news_article).
- Kaufmann, F. (1981). The 1964-1968 Presidential Scholars: A follow-up study. *Exceptional Children*, 48.2.
- Kelly & Colangelo. (1992). Career maturity of young gifted adolescents: A replication study. *Journal for the Education of a gifted*, 16, 36-45.
- Kerr, B. 1990. Career planning for gifted and talented youth. ERIC. Volume: Digest #E492. Retrieved from <http://www.davidsongifted.org/Search-Database/entry/A10354>
- Kerr, B.A. (1981). Career education strategies for the gifted. *Journal of Career Education*, 7, 318-324.
- Kerr, B. A., & Claiborn, C. D. (1991). Counseling talented adults. *Advanced Development*, 3, 75-83.
- Kerr, B.A., & Colangelo, N. (1988). The college plans of academically talented students. *Journal of Counseling and Development*, 67, 42-48.
- Kerr, B. A., & Ghrist-Priebe, S. L. (1988). Intervention for *multipotentiality*: Effects of a career counseling laboratory for gifted high school students. *Journal of Counseling and Development*, 66, 366-369.
- Kerr, B. & Sodano, S. 2003. Career assessment with intellectually gifted students. *Journal of Career assessment*, 11: 168-186.
- Krishan, K. (1996). Career guidance for school-leavers. Klang: Ark Publications Sdn. Bhd.
- Laudau, E., & Weissler, K. 1991. Tracing leadership in gifted children. *Journal of Psychology*, 125, 681-688
- Lubinski, D., Benbow, C.P., & Ryan, J. (1995). Stability of vocational interests among the intellectually gifted from adolescence to adulthood: A 15-year longitudinal study. *Journal of Applied Psychology*, 80, 90-94.

- Marshall, B. C. (1981). Career decision making patterns of gifted and talented adolescents: Implications for career education. *Journal of Career Education*, 7, 305-310.
- McKay, D. R. (2003). What do you need to know about career planning. Retrieved from <http://careerplanning.about.com/library/weekly/aa051799.htm>
- Milgram, R.M. (Ed.). (1991). *Counseling gifted and talented children: A guide for teachers, counselors, and parents*. Norwood, NJ: Ablex.
- Koby larz, L. Ed. (1996). *National Career Development Guidelines: K-Adult Handbook*, National Occupational Information Coordination Committee. Stillwater.
- Mackinnon (1959). *Creative and Academic Performance Among Talented Adolescents*. Retrieved from <https://books.google.com.my/books?id=gkmsx6zSdzoC>
- Mohd Ali Jamaat (2009). Kesan modul kesedaran kerjaya ke atas tahap kesedaran kerjaya di kalangan pelajar sekolah menengah Negeri Sembilan. *Kertas Kerja dibentangkan di Konvensyen Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA)*. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Ozarslan, M. & Certin, G. (2018). Gifted and talented students' views about biology activities in a science and art center. *Science Education International*. Volume 29 (1). 49-59.
- Metin, O., Murat, G., Hidayat, T., & Murat, A. (2010). Attitudes of gifted students towards science depending on some variables: A Turkish sample. *Scientific Research and Essays*. Vol. 5(7), pp. 693-699.
- Onoyase, D. & Onoyase, A. (2009). The relationship between personality type and career choice of secondary school students in Federal Government Colleges in Nigeria, *Anthropologist*, 11(2):109-115
- Oleski, D., & Subich, L. M. (1996). Congruence and career change in employed adults. *Journal of Vocational Behavior*, 49, 221-229
- Uzeyir, O., Fatih, K., Emine, H. (2015). Career decision of gifted students in Turkey. *Journal of European Education*. 5 (1). 31-44.

- Perrone, P., Male, R., Karshner, W. (1979). Career development needs of talented students: A perspective for counselors. *School Counselor*, 27, 16–23.
- Perrone, P. A., & Van Den Heuvel, D. H. (1981). Career development of the gifted: Horizons unlimited. *Journal of Career Education*, 7, 299-304
- Perrone, P. (1986). Guidance needs of gifted children, adolescents, and adults. *Journal of Counseling and Development*, 64, 564- 566.
- Peterson, J.S. (2007). Consultation related to giftedness: A school counseling perspective. *Journal of Educational and Psychological Consultation*, 17(4), 23-296.
- Renzulli, J.S. (2012). Reexamining the role of gifted education and talent development for the 21st century: a four-part theoretical approach. *Gifted Child Quarterly*, Vol. 56 (3). Pp: 150-159.
- Renzulli, J. S. 1978. "What Makes Giftedness? Re-examining a Definition". *Phi Delta Kappa*, 60: pp. 180-181.
- Robinson, A., Shore, B.M., & Enersen, D.L. 2007. *Best practice in gifted education: An evidence-based guide* (pp.207-213). Waco, TX: Prufrock Press.
- Rorlinda Yusof, Noriah Mohd ishak, Azizah Mohd Zahidi. (2015). Leadership characteristic among gifted and talented students at Malaysia National Gifted Centre. *International Journal of Scientific Research*. Vol 4(8). Pp. 5788-594.
- Sajjad Hussain, Muhammad Abbas, Khurram Shahzad & Syeda Asiya Bukhari. (2012). Personality and career choices. *African Journal of Business Management*. Vol. 6(6). Pp. 2255-2260.
- Sanborn, M. P. (1979a). Career development: Problems of gifted and talented students. In N. Colangelo & R. T. Zaffrann (Eds.), *New voices in counseling the gifted* (pp. 284-300). Dubuque, IA: Kendall/Hunt.
- Sanborn, M. P. (1979b). Counseling and guidance needs of the gifted and talented. In A.H. Passow (Ed.), *The gifted and talented: Their education and development* (pp. 424-428). Chicago: University of Chicago Press.

- Silverman, L. K. (Ed.). (1993). *Counseling the gifted and talented*. Denver, CO: Love
- Stewart, J.B. (1999). Career counseling for the academically gifted students. *Canadian Journal of Counselling*, 33 (1), 3-12
- Super, D.E., Savickas, M.L., Super, C. (1996). A life-space, Life space approach to career development. In D. Brown, L. Brooks & Associates (Eds). *Career choice and development* (3rd Ed). San Francisco: Jossey-Bass Inc.
- Uzeyir Ogurlua, Fatih Kayab & Emine Hizlic. (2015). Career Decisions of Gifted students in Turkey. *Journal of European Education*. Volume 5. 31-45.
- Van Tassel-Basc & Stambaugh, T.(2009). A Training for gifted and talented students. Istanbul: Bilimsel Acilim Akademik Yayincilik. Pp: 315-333.
- Vock, M., Koller, O., & Nagy, G. (2013). Vocational interests of intellectually gifted and highly achieving young adults. *Br J Educ Psychol*. 2013 Jun;83(Pt 2):305-28. doi: 10.1111/j.2044-8279.2011
- Watley, D.J. (1969). Career progress: A longitudinal study of gifted students. *Journal of Counseling Psychology*, 16, 100-108.
- Watters, J.J., & Diezmann, C.M. (2003). The gifted students in sciences: Fulfilling potential. *Australian Science Teacher Journal* 49(3): 46-53
- Watters, J.L. (2010). Becoming a father, missing a wife: Chinese translational families and the male experience of lone parenting in Canada. *Population, Space and Place*, 16(1), 63-74
- Wu-Tien Wu. (2000). Vocational interest and career maturity of male high school students talented in math and science. Retrieved from [http://www.childresearch.net/projects/special/2000\\_01.html](http://www.childresearch.net/projects/special/2000_01.html)
- Onoyase, D. & Onoyase, A. (2009). The relationship between personality type and career choice of secondary school students in Federal Government Colleges in Nigeria, *Anthropologist*, 11(2):109-115
- Oleski, D., & Subich, L. M. (1996). Congruence and career change in employed adults. *Journal of Vocational Behavior*, 49, 221-229

- Perrone, P., Male, R., Karshner, W. (1979). Career development needs of talented students: A perspective for counselors. *School Counselor*, 27, 16–23.
- Perrone, P. A., & Van Den Heuvel, D. H. (1981). Career development of the gifted: Horizons unlimited. *Journal of Career Education*, 7, 299-304
- Perrone, P. (1986). Guidance needs of gifted children, adolescents, and adults. *Journal of Counseling and Development*, 64, 564- 566.
- Peterson, J.S. (2007). Consultation related to giftedness: A school counseling perspective. *Journal of Educational and Psychological Consultation*, 17(94), 23-296.
- Pusat PERMATApintar UKM's Annual Guidebook. (2018). Buku Panduan 20-19 Kolej PERMATApintar UKM. Penerbit UKM.
- Renzulli, J.S. (2012). Reexamining the role of gifted education and talent development for the 21st century: a four-part theoretical approach. *Gifted Child Quarterly*, Vol. 56 (3). Pp: 150-159.
- Renzulli, J. S. 1978. "What Makes Giftedness? Re-examining a Definition". *Phi Delta Kappa*, 60: pp. 180-181.
- Robinson, A., Shore, B.M., & Enersen, D.L. 2007. Best practice in gifted education: An evidence-based guide (pp.207-213). Waco, TX: Prufrock Press.
- Rorlinda Yusof, Noriah Mohd ishak, Azizah Mohd Zahidi. (2015). Leadership characteristic among gifted and talented students at Malaysia National Gifted Centre. *International Journal of Scientific Research*. Vol 4(8). Pp. 5788-594.
- Rosnaini Sulaiaman dan Amla Salleh. (2000). Kesan pola personaliti ke atas keterampilan dan kepuasan kerja: Satu kajian Kes. *Jurnal PERKAMA*. 8 :87 – 99
- Super, D.E. (1971). *The psychology of career*. New York: Harper & Row Publisher.
- Sajjad Hussain, Muhammad Abbas, Khurram Shahzad & Syeda Asiya Bukhari. (2012). Personality and career choices. *African Journal of Business Management*. Vol. 6(6). Pp. 2255-2260.

- Sanborn, M. P. (1979a). Career development: Problems of gifted and talented students. In N. Colangelo & R. T. Zaffrann (Eds.), *New voices in counseling the gifted* (pp. 284-300). Dubuque, IA: Kendall/Hunt.
- Sanborn, M. P. (1979b). Counseling and guidance needs of the gifted and talented. In A.H. Passow (Ed.), *The gifted and talented: Their education and development* (pp. 424-428). Chicago: University of Chicago Press.
- Schultz Q.P., & Schultz. S.E. (2001) *Theories of Personality*. (7th Ed.). California: Wadsworth Thompson Learning.
- Sidek Mohd Noah. (1996). Keselarasan personaliti dan persekitaran latihan: Satu kajian di kalangan pelajar universiti berasaskan teori Kongruen Individu- Persekitaran Holland. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan. UKM, Bangi, Selangor.
- Silverman, L. K. (Ed.). (1993). *Counseling the gifted and talented*. Denver, CO: Love
- Stewart, J.B. (1999). Career counseling for the academically gifted students. *Canadian Journal of Counselling*, 33 (1), 3-12
- Super, D.E., Savickas, M.L., Super, C. (1996). A life-space, Life space approach to career development. In D. Brown, L. Brooks & Associates (Eds). *Career choice and development* (3rd Ed). San Francisco: Jossey-Bass Inc.
- Uzeyir Ogurlua, Fatih Kayab & Emine Hizlic. (2015). Career Decisions of Gifted students in Turkey. *Journal of European Education*. Volume 5. 31-45.
- Van Tassel-Basc & Stambaugh, T.(2009). A Training for gifted and talented students. Istanbul: Bilimsel Acilim Akademik Yayincilik. Pp: 315-333.
- Vock, M., Koller, O., & Nagy, G. (2013). Vocational interests of intellectually gifted and highly achieving young adults. *Br J Educ Psychol*. 2013 Jun;83(Pt 2):305-28. doi: 10.1111/j.2044-8279.2011
- Watley, D.J. (1969). Career progress: A longitudinal study of gifted students. *Journal of Counseling Psychology*, 16, 100-108.
- Watters, J.J., & Diezmann, C.M. (2003). The gifted students in sciences: Fulfilling potential. *Australian Science Teacher Journal* 49(3): 46-53

- Watters, J.L. (2010). Becoming a father, missing a wife: Chinese translational families and the male experience of lone parenting in Canada. *Population, Space and Place*, 16(1), 63-74
- Wu-Tien Wu. (2000). Vocational interest and career maturity of male high school students talented in math and science. Retrieved from [http://www.childresearch.net/projects/special/2000\\_01.html](http://www.childresearch.net/projects/special/2000_01.html)

## **Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Penjawat Awam Keterhutangan Yang Serious di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

Nordiana Abd Rahim  
Bahagian Psikologi dan Kaunseling  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
nordiana.rahim@moe.gov.my

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan mengenal pasti sejauh mana tahap dan hubungan kesejahteraan kewangan penjawat awam yang mengalami keterhutangan yang serious di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sampel kajian terdiri daripada 635 orang responden termasuklah pegawai dan anggota kumpulan pelaksana (AKP). Instrumen kajian yang digunakan merupakan instrumen yang dibina sendiri mengikut prosedur pembinaan instrumen yang sebenar. Instrumen kesejahteraan kewangan dibina dan digunakan sebagai alat untuk mengukur pemboleh ubah kajian seterusnya menjawab objektif-objektif kajian. Instrumen ini mempunyai kebolepercayaan Alpha Cronbach .897. Hasil dapatan kajian menunjukkan peratusan paling tinggi untuk pemboleh ubah pengetahuan, pemikiran dan tingkah laku adalah berada pada tahap tinggi. Manakala peratusan paling tinggi bagi pemboleh ubah emosi berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah kesejahteraan kewangan. Namun begitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kesejahteraan kewangan berdasarkan jantina dan status. Walaubagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan di antara kesejahteraan kewangan berdasarkan kelayakan akademik tertinggi. Pengkaji turut mencadangkan agar dijalankan kajian intervensi bagi memastikan kesejahteraan kewangan tercapai.*

**Kata Kunci :** Kesejahteraan Kewangan; Pengetahuan; Pemikiran; Tingkah Laku; Emosi

## PENDAHULUAN

Dewasa ini, masalah keterhutangan serius menjadi isu penting yang sering didedahkan oleh media massa. Isu ini bukan sahaja menarik minat masyarakat umum, malah pihak kerajaan juga amat memandang serius mengenai perkara ini. Masalah keterhutangan serius dikatakan virus yang sangat membimbangkan dan dapat memberi kesan berantai kepada individu yang terlibat dengannya. Ia bukan sahaja sekadar berkaitan dengan hutang, malah ia membawa kepada kesan yang lebih serius seperti masalah pinjaman wang tanpa lesen (along), senarai hitam, tindakan undang-undang, mufis dan sebagainya. Jika isu ini tidak ditangani segera, masalah yang lebih buruk dijangkakan berlaku seperti memberi kesan kepada ekonomi, politik dan sosial kepada negara kita (Khairudin Ali, 2011).

Keterhutangan yang serius menjadi satu fenomena yang membimbangkan dan ia melibatkan banyak pihak termasuk golongan penjawat awam. Permasalahan ini perlu difahami oleh semua penjawat awam kerana hutang boleh menjejaskan prestasi penjawat awam, dan sekaligus akan dikenakan tindakan tatatertib. Ini kerana, kejayaan sesebuah organisasi ataupun jabatan diukur dari segi prestasi organisasi tersebut. Pengukuran prestasi pula adalah berasaskan kepada tugas utama dalam sesebuah organisasi. Terdapat kesan yang negatif dan menjejaskan prestasi penjawat awam ekoran daripada terbelenggu dengan permasalahan hutang yang serius.

Dalam keadaan ekonomi yang semakin meruncing tambahan pula dengan peningkatan kos hidup serta perubahan gaya hidup dan corak penggunaan dalam kalangan penduduk Malaysia, ianya sangat mempengaruhi kesejahteraan kewangan individu. Kesejahteraan kewangan merupakan kedudukan kewangan seseorang individu atau keluarga (Zaimah Ramli, Sarmila Md. Sum, Habib Ismail, 2013). Kesejahteraan kewangan juga merupakan kegembiraan atau kepuasan terhadap situasi kewangan (Porter & Garman 1993; Kim et al. 2003). Dalam erti kata yang lain, kebolehan dalam melakukan penilaian kewangan dengan tindakan yang efektif berdasarkan maklumat yang diperolehi agar pengurusan kewangan dapat dilakukan secara berhemah (Basu, 2005).

Bagi mencapai kesejahteraan kewangan, pengkaji melihat dari aspek-aspek seperti pengetahuan, pemikiran, tingkah laku dan emosi yang perlu di beri perhatian agar pengurusan kewangan yang dilaksanakan tidak tersasar dari landasan kesejahteraan kewangan yang diperlukan. Kesejahteraan kewangan yang betul dapat menentukan keseimbangan seseorang itu dalam mengawal pengurusan kewangan secara berhemah. Sebenarnya, kesejahteraan kewangan perlu diberi perhatian serius kerana kajian-kajian terdahulu mengenai kesukaran dan tekanan kewangan menunjukkan bahawa tingkahlaku kewangan mempunyai hubungan dengan

kesejahteraan kewangan. Namun begitu, berlakunya tingkah laku kewangan di dorong oleh aspek-aspek lain seperti pengetahuan dan pemikiran sehingga mendorong ke arah tingkah laku kewangan seterusnya meninggalkan kesan emosi akibat pengurusan kewangan tersebut.

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam keterhutangan yang serius.

### **Objektif Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji melihat lima objektif kajian seperti di bawah :

1. Menenal pasti tahap kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam keterhutangan yang serius
2. Menenal pasti hubungan kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam keterhutangan yang serius
3. Menenal pasti perbezaan kesejahteraan kewangan berdasarkan jantina
4. Menenal pasti perbezaan kesejahteraan kewangan berdasarkan status
5. Menenal pasti perbezaan kesejahteraan kewangan berdasarkan kelulusan akademik tertinggi

### **Persoalan Kajian**

Pengkaji menyenaraikan lima persoalan kajian :

1. Apakah tahap kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam keterhutangan yang serius ?
2. Sejauh manakah hubungan kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam keterhutangan yang serius ?
3. Apakah perbezaan kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam keterhutangan yang serius berdasarkan jantina ?
4. Apakah perbezaan kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam keterhutangan yang serius berdasarkan status ?
5. Apakah perbezaan kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam keterhutangan yang serius berdasarkan kelulusan akademik tertinggi ?

## **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dapat memberikan maklumat tentang sejauh mana tahap pengetahuan, pemikiran, tingkah laku dan emosi kewangan dalam kalangan penjawat awam khususnya di Kementerian pendidikan Malaysia. Seterusnya dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk lebih bersedia mencari alternatif bagi mengawal atau mengurangkan isu keterhutangan yang serius. Ini kerana, dapatan kajian dapat membantu pihak tersebut mendapatkan pembuktian serta ketepatan data-data masalah kewangan yang dihadapi oleh penjawat awam seterusnya mengambil tindakan serta susulan ke atas perkara ini. Oleh yang demikian, mereka dapat merancang dan mengadakan program-program 3P (Pembangunan, Pemulihan dan Pencegahan terhadap golongan penjawat awam yang tidak sejahtera dari aspek kewangannya. Seterusnya, kajian ini juga dapat dijadikan panduan oleh pakar-pakar motivasi yang lain apabila dapatan yang diperolehi serta input dan maklumat kewangan yang ada boleh digunakan semasa menyampaikan motivasi kepada orang lain.

Akhir sekali, kajian ini juga sedikit sebanyak dapat membantu golongan masyarakat sekeliling tentang pentingnya kesejahteraan kewangan. Kita semua sedia maklum, isu keterhutangan ini sangat memberi impak yang negatif kepada seseorang. Dalam kehidupan harian, kewangan merupakan salah satu faktor yang membolehkan seseorang itu meneruskan kehidupan mereka. Berhutang merupakan perkara biasa yang sering berlaku pada seseorang. Namun begitu, bagaimana mereka menguruskan hutang serta perbelanjaan tersebut agar tidak mempengaruhi tingkah laku yang keterlaluan dalam berbelanja sehingga memberi tekanan kepada mereka. Dengan adanya kajian ini, dapat membuka mata golongan masyarakat kaedah yang boleh digunapakai dalam menguruskan kesejahteraan kewangan.

## **Teori Kajian**

Pengkaji menggunakan 2 teori di dalam kajian ini sebagai memperkukuhkan dan menguatkan lagi penggunaan pembolehubah-pembolehubah di dalam kajian yang akan dijalankan. Teori-teori yang dimaksudkan ialah Teori Modal Manusia (Becker, 1964) dan Teori Rasional Emotif Tingkah Laku (Albert Ellis, 1973)

### **Teori Modal Manusia (Becker, 1964)**

Di dalam teori ini, ianya menyatakan manusia itu adalah pelaburan pada negara. Oleh itu, Untuk membuat pelaburan perlu ada pendidikan ilmu tentang kewangan. Dengan ilmu serta pengetahuan yang ada akan membantu menguruskan kewangan dengan baik. Justeru itu, pengetahuan kewangan sangat penting pada setiap manusia agar ianya dapat membantu membuat pilihan yang tepat apabila berhutang. Kurangnya

pengetahuan kewangan mendorong manusia sukar untuk menggunakan kewangan dengan baik.

### **Teori Rasional Emotif Tingkah Laku (Albert Ellis, 1973)**

Teori ini meliputi pemikiran, tingkah laku dan emosi yang dapat dikaitkan dengan manusia. Individu yang berfikir secara rasional akan bertingkah laku secara positif seterusnya memberi kesan yang positif dalam diri mereka. Ini bermakna, individu mempunyai potensi untuk berfikir secara rasional atau berfikir secara tidak rasional. Jika kepercayaan serta pertimbangan yang terhasil adalah positif maka mereka boleh berfikir secara rasional dalam membuat keputusan pengurusan kewangan. Setelah berfikir secara rasional maka tingkah laku yang terhasil untuk menggunakan kewangan juga adalah positif seterusnya akan memberi kesan emosi yang baik. Namun begitu, jika sebaliknya maka pemikiran turut terjejas menjadi negatif seperti sering memikirkan pandangan orang lain apabila tiada wang sekaligus bertingkah laku ke arah negatif seperti berbelanja tanpa had seterusnya mendatangkan emosi yang sedih, tertekan disebabkan banyak hutang yang perlu ditanggung.

### **Kajian Lepas**

Kajian yang dijalankan oleh Zaimah Ramli, Ab d Hair Awang, Sarmila Md Sum, Jariah Masud, Mumtazah Othman (2014) yang mengkaji tentang faktor-faktor penentu kesejahteraan kewangan pekerja sektor awam berkahwin di Malaysia. Seramai 415 responden terlibat dalam kajian ini. Pemilihan kementerian adalah secara rawak iaitu 6 kementerian telah dipilih dari 28 kementerian. Hasil kajian menunjukkan umur, pendapatan, pemilikan rumah, sumbangan pendapatan dalam keluarga, tingkah laku kewangan, pembuat keputusan kewangan mempunyai hubungan dengan tahap kesejahteraan kewangan pekerja berkahwin dalam keluarga dwi-pendapatan.

Seterusnya, Zaimah Ramli, Sarmila Md Sum, Habib Ismail (2013) telah menjalankan kajian yang bertajuk kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru wanita. Seramai 325 orang guru wanita telah dipilih sebagai responden. Hasil kajian mendapati kebanyakan guru wanita mempunyai tahap kesejahteraan kewangan yang sederhana dan terdapat perbezaan signifikan antara umur, jumlah simpanan dan jumlah aset dengan tahap kesejahteraan kewangan guru wanita.

Kajian yang sama telah dijalankan oleh Noor Atiqah Ab Talib, Dr. Rusliza Yahya, Dr. Mohd Abdullah Jusoh (2017) berkaitan dengan pendidikan kewangan, tahap literasi kewangan dan hubungannya dengan tingkah laku kewangan usahawan mini RTZ Zon Utara. Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan di antara pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan serta hubungan antara tahap

literasi kewangan dengan tingkah laku kewangan. Sampel yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 254 orang usahawan mini RTC Zon Utara. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap literasi kewangan dengan tingkah laku kewangan usahawan mini RTC Zon Utara.

Nuraini Abdullah & Mohamad Fazli Sabri (2016) telah menjalankan kajian tentang faktor peramal pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda. Kajian ini dijalankan ke atas 508 orang responden iaitu 57.1% terdiri daripada kakitangan awam selebihnya terdiri daripada kakitangan swasta yang berumur 40 tahun ke bawah telah terlibat dalam kajian ini. Kaedah persampelan rawak berlapis dilakukan di zon tengah iaitu di Putrajaya, Kuala Lumpur, Selangor dan Perak menggunakan borang soal selidik (self administered). Hasil kajian menunjukkan bahawa, peratusan tertinggi literasi kewangan dan stres kewangan adalah pada tahap yang sederhana. Walau bagaimanapun, terdapat hubungan signifikan yang negatif antara sikap obsesi terhadap wang dan stres kewangan dengan pengurusan hutang pekerja muda.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif dan inferensi. Sebanyak 4 hipotesis kajian dan 5 persoalan kajian yang di bina dalam kajian ini berdasarkan pada objektif kajian. Kajian yang dijalankan juga adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik.

### **Tempat Kajian**

Pengkaji memilih tempat kajian di semua bahagian dan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia di seluruh Malaysia.

### **Responden Kajian**

Pengkaji memilih responden dalam kalangan pegawai dan anggota kumpulan pelaksana yang mempunyai masalah keterhutangan yang serius iaitu potongan gaji melebihi 60%.

## Populasi dan Persampelan Kajian

Pemilihan populasi dan sampel adalah berdasarkan beberapa perkara :-

- Pengkaji mendapatkan data-data daripada Bahagian Akaun, Kementerian Pendidikan Malaysia tentang penjawat awam KPM yang mengalami masalah keterhutangan yang serius iaitu potongan gaji melebihi 60% ke atas.
- Pengkaji memilih secara rawak setiap negeri bagi mewakili responden yang mengalami keterhutangan yang serius.
- Pengkaji mengedarkan soal selidik kepada responden yang terpilih melalui aplikasi google doc
- Data dianalisis untuk menjawab objektif, persoalan dan hipotesis kajian berdasarkan statistik

## Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik yang digunakan merupakan soal selidik yang dibina sendiri oleh Bahagian Psikologi dan Kuanseling, KPM untuk diselaraskan dengan kajian ini. Soal selidik ini dinamakan sebagai Instrumen Kesejahteraan Kewangan. Instrumen ini dibina mengikut prosedur pembinaan termasuklah dari aspek kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Instrumen ini mengandungi 55 soalan di mana ianya meliputi 4 konstruk yang akan diukur. Konstruk-konstruk tersebut ialah pengetahuan (26 soalan), pemikiran (11 soalan), tingkah laku (12 soalan) dan emosi (6 soalan). Instrumen ini menggunakan skala likert (1 = sangat-sangat tidak setuju hingga 6 = Sangat-sangat setuju) dan skala dikotomus (0 = tidak tahu dan 1 = tahu). Setiap konstruk mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu pengetahuan = , .750 pemikiran = .905 , tingkah laku = .918, emosi = .730. Nilai kebolehpercayaan instrumen ini adalah .897.

## KEPUTUSAN DAN DAPATAN KAJIAN

### Demografi

Kajian ini melibatkan 635 orang warga Kementerian Pendidikan Malaysia di seluruh Malaysia yang mengalami keterhutangan yang serius. Berdasarkan jadual 1 di bawah, daripada 635 responden, 182 (28.7%) adalah lelaki dan 453 (71.3%) adalah perempuan. Dapatan data juga menunjukkan seramai 550 (86.6%) adalah melayu, 3 (0.5%) adalah cina, 15 (2.4%) adalah india, 63 (9.9%) adalah bumiputera Sabah/Sarawak dan 4 (0.6%) adalah lain-lain. Selain itu, dari aspek status, seramai 32 (5.0%) merupakan bujang, seramai 569 (89.6%) merupakan berkahwin dan 34 (5.4%) merupakan duda/janda. Manakala dari aspek kelayakan akademik tertinggi pula, seramai 32 (5.0%) memiliki sarjana/master, seramai 421 (66.3%) memiliki kelayakan

ijazah/bachelor, 51 (8.0%) memiliki kelayakan akademik tertinggi diploma, seramai 24 (3.8%) memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan seramai 106 (16.7%) memiliki kelayakan akademik tertinggi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

**Jadual 1 : Profil kajian berdasarkan jantina, bangsa, status dan kelayakan akademik tertinggi (n = 635)**

Demografi		Bilangan	Peratusan %
Jantina	Lelaki	182	28.7
	Perempuan	453	71.3
Bangsa	Melayu	550	86.6
	Cina	3	0.5
	India	15	2.4
	Bumiputera Sabah/Sarawak	63	9.9
	Lain-lain	4	0.6
Status	Bujang	32	5.0
	Berkahwin	569	89.6
	Duda/Janda	34	5.4
Kelayakan Akademik Tertinggi	Sarjana/Master	32	5.0
	Ijazah/Bachelor	421	66.3
	Diploma	51	8.0
	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	24	3.8
	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	106	16.7

### Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan Dan Hipotesis Kajian

Berikut adalah hasil dapatan kajian Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Penjawat Awam Keterhutangan yang Serius di Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah diperolehi daripada data yang telah dianalisis. Hasil dapatan ini menjawab semua persolana dan hipotesis kajian yang telah dikemukakan terdahulu.

Persoalan 1 : Apakah tahap kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam keterhutangan yang serius

**Jadual 2 : Peratusan Tahap Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Penjawat Awam Keterhutangan Yang Serious (n= 635)**

	<b>Tahap</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan %</b>
Pengetahuan	Rendah	8	1.3
	Sederhana	70	11
	Tinggi	557	87.7
Pemikiran	Rendah	18	2.8
	Sederhana	191	30.1
	Tinggi	426	67.1
Tingkah Laku	Rendah	21	3.3
	Sederhana	282	44.4
	Tinggi	332	52.36
Emosi	Rendah	252	39.7
	Sederhana	312	49.1
	Tinggi	71	11.2

Jadual 2 menunjukkan peratusan tahap kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam keterhutangan yang serius. Peratusan meliputi tahap pengetahuan, tahap pemikiran, tahap tingkah laku dan tahap emosi. Hasil dapatan menunjukkan peratusan pengetahuan kewangan tahap tinggi adalah sebanyak 87.7 % iaitu seramai 557 orang responden. Tahap sederhana menunjukkan peratusan sebanyak 11% dengan bilangannya 70 orang responden manakala tahap yang rendah menunjukkan sebanyak 1.3% iaitu seramai 8 orang responden. Ini menunjukkan tahap tinggi memperoleh peratusan paling tinggi berbanding tahap rendah dan tahap sederhana.

Seterusnya, peratusan bagi tahap pemikiran pula, sebanyak 67.1% iaitu 426 orang responden berada pada tahap tinggi, 30.1% dengan bilangannya 191 orang responden pula berada pada tahap sederhana dan 2.8% iaitu 18 orang responden memperoleh tahap rendah. Dapatan menunjukkan tahap tinggi memperoleh peratusan paling tinggi diikuti tahap sederhana dan tahap rendah.

Dapatan data juga menunjukkan, peratusan tahap tingkah laku bagi tahap tinggi adalah sebanyak 52.3% iaitu seramai 332 orang responden, peratusan bagi tahap sederhana adalah sebanyak 44.4% dengan bilangannya seramai 282 orang responden. Manakala tahap rendah sebanyak 3.3% dengan bilangannya seramai 21 orang responden. Ini menunjukkan peratusan paling tinggi adalah pada tahap tinggi berbanding tahap rendah dan tahap sederhana.

Manakala, peratusan bagi tahap emosi pula, sebanyak 11.2% iaitu 71 orang responden berada pada tahap tinggi, 49.1% dengan bilangan seramai 312 orang responden pula berada pada tahap sederhana dan 39.7% iaitu 252 orang responden pula berada pada tahap rendah. Ini menunjukkan peratusan paling tinggi adalah pada tahap sederhana diikuti tahap rendah dan tahap tinggi.

H01 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam keterhutangan yang serius

**Jadual 3 : Hubungan Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Penjawat Awam Keterhutangan Yang Serius (n= 635)**

	Tingkah Laku	
	R (Korelasi Pearson)	P Sig. (2-tailed)
Pemikiran	0.845**	.000
Tingkah Laku	-0.228**	.000
Emosi	-0.288**	.000

\*Korelasi adalah signifikan pada nilai 0.05

\*\*Korelasi adalah signifikan pada nilai 0.01

Jadual 3 menunjukkan hubungan pembolehubah kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam keterhutangan yang serius. Daripada keputusan di atas, berdasarkan hubungan pemikiran dan tingkah laku, didapati terdapat hubungan yang positif antara pemikiran dengan tingkah laku di mana korelasi menunjukkan 0.845 dengan nilai p yang diperolehi adalah .000 iaitu lebih kecil daripada 0.05 ( $r(635) = 0.845, p < .05$ ). Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan di antara pemikiran dengan tingkah laku bagi kesejahteraan kewangan penjawat awam di KPM. Oleh itu, hipotesis nul ditolak dan hipotesis alternatif diterima.

Seterusnya, terdapat hubungan yang negatif antara tingkah laku dengan emosi di mana korelasi menunjukkan -0.228 dengan nilai p yang diperolehi adalah .000 iaitu lebih kecil daripada 0.05 ( $r(635) = -0.228, p < .05$ ). Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan di antara tingkah laku dengan emosi bagi kesejahteraan kewangan penjawat awam di KPM. Oleh itu, hipotesis nul ditolak dan hipotesis alternatif diterima.

Manakala, bagi pemboleh ubah emosi dan pemikiran pula, didapati terdapat hubungan yang negatif antara emosi dengan pemikiran di mana korelasi menunjukkan -0.228 dengan nilai p yang diperolehi adalah .000 iaitu lebih kecil daripada 0.05 ( $r(635) = -0.228, p < .05$ ). Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan di antara emosi dengan pemikiran bagi kesejahteraan kewangan penjawat awam di KPM.

Kesimpulannya, terdapat hubungan yang signifikan diantara ketiga-tiga pemboleh ubah kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam keterhutangan yang serius di KPM. Dengan itu Hipotesisi nul di tolak dan hipotesisi alternatif diterima.

Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam keterhutangan yang serius berdasarkan jantina

**Jadual 4 : Ujian t Perbezaan Antara Kesejahteraan Kewangan Berdasarkan Jantina (n= 635)**

Pemboleh ubah	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t	Sig
Pemikiran	Lelaki	182	52.27	9.438	.878	.381
	Perempuan	453	51.53	10.135		
Tingkah Laku	Lelaki	182	53.16	10.332	-.094	.925
	Perempuan	453	53.25	11.426		
Emosi	Lelaki	182	20.15	6.282	1.33	.183
	Perempuan	453	19.43	5.787		

\* $p < .05$

Jadual 4 menunjukkan analisa ujian t bagi melihat perbezaan kesejahteraan kewangan berdasarkan jantina. Analisa yang dijalankan antara perbezaan pemboleh ubah pemikiran, tingkah laku dan emosi mengikut jantina. Bagi pemboleh ubah pemikiran, min bagi lelaki adalah lebih tinggi iaitu 52.27 berbanding min bagi perempuan iaitu 51.53. Dapatan menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan berdasarkan ujian t iaitu ( $t(635) = .878, p > .05$ ). Oleh itu hipotesis nul diterima dan hipotesis alternatif ditolak.

Bagi pemboleh ubah tingkah laku pula, min bagi perempuan adalah lebih tinggi iaitu 53.25 berbanding min bagi lelaki iaitu 53.16. Berdasarkan ujian t juga, tiada perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan iaitu ( $t(635) = -.094, p > .05$ ). Oleh itu hipotesis nul diterima dan hipotesis alternatif ditolak.

Manakala pemboleh ubah emosi pula, dapatan menunjukkan min bagi lelaki adalah lebih tinggi iaitu 20.15 berbanding min bagi perempuan iaitu 19.43. Namun begitu, dapatan ujian t menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan iaitu ( $t(635) = 1.33, p > .05$ ). Oleh itu hipotesis nul diterima dan hipotesis alternatif ditolak.

Ho3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam keterhutangan yang serius berdasarkan status

**Jadual 5 : ANOVA Perbezaan Kesejahteraan Kewangan Berdasarkan Status (n= 635)**

		<b>JKD</b>	<b>DK</b>	<b>MKD</b>	<b>F</b>	<b>P=Sig</b>
Pemikiran	Antara	104.424	2	52.21	.528	.590
	Kumpulan					
	Dalam	62524.25	632	98.93		
	Kumpulan					
	Jumlah	62628.67				
Tingkah Laku	Antara	147.412	2	73.71	.596	.551
	Kumpulan					
	Dalam	78184.28	632	123.71		
	Kumpulan					
	Jumlah	78331.7				
Emosi	Antara	138.552	2	69.28	1.971	.140
	Kumpulan					
	Dalam	22208.69	632	35.14		
	Kumpulan					
	Jumlah	22347.24				

\*p < .05

Jadual 5 menunjukkan analisa ANOVA untuk melihat perbezaan kesejahteraan kewangan berdasarkan status responden. Didapati tiada perbezaan yang signifikan antara pemikiran dengan status responden iaitu pada nilai  $F(2, 632) = .528, P > .05$ . Justeru itu, hipotesis nul diterima dan hipotesis alternatif ditolak. Selain itu, dapatan data juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku dengan status responden iaitu pada nilai  $F(2, 632) = .596, P > .05$ . Justeru itu, hipotesis nul diterima dan hipotesis alternatif ditolak. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara emosi dengan status responden iaitu pada nilai  $F(2, 632) = 1.971, P > .05$ . Justeru itu, hipotesis nul diterima dan hipotesis alternatif ditolak

Ho4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam keterhutangan yang serius berdasarkan tahap akademik

**Jadual 6 : ANOVA Perbezaan Kesejahteraan Kewangan Berdasarkan Kelulusan Akademik Tertinggi (n= 635)**

		<b>JKD</b>	<b>DK</b>	<b>MKD</b>	<b>F</b>	<b>P=Sig</b>
Pemikiran	Antara	419.87	4	104.97	1.064	.373
	Kumpulan					
	Dalam	62046.12	629	98.64		
	Kumpulan					
	Jumlah	62465.99				
Tingkah Laku	Antara	568.41	4	142.10	1.151	.331
	Kumpulan					
	Dalam	77637.14	629	123.43		
	Kumpulan					
	Jumlah	78205.56				
Emosi	Antara	669.91	4	167.48	4.860	.001
	Kumpulan					
	Dalam	21674.65	629	34.46		
	Kumpulan					
	Jumlah	22344.56				

\*p < .05

Jadual 6 pula menunjukkan analisa ANOVA untuk melihat perbezaan kesejahteraan kewangan berdasarkan kelulusan akademik tertinggi responden. Didapati tiada perbezaan yang signifikan antara pemikiran dengan kelulusan akademik tertinggi responden iaitu pada nilai  $F(4, 629) = 1.064, P > .05$ . Justeru itu, hipotesis nul diterima dan hipotesis alternatif ditolak. Selain itu, dapatan data juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku dengan kelulusan akademik tertinggi responden iaitu pada nilai  $F(4, 629) = 1.151, P > .05$ . Justeru itu, hipotesis nul diterima dan hipotesis alternatif ditolak. Manakala terdapat perbezaan yang signifikan antara emosi dengan kelulusan akademik tertinggi iaitu pada nilai  $F(4, 629) = 4.860, P < .05$ . Justeru itu, hipotesis nul ditolak dan hipotesis alternatif diterima. Untuk melihat kelayakan akademik mana yang berbeza, maka analisis post hoc dijalankan.

**Jadual 7 : Keputusan Pos Hoc jenis Turkey : Perbezaan Antara Kelompok Mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi dalam Emosi Kesejahteraan Kewangan (n= 635)**

Pembolehubah	Jenis Kelompok (I)	Kelulusan Akademik Tertinggi (J)	Perbezaan Min	P=Sig
Emosi	Sarjana/ Master	Ijazah/bachelor	1.352	1.000
		Diploma	4.594*	.006
		Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	2.729	.856
		Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	2.570	.304
	Ijazah/ Bacelor	Sarjana/Master	-1.352	.210
		Diploma	3.242*	.000
		Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	1.377	.264
		Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	1.218	.057
	Diploma	Sarjana/Master	-4.594*	.006
		Ijazah/Bachelor	-3.242*	.000
		Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	-1.865	.701
		Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	-2.025	.256
	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	Sarjana/Master	2.729	.856
		Ijazah/Bachelor	1.377	.264
		Diploma	-1.865	.701
		Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	-1.160	1.000
	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Sarjana/Master	2.570	.304
		Ijazah/Bachelor	1.218	.057
		Diploma	-2.025	.256
		Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	-1.160	1.000

\*p < .05

Jadual 7 menunjukkan hasil analisa post hoc jenis Turkey untuk melihat perbezaan antara kelompok mengikut kelulusan akademik tertinggi dalam emosi kesejahteraan kewangan. Terdapat perbezaan min yang signifikan antara responden yang mempunyai kelulusan akademik sarjana/master dengan diploma. Selain itu, bagi responden yang mempunyai kelulusan akademik ijazah/bachelor pula mempunyai perbezaan min yang signifikan dengan responden yang mempunyai kelulusan akademik diploma. Manakala, responden yang mempunyai kelulusan akademik Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak menunjukkan sebarang perbezaan min yang signifikan antara kelompok yang lain.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian, kesemua persoalan kajian dan hipotesis kajian telah dijawab berdasarkan data-data yang dianalisa dengan menggunakan kaedah deskriptif dan inferensi. Bagi persoalan pertama kajian iaitu melihat tahap kesejahteraan kewangan di mana ianya meliputi pengetahuan, pemikiran, tingkah laku dan emosi, adalah didapati bahawa tahap pengetahuan memperolehi peratusan tertinggi pada tahap tinggi iaitu 87.7% (557) berbanding tahap sederhana sebanyak 11% (70) dan tahap rendah 1.3%(8). Tahap pemikiran pula, didapati peratusan tertinggi berada pada tahap tinggi iaitu 67.1%(426) berbanding tahap sederhana 30.1%(191) dan tahap rendah 2.8%(18). Bagi tahap tingkah laku pula, didapati peratusan tertinggi berada pada tahap tinggi iaitu sebanyak 52.31%(332) berbanding tahap sederhana 44.4%(282) dan tahap rendah 3.3%(21). Manakala tahap emosi pula, dapatan menunjukkan peratusan tertinggi berada pada tahap sederhana iaitu sebanyak 49.1%(312) berbanding tahap rendah 39.7%(252) dan tahap tinggi 11.2%(71). Ini bersesuaian dengan apa yang kaji oleh Nuraini Abdullah & Mohamad Fazli Sabri (2016) tentang faktor peramal pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda. Hasil kajian mendapati bahawa peratusan tertinggi emosi seperti stres kewangan adalah pada tahap yang sederhana.

Selain itu, hasil dapatan turut menjawab empat hipotesis kajian. Hipotesis kajian yang pertama mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan, pemikiran, tingkah laku dan emosi kesejahteraan kewangan dalam kalangan penjawat awam KPN keterhutangan yang serius. Justeru itu, hipotesis nul ditolak dan hipotesis alternatif diterima. Hasil dapatan ini turut disokong dalam kajian lepas oleh Khairudin Ali(2011). Hasil kajian mendapati faktor sikap, pengetahuan dan penguatkuasaan undang-undang akan mempengaruhi tahap kesedaran penjawat awam dalam menangani isu keberhutangan ini. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Nor Azman Bin Mohamed (2017) dimana hasil kajian menunjukkan wujudnya hubungan yang positif antara pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan kesejahteraan kewangan.

Seterusnya, hipotesis kajian yang kedua menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kesejahteraan kewangan berdasarkan jantina. Kajian yang dijalankan oleh Huzaimah & Anuar (2017) turut menyokong dapatan dengan menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan kewangan di antara lelaki dan perempuan.

Selain itu, hipotesis kajian yang ketiga pula mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kesejahteraan kewangan berdasarkan status. Dapatan ini tidak selari dengan kajian yang dijalankan oleh Zaimah, R., Abd Hair Awang., Sarmila, M.S., Jariah Masud., Sharifah Azizah Haron., & Mumtazah

Othman (2014), di mana hasil kajian mendapati umur, pendapatan, pemilikan rumah, sumbangan pendapatan dalam keluarga, tingkah laku kewangan, pemikiran membuat keputusan kewangan mempunyai hubungan dengan tahap kesejahteraan kewangan pekerja berkahwin dalam keluarga dwi-pendapatan.

Manakala hipotesis yang keempat pula menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan, pemikiran dan tingkah laku kesejahteraan kewangan berdasarkan kelulusan akademik tertinggi. Namun begitu, hanya terdapat perbezaan yang signifikan di antara emosi kesejahteraan kewangan berdasarkan kelulusan akademik tertinggi. Dapatan ini mungkin disebabkan individu yang mempunyai pendidikan lebih rasional menguruskan kewangan berbanding individu yang kurang didedahkan dengan pendidikan. Kajian yang dijalankan oleh Rubayah, Hawati, & Ain (2015) telah mencadangkan agar usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai pengetahuan kewangan perlu dipertingkatkan lagi dalam kalangan pelajar universiti agar ianya dapat membantu penggubal polisi, para pentadbir dan pendidik untuk mengetahui aspek yang penting dalam program pendidikan agar dapat meningkatkan pengetahuan kewangan mereka.

## CADANGAN

Berdasarkan hasil kajian, beberapa cadangan dapat dikemukakan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang yang berhasrat untuk menjalankan kajian dalam aspek yang sama. Di dalam kajian ini sasaran responden terhadap penjawat awam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah terlalu besar jumlah populasinya. Kajian yang akan datang mungkin boleh dkecilkan lagi skopnya iaitu dengan mengambil responden dalam kalangan guru-guru sahaja yang mengalami keterhutangan yangs serius. Dengan itu, ianya lebih terarah dan dapat ditumpukan kepada sasaran tersebut.

Selain itu, berdasarkan kajian lepas dan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji, pengetahuan, pemikiran, tingkah laku dan emosi mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesejahteraan kewangan. Namun begitu, kurangnya intervensi yang dijalankan untuk mengatasi isu-isu keterhutangan yang serius ini di dalam kajian. Justeru itu, kajian berkaitan intervensi dalam memperolehi kesejahteraan kewangan boleh dijalankan seperti membina modul, bimbingan dan sebagainya.

Seterusnya, kajian ini juga melibatkan responden yang benar-benar megalami isu keterhutangan yang serius. Justeru, kajian di masa akan datang boleh diluaskan skop kajian dengan mengambil responden umum secara rawak dan tidak semata-mata kepada mereka yang mengalami keterhutangan yang serius sahaja. Dengan itu data kajian boleh digeneralisasikan mewakili responden yang lain.

## **PENUTUP**

Secara kesimpulannya, dapatan kajian yang dijalankan telah memenuhi objektif kajian, persoalan kajian dan menjawab beberapa persoalan kajian. Dengan dapatan yang diperolehi dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan seperti organisasi untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan kewangan pegawai-pegawai mereka. Datapan kajian juga sedikit sebanyak memberi input bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kesejahteraan kewangan berdasarkan kelulusan akademik. Namun begitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kesejahteraan kewangan berdasarkan jantina dan status penjawat awam KPM. Oleh yang demikian, diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak dan menjadi sebahagian sumber rujukan yang berguna dalam bidang kesejahteraan kewangan khususnya dari aspek kaunseling.

## RUJUKAN

- Atiqah, A. T. N., Rusliza, Y., & Abdullah, J. M. (2017). Pendidikan Kewangan, Tahap Literasi Kewangan dan Hubungannya dengan Tingkah Laku Kewangan Usahawan Mini RTC Zon Utara. *International Journal Of Accounting, Finance and Business*, 2(5), 123–135.
- Becker, Gary S., Human Capital: A Theoretical and Empirical Analysis, with Special Reference to Education (1964). University of Illinois at Urbana-Champaign's Academy for Entrepreneurial Leadership Historical Research in Entrepreneurship. Available at SSRN: <http://ssrn.com/abstract=1496221>
- Delafrooz, N., & Paim, L. (2011). Determinants of financial wellness among Malaysia workers. *African Journal of Business Management*, 5(24), 10092-10100.
- Ellis, A. 1973. *Humanistic Psychotherapy: The Rational-Emotive Approach*. New York: Julian Press
- Huzaimah, A. Y., & Anuar, A. (2017). Tahap Literasi Kewangan Di Kalangan Mahasiswa. *International Conference Global Education V*.
- Khairudin Ali. (2011). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan Serius Di Kalangan Penjawat Awam Di Kuala Lumpur*.
- Kim, J., Garman, E. T. & Sorhaindo, B. 2003. Relationships among credit counseling clients' financial well-being, financial behaviors, financial stressor events, and health. *Financial Counseling and Planning Education* 14(2): 75-87.
- Nor Azman Mohamed (2017). *Sosialisasi Kewangan, Pengaruh Pengetahuan Kewangan dan Tingkah Laku Kewangan Terhadap Kesejahteraan Kewangan Pekerja Muda*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nuraini, A., & Fazli, S. M. (2016). Faktor Peramal Pengurusan Hutang Dalam Kalangan Pekerja Muda, 2(2), 1–19.
- Porter, N. M. & Garman, E. T. 1993. Testing a conceptual model of financial well-being. *Financial Counseling and Planning* 4: 135-165.

- Rubayah Yakob, H. J. & N. A. K. (2015). Tahap Literasi Kewangan dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam : Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia ( Financial Literacy Level Amongst Public University Students : Evidence from Universiti Kebangsaan Malaysia ), 18(1), 75–88.
- Surat Siaran JPA.SULIT (TT).7082(7) bertarikh 1 Ogos 2000. Peraturan Mengenai Larangan Meminjam Wang Dan Berada Dalam Keterhutangan kewangan yang serius ke atas Pegawai Awam.
- Surat Siaran JPA.SULIT (TT).7082 JLD 6(35) bertarikh 28 Disember 2005. Peraturan Mengenai Larangan Meminjam Wang Dan Berada Dalam Keterhutangan kewangan yang serius ke atas Pegawai Awam.
- Zaimah, R., Sarmila, M.S., & Habib Ismail. (2013). Kesejahteraan Kewangan dalam Kalangan Guru Wanita, 47(2), 129–136.
- Zaimah, R., Abd Hair Awang., Sarmila, M.S., Jariah Masud., Sharifah Azizah Haron., & Mumtaz Othman (2014). Faktor-Faktor Penentu Kesejahteraan Kewangan Pekerja Sektor, 9, 804–812.

## **Model Pembinaan Modul Intervensi Psikospiritual Terapi Relaksasi (IPTR) Pengurusan Stres, Kerisauan Dan Kemurungan.**

Wan Roslini bt Mat Rasik<sup>1</sup>, Mohd Sani b. Hj. Ismail<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Sekolah Kebangsaan Islah, Kelantan,

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian kontemporari Islam, Unisza, Terengganu

<sup>1</sup>linie258@yahoo.com, <sup>2</sup>msaniismail@unisza.edu.my

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk menilai kesahan kandungan modul Intervensi Psikospiritual Terapi Relaksasi (IPTR) oleh pakar berasaskan pandangan Russell (1974) yang dibuahuai oleh Jamaludin(2002) dengan menggunakan instrumen soal selidik kesahan kandungan modul. Seramai empat orang panel pakar di bidang psikologi dan kaunseling dirujuk untuk mendapatkan nilai kesahan dan kesesuaian modul IPTR sebelum digunapakai pada seting yang sebenar. Modul IPTR adalah berasaskan model pembinaan Sidek yang melibatkan 13 langkah pembinaan modul. Mekanisme penyelesaian adalah berfokuskan maklumat daripada teori asas General Adaptation Syndrome (GAS), Teori Psikoanalitik, Teori Hopelessness. Tambahan maklumat tersebut diintegrasikan dengan pendekatan Kognitif Tingkah Laku dan Modul Psikospiritual Imam al- Ghazali (Noor Shakirah, 2008). Pendekatan ini disesuaikan untuk pembinaan aktiviti-aktiviti di dalam modul tersebut. Dapatan nilai kesahan kandungan modul IPTR adalah 87.5% menunjukkan tahap pencapaian melebihi 70% sebagai ukuran tahap pencapaian modul yang baik (Tuckman 1988; Sidek & Jamaludin, 2005).*

**Kata Kunci:** Modul; Stres; kerisauan; kemurungan; Spiritual.

## PENDAHULUAN

### **Pernyataan Masalah**

Fenomena “storm and stress” sebagaimana pandangan Hall (1904) menerusi kajian-kajian saintifik yang telah dijalankan sehingga kini masih relevan dan diakui oleh para psikologi yang lain (Arnett, 2006). Remaja terdedah dengan pelbagai risiko dan keperluan serta kehendak yang perlu dipenuhi. Kemuncak cabaran remaja adalah tertumpu kepada populasi pelajar di pusat-pusat pengajian atau di kolej (Lynch et al. 2011). Pelajar-pelajar kini dikenali sebagai pelajar millennial atau sebagai generasi Y yang amat berbeza dengan generasi sebelumnya (Kumaraswamy, 2013.) Menurut Bland et al. (2012), generasi Y menghadapi cabaran stress overload yang berlebihan di dalam mengharungi dan menamatkan pengajian mereka. Kolej dan universiti bukan lagi tempat yang menyeronokkan sebaliknya pelajar berdepan dengan pelbagai isu yang perlu ditangani (Eisenberg et al. 2012). Antara isu kritikal yang sering dihadapi di kampus ialah tekanan akademik seperti kesuntukan masa menghadapi peperiksaan kerana silabus yang padat, risau tentang peperiksaan dan kerjaya yang bakal dimiliki (El Ansari & Stock 2010; El Ansari et al. 2014), sosial dan tuntutan keperluan diri (Bland et al. 2012). Revolusi budaya pula, kian pantas mempengaruhi kehidupan semasa dengan perubahan yang signifikan seperti industri muzik (i-tunes), industri berita dan komunikasi, peluang pekerjaan, pengangkutan, media sosial dan pelbagai isu kesihatan yang kompleks (Seaward, 2018).

Dalam konteks tempatan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat untuk memantapkan sistem pendidikan bertaraf dunia, selari dengan matlamat menjadikan sebuah negara maju. Keadaan ini pastinya menyumbangkan kesan positif dan kesan negatif kepada pelajar. Satu perkara yang pasti membimbangkan ialah risiko stres dalam kalangan pelajar di Malaysia. Justeru, di dalam mengharungi kehidupan sebagai seorang pelajar, simptom dan risiko stres tidak dapat dielakkan. Simptom stres yang dibiarkan tanpa rawatan akan memberikan impak terhadap tingkah laku dan peningkatan kecelaruan mental seperti kerisauan (Mohd Razali, 2010) dan kemurungan (Tahir et al. 2010). Keadaan ini mencetuskan perasaan negatif stres dan kemurungan kepada tahap yang lebih serius iaitu bertindak membunuh diri (Mohammad et al., 2016).

Berdasarkan kepentingan menangani tahap stres, kerisauan dan kemurungan, maka sebuah modul yang komprehensif perlu dibangunkan bagi membantu pelajar untuk memberikan kemahiran mengawal dan menangani permasalahan tersebut. Kajian-kajian awal menyatakan, masih kurang modul pengurusan stres pelajar yang dinilai secara ilmiah. Ini berdasarkan dapatan kajian Samsudin et al. (2013), pelajar –pelajar di kampus perlu dibantu untuk memiliki satu mekanisme menangani

tahap stres. Kegagalan membantu pelajar sasaran akan memberikan impak terhadap pembangunan modal insan ke arah melahirkan guna tenaga yang terlatih dan berdaya saing, dengan keperluan negara pada 2020 (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM 2006).

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menilai kesahan kandungan modul IPTR oleh pakar di bidang psikologi dan kaunseling.

### **Objektif**

Menguji kesahan kandungan modul mengikut pandangan panel pakar terhadap Modul Intervensi Psikospiritual Terapi Relaksasi (IPTR).

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini melibatkan kajian deskriptif yang akan menjawab persoalan kajian berikut:

Apakah tahap kesahan kandungan modul mengikut pandangan panel pakar terhadap Modul Intervensi Psikospiritual Terapi Relaksasi (IPTR).

### **Kepentingan Kajian**

Kajian tentang permasalahan psikologikal pelajar adalah amat penting bagi mewujudkan kesejahteraan emosi agar perkembangan potensi diri pelajar tidak terganggu (Bland et al. 2012). Oleh itu, keperluan satu pembinaan intervensi rawatan permasalahan emosi diperlukan bagi menangani epidemik global yang berlaku di mana sahaja tanpa mengenal usia (WHO, 2011). Menurut Khaidzir & Khairil (2011) dan Seaward (2018), pelajar perlu dibantu rentetan pelbagai desakan persekitaran dan kelemahan ketahanan diri adalah sebahagian punca stres, kerisauan dan kemurungan. Fenomena tersebut tidak dapat dielakkan dalam kehidupan seharian pelajar. Justeru, pelajar perlu diberikan kemahiran berdaya tindak untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran tersebut.

Dalam konteks tempatan, kajian berkaitan stres, kerisauan dan kemurungan menyetengahkan sepuluh kajian yang terkini iaitu, melaporkan tahap stres pelajar UMS dan daya tindak menangani stres mengikut etnik (Lailawati et al. 2012), tahap stres, kerisauan dan kemurungan dalam kalangan pelajar Unikl (Samsudin et al. 2013), tahap kemurungan dalam kalangan pelajar USM (Tahir et al. 2010), ramalan faktor kemurungan dalam kalangan pelajar UniKL (Yasmin et al. 2017) dan pembinaan

beberapa intervensi rawatan seperti kajian Mastura (2011); Mahzam (2013); Che Haslina (2014); Fauziah (2014); Phang et al. (2015); Mohd Nasir & Ahmad Jazimin (2015) dan Atefeh (2016). Kesenambungan kajian-kajian tersebut perlu diteruskan untuk kelompok pelajar yang lain di samping membincangkan kesesuaian alternatif daya tindak pelajar terhadap isu tersebut.

Bertitik tolak daripada kepentingan dan kajian yang lalu, kelompangan kajian tersebut masih perlu ditambah baik dengan pembinaan intervensi yang bercorak Islamik (Nadiyah 2012). Pada pandangan Maher et al. (2017), pelajar muslim lebih selesa dengan pendekatan Islamik berbanding dengan pendekatan barat. Justeru, kelompangan tersebut diaspirasikan dengan membina intervensi yang dikenali sebagai Intervensi Psikospiritual Terapi Relaksasi (IPTR) bagi menangani tahap stres, kerisauan dan kemurungan bagi pelajar muslim.

Golongan pelajar adalah kumpulan yang berkepentingan kepada pihak-pihak berikut iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, pengubal dasar kurikulum pendidikan, pihak pentadbiran kampus, kaunselor, pegawai psikologi, ibu bapa dan jabatan NGO. Perkongsian rawatan dan intervensi ini secara langsung memberikan alternatif sebagai pencegahan awal terhadap isu-isu stres, kerisauan dan kemurungan dan bahan bantu berdaya tindak menangani simptom-simptom tersebut.

Dalam konteks pelajar, pelajar disarankan perlu menguasai kemahiran bertindak dengan pelbagai pendekatan agar isu dan permasalahan yang dihadapi dapat ditangani dengan baik. Menurut pandangan Nor Azah (2011), kepelbagaian tindakan adalah diperlukan di dalam menangani keadaan emosi yang tidak stabil. Pandangan ini ditegaskan oleh WHO (2011), bahawa pendekatan holistik berkeupayaan menyelesaikan isu-isu psikologikal individu. Badan professional APA(2011), turut meletakkan elemen religiositi pada dividsion ke 36 sebagai satu bahagian daripada beberapa bahagian psikologi yang diiktiraf. Tinjauan karya lepas, turut membuktikan kajian integrasi psikologi dan spiritual berjaya menurunkan tahap stres, kerisauan dan kemurungan individu. Antara kajian intervensi tersebut ialah Aisha Salman (2010), Ziasma et al. (2013), Mohd Shahril (2013), dan Fauziah (2014). Justeru, IPTR dijangkakan mampu membantu individu bertindak dan mengawal keadaan stres, kerisauan dan kemurungan agar kefungsian hidup mereka di kampus tidak terbeban.

Selain itu, menurut Rafidah Aga (2011) tiada garis panduan yang spesifik kepada setiap ahli psikologis di Malaysia untuk mengendalikan dan mempraktikkan amalan professional. Oleh yang demikian Rafidah Aga, mencadangkan agar ahli psikologis dan kaunselor membina intervensi berdasarkan budaya tempatan bagi membantu ke arah pemantapan bidang psikologi dan kaunseling. Justeru itu, kajian ini dibina agar dapat membantu kaunselor muslim di dalam menggunakan pendekatan

dan prinsip Islamik terhadap keperluan klien muslim didalam menangani keadaan emosi yang tidak stabil.

Seterusnya perspektif kajian ini yang mengintegrasikan pendekatan psikologi dan perspektif Islamik adalah sebagai alternatif di samping alternatif -alternatif yang telah tersedia ada di Malaysia bagi membantu pelajar menangani tahap stres, kerisauan dan kemurungan. Tambahan pula, pendekatan ini masih tidak banyak dan kurang dilaksanakan di bidang akademik (Nadiyah 2012; Che Haslina 2014). Dapatan kajian ini secara langsung dapat menyumbangkan kepada peningkatan ilmu dalam bidang psikologi.


### **Teori Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menangani stres, kerisauan dan kemurungan. Oleh itu, ketiga-tiga teori tersebut diperlukan untuk membantu pelajar memahami konsep dan definisi setiap emosi tersebut. Ini kerana, menurut Samsudin et al. (2013), terdapat pelajar yang tidak memahami konsep murung, manakala Yazdani et al. (2010), Mahmoud Jihan (2011), Deasy et al. (2015), Jennings et al. (2018) menyarankan keperluan pelajar untuk bertindak agar dapat terhindar daripada *collapse stage* sebagaimana Teori GAS. Bagi tujuan kajian ini, ketiga-tiga teori yang dipilih adalah Teori *General Adaptation Syndrome* (GAS) bagi stres, Teori Psikoanalitik kerisauan Freud dan Teori *Hopelessness* merujuk kepada konsep kemurungan. Penekanan utama terhadap teori GAS adalah berasaskan pandangan Powell & Enright (1990) yang mengemukakan hujah yang tepat terhadap punca permasalahan individu. Maklumat tersebut ialah 80% penyakit moden hari ini adalah berpunca daripada stres. Sebanyak 4-5% daripada populasi USA dikenal pasti mengalami kerisauan setiap tahun. USA mengambil sebanyak 5 billion dos *tranquillizers* dan 16,000 ton aspirin bagi keperluan populasi setiap tahun. Selari dengan itu, pencegahan terhadap simptom stres perlu diberikan perhatian yang serius agar simptom kerisauan dan kemurungan dapat dicegah sebelum terlambat. Justeru, perkongsian maklumat konsep stres dan fasa-fasa stres mengikut tahap iaitu *alarm stage*, *resistance stage* dan *collapse stage* perlu dikongsikan kepada pelajar. Teori ini juga, dipilih bagi membantu populasi pelajar yang dikenalpasti sebagai populasi yang paling berisiko menghadapi stres (Yazdani et al. 2010; Hunt & Eisenberg, 2010; Baghurst & Kelly, 2014). Justeru, menurut kefahaman terhadap punca-punca stres dan mekanisme daya tindak yang positif perlu diajarkan kepada pelajar kerana stres merupakan fenomena multidimensional yang berfokuskan hubungan dinamik di antara individu dan persekitaran. Pencegahan yang proaktif menerusi kemahiran daya tindak dapat mencegah pelajar berada pada tahap ketiga iaitu *collapse stage* seperti yang diterangkan menerusi Teori GAS yang memberikan implikasi negatif terhadap diri dan masyarakat (Deasy et al. 2015; Jennings et al. 2018). Bagi teori kerisauan dan kemurungan pemilihan teori tersebut

bertujuan untuk perkongsian maklumat terhadap konsep dan definisi kedua-dua emosi tersebut. Kefahaman konsep dan definisi tersebut memudahkan pelajar mengelakkan diri dan menangani emosi tersebut (Mahzam, 2013; Samsudin et al. 2013).

Seterusnya, bagi merawat emosi-emosi tersebut, kajian ini telah mengambil pendekatan Kognitif Tingkah Laku dan Modul Psikospiritual sarjana Islam terawal al-Ghazali (Noor Shakirah, 2008). Pendekatan tersebut dipilih berasaskan pandangan Model Cooper (1981) yang menyarankan pendekatan penyelesaian masalah secara adaptive adalah mekanisme yang menepati bagi penyelesaian permasalahan tersebut. Menurut Cooper (1981), adaptive style mampu menyelesaikan masalah individu berbanding dengan maladaptive style seperti Rajah 1.1. Selari dengan itu, pencegahan terhadap simptom stres perlu diberikan perhatian yang serius agar simptom kerisauan dan kemurungan dapat dicegah sebelum terlambat.

Justeru, kajian ini membina satu alternatif langkah pencegahan *coping style* yang berbentuk *adaptive coping style* sebagaimana saranan Cooper (1981) yang berfokuskan ke arah penyelesaian masalah. Pendekatan mengatasi permasalahan stres, kerisauan dan kemurungan tersebut telah memfokuskan ke arah pendekatan Kognitif Tingkah Laku dan modul psikospiritual imam al-Ghazali sebagai satu intervensi merawat dan menangani permasalahan emosi tersebut. Menerusi pendekatan Kognitif Tingkah Laku pelajar akan didedahkan teknik psikopendidikan, penstrukturan pemikiran, dan latihan relaksasi menerusi aktiviti yang berpandu serta latihan dan tugasan yang harus disempurnakan sepanjang sesi tersebut.



**Rajah1.1: Sumber adaptasi daripada Cooper (1981).**

## Kajian Lepas

Tinjauan lepas mendapati, penggunaan terawal bagi pendekatan modul ialah di bidang pendidikan sebagai bahan bantu pengajaran dan pembelajaran. Antara modul pengajaran ialah modul pengajaran berasaskan multimedia dalam kalangan guru (Rafiza & Maryam, 2013), modul interaktif *graphing calculator* dalam pengajaran dan pembelajaran algebra (Zunariah, 2010), pemerkasaan Ulul Albab melalui Modul STEM (Faszly 2015), Model Addie di dalam memperkembangkan kemahiran berfikir bagi mata pelajaran moral di sekolah menengah (Hafizhah et al. 2018), modul inovasi kereta solar dalam projek berasaskan sains (Mohd Norawi & Lilia, 2014), pembangunan modul latihan pendidikan seksualiti untuk guru program pendidikan khas integrasi peringkat sekolah rendah (Shariza, 2017) dan sebagainya.

Dalam konteks psikologi, beberapa modul telah dibina antaranya, modul motivasi, modul perkembangan, modul kepimpinan, dan sebagainya (Mohamad Aziz Shah et al. 2013). Antara modul tersebut, terdapat modul yang berbantuan fasilitator dan modul yang tidak berbantuan fasilitator. Sidek & Jamaludin (2005), menyatakan terdapat tiga jenis modul iaitu modul motivasi, modul latihan dan modul akademik. Menurut Jamaludin (2002), modul motivasi merupakan modul yang dicipta untuk membantu para pelajar mempertingkatkan motivasi dalamannya agar mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Habibah(1991), pula menyatakan bahawa latihan, aktiviti dan permainan boleh mengajar pelajar mengurus hidup dengan lebih baik, iaitu mereka belajar menumpukan perhatian yang lebih kepada matlamat yang mereka tetapkan dalam hidup. Mereka digalakkan supaya merancang hidup mereka dengan lebih baik untuk menghasilkan kesan-kesan jangka panjang yang lain. Mereka diajar tentang pemikiran pencapaian, kesedaran pencapaian dan perancangan pencapaian yang boleh memberikan kesan ke atas aktiviti yang berkaitan dengan pencapaian sama ada di sekolah ataupun di luar sekolah.

Antara contoh modul motivasi yang dibina ialah modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah (Nurul Husna, 2016), Modul pengubahsuaian corak pemikiran berdasarkan terapi kognitif tingkah laku (Mohamad Aziz Shah et al. 2015), modul pengurusan stres (Mohd Shahril, 2013), modul motivasi diri (Jamaludin, 2012), Modul Bimbingan Tazkiyah An Nafs (Md Noor, 2012), *Modul Islamic Spiritual Counseling* ke atas pelajar bermasalah tingkah laku (Md Noor et al. 2016), Modul kemahiran mengawal stres kehidupan guru (Faezah & Mazlan, 2012), Intervensi Modul bimbingan Islam terhadap masalah kecelaruan kebimbangan umum dalam kalangan pelajar universiti (Che Haslina, 2014), Modul REBT untuk staf sokongan di universiti (Nurul Iman & Mastura, 2016), Kesan modul pendidikan rasional emotif kepercayaan tidak rasional dalam kalangan pelajar (Mastura, 2011), *Modul Spiritual Coping Strategies* untuk menangani stres dalam kalangan guru pelatih (Mohd Hafidz

et al. 2017), Penggunaan Modul Sidek di dalam kaunseling REBT dalam kalangan anak-anak yatim (Amalia & Sidek, 2013), *5R stress management group module* untuk pelajar (Mohd Shahril et al. 2017) dan sebagainya. Namun, pembinaan modul pengurusan stres, kerisauan dan kemurungan pelajar yang dibina melalui pendekatan psikologi dan pendekatan Modul psikospiritual Islam secara empirikal adalah terhad. Justeru, kelompangan ini perlu diisi dengan menghasilkan satu intervensi yang komprehensif bagi memenuhi keperluan kaunselor atau ahli psikologi bagi membantu pelajar muslim yang dirundung dengan permasalahan tersebut.

Menurut Nurrussakinah (2014), menerusi bukunya *Pengantar psikologi dan pandangan al-Quran tentang psikologi*, menyatakan jika ingin membangunkan psikologi Islam, maka seharusnya memanfaatkan hasil-hasil pemikiran Ilmuwan psikologi barat. Justeru, modul ini mengadatkan penemuan saintifik yang telah diterangkan secara terperinci tentang perubahan fisiologi badan terhadap stres (Selye, 1974). Pemilihan Modul Psikospiritual sarjana Islam terawal al- Imam al- Ghazali (Noor Shakirah, 2008), pula adalah berasaskan pandangan (Aisha Utz 2011; Mohd Shahril, 2013; Khairunnas 2013; Fariza, 2016; Skinner, 2018) elemen spiritual, entiti roh dan merujuk kepada al-quraan adalah antara keperluan yang perlu dipraktikkan di dalam membantu permasalahan individu. Menurut Nurrussakinah (2014) pula, peranan psikologi Islam adalah berbeza dengan psikologi barat. Psikologi barat hanya menerangkan, mengawal dan membuat ramalan terhadap tingkah laku manusia, sebaliknya psikologi Islam menerangkan, mengawal, membuat ramalan terhadap tingkah laku dan mengarahkan manusia untuk mendapat redha Allah. Jadi misi utama psikologi Islam adalah menyelamatkan manusia dan mengantar manusia untuk memenuhi kecenderungan alaminya dan fitrahnya untuk kembali kepada Allah.

Di samping itu, pengiktirafan terhadap keperluan agama dalam proses membantu juga semakin mendapat perhatian di barat (Corey, 2010; Skinner, 2018). Keperluan elemen agama sebagai intervensi telah diperakui oleh badan professional seperti *America Psychological Association* (APA) dan *America Counseling Association* yang mengiktiraf dan mengakui bahawa agama adalah satu elemen yang memberikan sumbangan kepada perkembangan dan kefungsi manusia (Md Noor et al. 2016). APA telah meletakkan religiositi pada division ke 36 sebagai salah satu bahagian daripada beberapa bahagian psikologi yang diiktiraf (APA, 2011). Berdasarkan sokongan tersebut, elemen agama ini juga turut menjadi keperluan untuk dipraktikkan di dalam kehidupan generasi muda di Malaysia.

Oleh itu, kesinambungan terhadap pendekatan kombinasi psikologi dan spiritual perspektif Islam secara empirikal telah pun terbukti keberkesanan di dalam merawat permasalahan psikologikal individu. Antara kajian empirikal yang menggunakan kombinasi tersebut ialah Ziasma et al. (2013), pendekatan intervensi

merawat permasalahan psikologikal pelajar di Pakistan, Basim Aldahadha (2013), pengurusan stres ke atas pelajar di Universiti Nizwa, dan Mohd Shahril, (2013), modul pengurusan stres guru di Malaysia. Maka pembinaan modul IPTR adalah sebahagian alternatif yang turut menggunakan kombinasi pendekatan psikologi dan mengikut perspektif psikologi Islam di dalam merawat stres, kerisauan dan kemurungan pelajar muslim di Malaysia.

## **Definisi Konsep**

Di dalam penyelidikan ini, dikemukakan definisi istilah dan operasional beberapa konsep yang digunakan antaranya ialah;

### Intervensi

Intervensi menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mentakrifkan sebagai campur tangan dalam urusan yang melibatkan dua pihak. Intervensi yang didefinisikan oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling Kementerian Pelajaran Malaysia di dalam Modul Kaunseling Keluarga (2014) pula ialah aplikasi celahan yang dilakukan oleh kaunselor dalam usaha membantu klien dengan menggunakan prosedur dan panduan yang digariskan berdasarkan matlamat dan data asas. Ia dilakukan untuk membuka dan mengubah pemikiran, perasaan, dan tingkah laku seseorang yang bermasalah supaya meneroka dan memulihkan dan meningkatkan keyakinan diri.

Dalam kajian ini, intervensi pengurusan stres, kerisauan dan kemurungan adalah dikenali sebagai Intervensi Psikospiritual Terapi Relaksasi (IPTR). IPTR adalah memfokuskan latihan dalam kumpulan dan memberikan pendidikan bagi merasionalkan pelajar muslim di dalam menangani stres, kerisauan dan kemurungan. Pendekatan penyelesaian IPTR adalah kombinasi daripada pendekatan Kognitif Tingkah Laku dengan Psikospiritual Islam. Pelaksanaan IPTR melibatkan lima sesi dengan aktiviti terancang untuk menangani tahap stres, kerisauan dan kemurungan pelajar ke arah membantu klien mendapat celik akal, menstrukturkan semula pemikiran dan perubahan tingkahlaku di samping mendekati diri kepada Allah s.w.t .

### Psikospiritual

Perkataan psiko adalah perkataan awalan yang tidak ditemui di dalam kamus Dewan Edisi Keempat (2005), sebaliknya perkataan yang ditemui adalah spiritual yang bermaksud rohani atau jiwa. Menurut Rushdan (2013), istilah psiko berasal daripada psyche yang bermaksud jiwa manakala spiritual merujuk kepada suci, unsur ketuhanan, atau unsur yang berteraskan kepada agama. Menurut Khairul Hamimah et al. (2014) pula, konsep psikospiritual adalah bersandarkan kepada sarjana Islam terawal iaitu al- Imam al-Ghazali yang memfokuskan penjagaan tiga elemen iaitu roh,

akal dan nafsu.

Dalam konteks kajian ini pendekatan yang berunsurkan spiritual diaplikasikan sebagai penerusan daripada sumber – sumber tersebut sebagai alternatif penyucian jiwa sebagaimana kaedah yang dipraktikkan oleh golongan sufi bagi merawat kesejahteraan mental ( Badri, 2000). Antara pendekatan yang dilaksanakan ialah seperti perkongsian ayat al-quraan, hadis, cerita-cerita salafus saleh dan membaca surah ar-Rahman. Kaedah rawatan yang diberikan berasaskan perawatan kejiwaan atau kerohanian yang berteraskan kepada sumber-sumber ketuhanan, dan amalan-amalan Islam yang tidak bercanggah dengan prinsip syariah yang matlamatnya adalah untuk melahirkan kestabilan diri, jiwa dan roh (Nadiyah, 2012; Rushdan, 2013).

### Terapi

Kamus Pelajar Edisi Kedua (2008), memberikan maksud terapi sebagai rawatan sesuatu penyakit fizikal atau mental secara pemulihan tanpa penggunaan ubat atau pembedahan. Justeru dalam kajian ini, terapi yang diaplikasikan adalah untuk menangani emosi stres, kerisauan dan kemruungan dalam pendekatan kombinasi psikologi dan spiritual. Antara terapi yang dilaksanakan adalah adaptasi daripada kognitif tingkah laku seperti latihan relaksasi pernafasan, dan terapi mendengar dan membaca al quraan.

### Relaksasi

Relaksasi menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), ditafsirkan juga sebagai istirehat yang bermaksud dapat mengawal resah dalam jiwa. Dalam konteks kajian ini, rawatan dan aktiviti yang dipilih adalah berorientasikan membantu pelajar mengawal emosi-emosi negatif dan mewujudkan suasana selesa, santai dan seronok untuk melegakan keresahan dan gangguan jiwa yang dialami. Latihan Relaksasi pernafasan dan alunan bacaan surah ar-Rahman diperdengarkan sebagai alternative kepada para peserta.

### Stres

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2008), stres ditakrifkan sebagai keadaan resah, cemas, tegang dan sebagainya akibat tekanan mental atau fizikal. Permasalahan yang tidak dapat diselesaikan menyebabkan seseorang individu tersebut akan bergantung kepada ubat tidur untuk meredakan keadaan yang dialaminya. Dalam kajian ini, stres yang dirawat adalah sebahagian kecelaruan emosi yang kurang serius yang dikenali sebagai neurosis. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), pada tahap neurosis pelajar dilihat tidak gembira, dapat berfikir secara logik dan tidak mengalami halusinasi dan delusi yang memerlukan kepakaran seorang kaunselor atau terapis

tanpa menggunakan sebarang deskripsi ubat-ubatan. Pelajar akan dikenalpasti melalui ujian saringan instrumen *Depression, Anxiety dan Stres* (DASS 21).

### Kerisauan

Kamus Pelajar Edisi Kedua (2008), mendefinisikan kerisauan sebagai keadaan atau perasaan risau dan kegelisahan. Manakala kamus Dewan Edisi Keempat (2005) pula, mentakrifkan kerisauan sebagai kekacauan, kerusuhan hati, kecemasan, kegelisahan yang disebabkan pemikiran individu.

Dalam kajian ini, kerisauan yang dirawat adalah sebahagian kecelaruan emosi yang kurang serius yang dikenali sebagai neurosis. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), pada tahap neurosis pelajar dilihat tidak gembira, dapat berfikir secara logik dan tidak mengalami halusinasi dan delusi yang memerlukan kepakaran seorang kaunselor atau terapis tanpa menggunakan sebarang deskripsi ubat-ubatan. Pelajar akan dikenalpasti melalui ujian saringan instrumen *Depression, Anxiety dan Stres* (DASS).

### Kemurungan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), kemurungan adalah keadaan apabila seseorang rasa kecewa dan putus asa, diiringi dengan gejala sukar tidur, lembap berfikir, dan rasa bersalah yang keterlaluan dengan kesalahan yang dilakukan.

Dalam kajian ini, kemurungan yang dirawat adalah sebahagian kecelaruan emosi yang kurang serius yang dikenali sebagai neurosis. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), pada tahap neurosis pelajar dilihat tidak gembira, dapat berfikir secara logik dan tidak mengalami halusinasi dan delusi yang memerlukan kepakaran seorang kaunselor atau terapis tanpa menggunakan sebarang deskripsi ubat-ubatan. Pelajar dikenalpasti melalui ujian saringan instrumen *Depression, Anxiety dan Stres* (DASS).

### Pelajar

Menurut Kamus Dewan (2002), pelajar dirujuk sebagai orang yang belajar atau mengaji. Ia juga membawa maksud orang yang menyelidiki ilmu. Dalam konteks kajian ini, pelajar kampus yang sedang melanjutkan pelajaran di Kelantan dipilih sebagai sampel kajian.

## Batasan Kajian

Fokus kajian ini hanyalah terhad kepada menilai keberkesanan intervensi IPTR bagi menangani tahap stres, kerisauan dan kemurungan pelajar. Oleh itu, kajian ini hanya bersandarkan Teori stres, Teori kerisauan Psikoanalitik, Teori *Hopelessness* dengan menggunakan intervensi pendekatan Kognitif Tingkah Laku dan Modul Psikospiritual sarjana Islam terawal al-Imam al-Ghazali (Noor Shakirah, 2008). Bilangan sampel adalah terdiri daripada empat panel pakar sahaja yang dirujuk untuk menilai kesahan kandungan modul IPTR. Keesahan sesuatu alat ukuran menggambarkan sejauh manakah sesuatu alat ukuran tersebut dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur (Creswell, 2011). Dalam kajian ini, kesahan kandungan modul IPTR berasaskan syarat-syarat kesahan kandungan modul yang telah disarankan oleh Ruselll (1974).

## METODOLOGI KAJIAN

### Persampelan

Lokasi kajian tinjauan kesahan kandungan modul ini melibatkan pakar yang berkhidmat di universiti awam, swasta, Pengamal kaunseling di universiti awam dan Institut Perguruan. Kriteria pemilihan kepakaran ialah pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling, pengamal di bidang psikologi dan kaunseling, berpengetahuan berkaitan dengan bidang agama Islam. Profail panel pakar adalah seperti berikut;

**Jadual 1: Profail Panel Kesahan Pakar**

Bil	Profail Ringkas	Institut	Bidang Kepakaran
1	Prof. Emiratus Dato' Dr. Amir Awang	UNISHAM	Psikologi dan Kaunseling
2	Dr. Md Noor Saper	UPSI	Psikologi dan Kaunseling
3	Dr. Hjh. Meriam bt. Ismail	Int. Perguruan	Psikologi dan Kaunseling
4	En. Nik Zulkamal b. N. Hassan	UMK	Pengamal (Psikologi & Kaunseling)

### **Alat Instrumen Kajian**

Bagi tujuan penyelidikan ini, kesahan kandungan modul dinilai dengan merujuk pandangan Russell (1974). Russell (1974) telah menyarankan lima syarat asas kesahan modul iaitu;

1. Menepati sasaran populasi
2. Situasi pengajaran atau kaedah pelaksanaan modul adalah baik.
3. Masa yang diambil untuk menghabiskan modul adalah mencukupi.
4. Berlakunya peningkatan pencapaian pelajar.
5. Berjaya mengubah sikap pelajar ke arah yang lebih cemerlang.

Menurut Brightwell & Howard (1976), menegaskan sesuatu modul boleh ditentukan kesahannya melalui pembinaan soalan-soalan atau item-item tertentu. Soalan atau item boleh dicipta berdasarkan kepada isi kandungan sesuatu modul seperti membina soalan yang khusus, soalan berdasarkan kepada aktiviti pengajaran dan ujian sendiri. Menurut Russell (1974) dan Brightwell & Howard (1976), bersependapat bahawa modul yang telah siap dibina boleh ditentukan kesahan kandungannya melalui rujukan pakar. Pakar atau penilai luar yang dirujuk adalah memiliki kemahiran berkaitan dengan modul.

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian yang telah dijalankan ini melibatkan kajian deskriptif. Kajian deskriptif digunakan untuk menentukan kesahan kandungan modul IPTR. Menurut Mohd Majid (1998), kajian deskriptif merupakan kajian bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang berlaku. Ia juga untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji. Ia tidak memerlukan usaha untuk mengawal sesuatu olahan dan juga tidak bermatlamat untuk menguji kebenaran sesuatu hipotesis. Oleh itu, kajian ini amat sesuai untuk menguji kesahan kandungan IPTR yang dibina sebelum diguna pakai pada setting yang sebenar.

### **Analisis Kajian**

Bagi tujuan penyelidikan ini, analisis kajian adalah berfokuskan mendapatkan keesahan kandungan modul IPTR. Para pengkaji mengakui bahawa sesuatu pengukuran mempunyai kesahan yang tinggi sekiranya darjah kebolehnya mengukur apa yang semestinya diukur adalah tinggi (Mohd Majid, 1998; Sidek 2002; Murphy & Davidshover, 1998; Noraini 2010). Dengan kata lain, darjah kesahan yang tinggi adalah ditentukan oleh sesuatu alat ukuran itu yang sepatutnya dapat mengukur isi kandungan secara tepat dan sistematik. Maka bagi menentukan kesahan kandungan

sesuatu alat ukuran, Rusell (1974) telah menyarankan lima syarat asas kesahan modul iaitu;

1. Menepati sasaran populasi
2. Situasi pengajaran atau kaedah pelaksanaan modul adalah baik.
3. Masa yang diambil untuk menghabiskan modul adalah mencukupi.
4. Berlakunya peningkatan pencapaian pelajar.
5. Berjaya mengubah sikap pelajar ke arah yang lebih cemerlang.

Menurut Mohd Majid (1998), penilai luar bertugas sebagai penilai bagi memastikan domain-domain yang terkandung dalam alat ukuran tersebut mewakili bidang yang dikaji. Penilai biasanya terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan dengan bidang yang dikaji oleh pembina modul. Penilaian pakar juga bertujuan untuk menilai kesesuaian butiran yang digunakan bagi mengukur domain yang terpilih. Menurut Jamaludin (2002), tiga orang pakar sudah memadai untuk membuat penilaian terhadap kesesuaian modul tersebut.

Setiap pakar penilai akan diberikan satu set modul yang telah siap dibina untuk dibaca, dikaji, diteliti ditentukan isi kandungan dan setelah pakar tersebut menjalankan penelitian terhadap modul tersebut maka akhirnya pakar akan diminta untuk mengisi borang soal selidik kesahan kandungan modul yang telah dibekalkan. Pakar tersebut juga dikehendaki memberikan respon, komen, maklum balas dan cadangan pada ruangan yang disediakan. Pandangan ini menjadi bahan atau idea pengukuhan dan pemantapan sesuatu modul yang telah diteliti olehnya.

Satu soal selidik untuk menguji kesahan kandungan sesuatu modul telah dibina oleh Jamaludin (2002) berasaskan pandangan yang telah diutarakan oleh Rusell (1974) bagi penentuan syarat-syarat kesahan modul. Kelima-lima syarat yang ditekankan untuk kesahan modul yang telah dialihbahasakan dan diubahsuai ke dalam bahasa Melayu dan dijadikan soalan atau item bagi pakar untuk menilai kesahan modul tersebut. Seterusnya, Jamaludin (2002) telah mengubahsuai item tersebut dan membina skala semantik iaitu sebagai alternatif daripada skala Likert lima mata semantik yang dibina Jamaludin (2002) telah melalui proses rujukan daripada pakar dan diakui kesahannya. Skala ini mempunyai sebelas dengan titik paling kanan ditanda 10 (Sangat Setuju), titik paling kiri ditanda 0 (Sangat Tidak Setuju) dan titik tengah ditanda dengan 5. Soal selidik ini dijangkakan memberi hasil yang lebih tepat. Soal selidik ini juga disertakan satu ruangan berkaitan dengan pandangan pakar terhadap modul tersebut. Borang soal selidik ini juga berkehendakkan pakar menurunkan tanda tangan serta cop rasminya dan disertakan tarikh. Soal selidik ini dijadikan bahan penyelidikan khusus untuk menguji kesahan kandungan modul dengan menggunakan kaedah rujukan pakar.

Antara modul tempatan dan kajian intervensi yang dilaksanakan rujukan pakar ialah Mohammad Aziz Shah (2010) Modul-modul kelompok: Aplikasi kelompok dan teknik bimbingan, Mohd Aziz Shah et al. (2014) Modul Transformasi Ehsan Pusat Perlindungan Wanita, Ahmad Jazimin et al. (2011), modul kaunseling kelompok CRTT: Pendekatan menangani permasalahan disiplin pelajar, Md. Noor Saper (2012), pembinaan modul bimbingan Tazkiyah an Nafs dan kesannya ke atas religiositi dan resiliensi remaja, Md. Noor Saper et al.(2016), kesahan dan kebolehpercayaan Modul I-Sc (Islamic Spiritual Counseling) ke atas pelajar bermasalah tingkah laku, Mohd Shahril (2013) Modul pengurusan stres guru, Mahzam (2013), kesan pendekatan kognitif tingkah laku dalam kaunseling kelompok terhadap kebimbangan sosial dan perhatian fokus sendiri remaja, Meriam (2016) kesan intervensi Quranic Soul ke atas penyesuaian pelajar, Mohd Nasir (2016) aplikasi modul terapi jiwa dalam kalangan pesakit mental dan faedahnya terhadap kesihatan jiwa, dan Mohd Shahril et al. (2017) 5R Stress Management Group Module ke atas pelajar di universiti adalah kesahan antara pengkaji yang melaksanakan rujukan pakar untuk mendapatkan nilai kesahan modul sebelum diaplikasikan kepada peserta kajian yang sebenar.

Di luar negara pula, hanya kajian Aisha Salman (2010) yang ditemui mendapatkan penilaian daripada 16 orang pakar bagi mendapatkan maklum balas terhadap modifikasi sesi kaunseling daripada *Person Centered Approach* (PAC) ke atas klien muslim. Semua pengkaji tersebut melaksanakan proses kesahan modul yang mana mereka telah melantik panel pakar untuk membuat penilaian terhadap kesesuaian modul atau teknik yang diaplikasikan di dalam proses intervensi rawatan mereka.


Intervensi dan modul yang telah dinyatakan di atas menunjukkan keperluan untuk membina satu modul pengurusan stres, kerisauan dan kemurungan pelajar. Bagi menepati kesesuaian dan menghasilkan modul yang bermutu, maka kualiti modul tersebut perlu dinilai untuk mendapatkan nilai validiti daripada panel pakar penilai dan melaksanakan kajian rintis untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan (Mohd Majid 1998).

#### Pembinaan Modul IPTR

Dalam konteks pembinaan modul ini, modul ini adalah berasaskan berbantuan fasilitator mengikuti 13 langkah-langkah Model Pembinaan Modul Sidek yang di bina pada 2001. Model ini telah dijadikan pilihan di dalam pelaksanaan pembinaan modul yang telah dibina oleh Mohd Shahril (2013) dan Amalia & Sidek, (2013). Langkah-langkah tersebut juga merupakan satu panduan kepada pengkaji agar membina modul secara terarah dan bersesuaian dengan sasaran dan objektif kajian. Di dalam menyediakan satu modul motivasi pelajar, cabaran dan penelitian perlu diambil kira agar perkara-perkara yang mencacatkan dan merosakkan modul dapat

dielakkan. Justeru, modul IPTR perlu mengambil tindakan terhadap langkah-langkah yang diutarakan oleh Model Pembinaan Modul Sidek. Menurut pembinaan modul ini, terdapat dua peringkat penghasilan modul iaitu, peringkat pertama adalah proses-proses menghasilkan draft modul dan peringkat kedua pula adalah proses-proses melaksanakan penilaian terhadap modul tersebut.

Pada peringkat pertama, modul akan dibentuk menghasilkan draft melalui sembilan langkah penting yang dimulai dengan pembinaan matlamat dan berakhir dengan penyatuan draf modul. Ia dipanggil draf kerana modul ini belum dibuktikan keesahan dan kebolehpercayaannya. Model pendekatan pembinaan modul dan penerangan lanjut terhadap langkah-langkah tersebut adalah seperti Rajah 1.



Nota: \_\_\_\_\_ Penyediaan modul Peringkat 1, menyediakan draf modul  
 \_\_\_\_\_ Pembinaan modul peringkat II, mencuba dan menilai modu

Rajah 1 : Model Pembinaan Sidek (Sidek & Jamaludin, 2005)

Rangka modul pembinaan modul IPTR adalah dibangunkan berdasarkan model pembinaan modul Sidek (Sidek & Jamaludin, 2005). Manakala, pembinaan penyelesaian Modul IPTR dibina berasaskan, maklumat Teori GAS, Teori Psikoanalitik, Teori *Hopelessness* dan diintegrasikan dengan pandangan daya tindak mengikut modul Cooper (1981), pendekatan Kognitif Tingkah Laku dan psikospiritual al-Ghazali. Menurut pembinaan modul ini, terdapat dua peringkat penghasilan modul iaitu, peringkat pertama adalah proses-proses menghasilkan draf modul dan peringkat kedua pula adalah proses-proses melaksanakan penilaian terhadap modul tersebut. Langkah-langkah tersebut ialah;

1. Pembinaan matlamat
  2. Mengenalpasti teori, rasional, falsafah, konsep, sasaran dan tempoh masa
  3. Kajian keperluan
  4. Menetapkan objektif
  5. Pemilihan isi kandungan
  6. Pemilihan strategi
  7. Pemilihan logistik
  8. Pemilihan media
  9. Menyatukan draf
- Peringkat kedua: mencuba dan menilai modul
10. Kajian rintis
  11. Menguji kesahan, kebolehpercayaan dan norma
  12. Penilaian keberkesanan
  13. Modul lengkap

Isi kandungan IPTR boleh dibahagikan kepada empat tahap iaitu Tahap pertama orientasi, Tahap kedua penerokaan, Tahap ketiga pengintegrasian Tindakan dan Tahap keempat Penamat. Berikut adalah fokus utama dan objektif modul IPTR;

Pengenalan: (1 jam 30 minit)

1. Mengumpulkan semua peserta dan menerangkan penglibatan peserta. Peserta juga dimaklumkan etika kerahsiaan, persetujuan bertulis untuk mengikuti modul IPTR, dan berbincang jadual pertemuan sepanjang intervensi IPTR.

Tahap 1: Orientasi: (1 jam 30 minit)

1. Membina hubungan yang terapeutik dalam kalangan peserta.
2. Melibatkan diri dalam setiap sesi untuk perubahan diri.
3. Berkenalan sesama peserta.
4. Mampu berinteraksi antara satu sama lain dengan mesra dan membina.

5. Memahami kepentingan mengikis perasaan malu untuk beinteraksi

Tahap 2: Penerokaan: (1 jam 30 menit)

1. Peserta dapat menyatakan definisi stres.
2. Peserta dapat menyenaraikan punca stres pelajar.
3. Peserta dapat menyenaraikan implikasi stres.

Tahap 3: Pengintegrasian Tindakan: Psikologi: (1 jam 30 menit)

1. Peserta dapat menyatakan tindakan secara psikologi seperti penstrukturan pemikiran, interaksi sosial dan latihan relaksasi.

Tahap 3: Pengintegrasian Tindakan: Spiritual: (1 jam 30 menit)

1. Peserta dapat pilihan berdaya tindak mengikut pendekatan spiritual di dalam mencegah dan menangani tahap stres.
2. Peserta dapat menganalisis kepentingan dan pengukuhan dengan cerita-cerita amalan daripada hadis dan salafus soleh.

Tahap 4: Penamat: (1 jam 30 menit)

1. Peserta dapat menganalisis tindakan perubahan diri.
2. Melengkapkan borang penyelidikan.

**Pelaksanaan Modul IPTR**

Modul IPTR yang telah mengikuti setiap langkah Model Sidek seterusnya akan melalui proses pelaksanaan modul IPTR pada setting yang sebenar. Berikut adalah pelaksanaan modul IPTR;

1. Membuat kajian keperluan terhadap pembinaan IPTR

Kajian keperluan adalah asas pembinaan modul IPTR. Tinjauan karya luar negara dan tempatan mengesahkan bahawa tahap pelajar di kampus mengalami tahap stres, kerisauan dan kemurungan. Gangguan psikologikal ini memerlukan pembinaan intervensi yang dapat membantu kumpulan sasaran tersebut. Tambahan pula, perkongsian pengalaman bersama kaunselor turut menyokong bahawa terdapat pelajar dibebani stres, kerisauan dan kemurungan sepanjang pengajian mereka. Laporan daripada kaunselor turut diambil kira sebagai keperluan untuk membina modul IPTR.

## 2. Mengetahui pasti alat ujian yang akan digunakan

Pengkaji mendapati kebanyakan kajian melaporkan penggunaan alat ujian DASS-21 adalah relevan untuk digunakan bagi kelompok pelajar. Alat ukuran ini juga digunakan secara meluas sebagai ujian saringan untuk mengenal pasti tahap stres, kerisauan dan kemurungan yang dialami (Antony Beiling et. al 1998). Selain itu, terdapat kajian yang memilih ujian DASS sebagai ujian saringan yang seterusnya memberikan panduan kepada pengkaji tersebut untuk menjalankan prose intervensi. Ujian DASS-21 sudah diakui umum sebagai alat ukuran yang memiliki nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan telah melalui proses alih bahasa (Ramli et al. 2007) serta dipraktikkan dalam konteks tempatan sebagaimana kajian Noorlila et al. (2018). Dalam konteks kajian ini, ujian DASS-21 versi Bahasa Melayu dijadikan ujian saringan dan seterusnya, bagi mengetahui keberkesanan intervensi modul IPTR, tahap stres akan diukur dengan inventori *Perceived Stress Scale*, tahap kerisauan *Beck Anxiety Inventory*, tahap kemurungan *Beck Depression Inventory* semasa ujian pra dan ujian pasca.

## 3. Menyediakan draf IPTR

Pengkaji menyediakan draf IPTR berdasarkan prosedur pembinaan modul Sidek yang telah dibincangkan sebelum ini.

## 4. Semakan pakar dan pemurnian serta penambahbaikan terhadap IPTR berdasarkan pandangan pakar

Pengkaji mengambil inisiatif untuk mendapatkan idea, saranan dan komen terhadap modul IPTR yang telah siap dibina. Pada 10 Mei 2018, perjumpaan bersemuka bersama pensyarah dan kaunselor telah diatur untuk mendapatkan maklumbalas dan komentar terhadap modul IPTR. Seramai empat orang pensyarah di bidang psikologi dan kaunseling dan seorang kaunselor dirujuk untuk mendapatkan maklumbalas awal terhadap kesesuaian modul IPTR. Antara pensyarah tersebut ialah Prof. Emiratus Dato' Dr. Amir b. Awang daripada UNISHAM, Prof. Madya Yohan daripada UMK, Prof. Dr. Jamaludin b. Ahmad UPM, Dr. Hjh. Meriam bt. Ismail IPG Kota Bharu, Pn. Alwani bt. Zakaria (Kaunselor Kolej Matrikulasi). Penilaian dan komentar yang diperolehi ialah seperti berikut:

Rujukan pertama: Prof. Emiratus Dato Dr. Amir b. Awang (Kepakaran: Psikologi dan Kaunseling). Modul ini memberikan sumbangan terhadap perkembangan psikologi dan kaunseling dan membantu golongan pelajar terhadap isu stres, kerisauan dan kemurungan. Modul ini dicadangkan beberapa perkara untuk penambahbaikan antaranya penggunaan laras bahasa yang sesuai, menyediakan nota lengkap konsep stres, kerisauan dan kemurungan untuk kefahaman peserta. Selain itu,

membuat justifikasi terhadap pemilihan aktiviti seperti pemilihan surah ar-Rahman dan latihan pernafasan sebagai penulisan ilmiah.

Rujukan ke- 2: Dr.Hjh. Meriam bt. Ismail (Kepakaran: Pensyarah dan *practioner Islamic approach intervention*). Modul ini dilihat mampu menarik minat peserta. Panel mencadangkan beberapa penambahbaikan untuk keberkesanan modul. Antaranya, mengemaskinikan panduan fasilitator dan panduan peserta. Pada bahagian panduan fasilitator dicadangkan dikemaskinikan model reka bentuk IPTR, dan carta alir latihan dalam kumpulan. Pada bahagian peserta di sediakan lampiran atau nota untuk tatapan peserta semasa mengikuti rawatan IPTR.

Rujukan ke- 3: Dr.Yohan (Kepakaran : Psikologi ekperimental). Modul yang bagus untuk kesejahteraan psikologikal pelajar. Panel memfokuskan pelaksanaan kajian eksperimen IPTR terhadap pelajar. Panel mencadangkan pelaksanaan IPTR terhadap kumpulan eksperimen diberikan tugas. Tempoh pelaksanaan IPTR perlu dinyatakan secara bersiri atau sebaliknya untuk melihat keberkesanan rawatan IPTR.

Rujukan ke-4: Prof. Dr. Jamaludin b. Ahmad (Kepakaran: Pakar modul). Pemilihan teori yang tepat untuk membina modul IPTR iaitu teori stres, kerisauan dan kemurungan. Pengkaji diminta mengikuti langkah-langkah berikut iaitu ujian rintis, pemurnian modul, kesahan kandungan, kebolehpercayaan dan penilaian keberkesanan modul IPTR. Aktiviti yang dirancang haruslah menepati teori yang telah dipilih. Pengkaji diminta membina soal selidik sama ada berasaskan objektif atau aktiviti-aktiviti modul IPTR. Seterusnya, pelaksanaan kajian ekperimental untuk melihat keberkesanan modul IPTR ke atas kumpulan eksperimen dan kawalan.

Rujukan ke-5: Pn. Alwani b. Zakaria (Kaunselor kolej Matrikulasi). Aktiviti modul IPTR perlu dikemaskini

#### 5. Mendapatkan kebenaran daripada pihak yang terlibat untuk menjalankan kajian

Kajian ini memfokuskan sasaran kepada pelajar di lima buah kampus di Kelantan. Oleh itu, kebenaran menjalankan kajian dimaklumkan kepada kampus-kampus tersebut. Perbincangan bersama pegawai dan kaunselor di kampus-kampus tersebut bagi proses pelaksanaan intervensi IPTR diterangkan kepada pihak-pihak tersebut. Setelah kebenaran diperolehi, pengkaji memberikan tarikh pelaksanaan kepada pihak kampus untuk melaksanakan intervensi IPTR kepada pelajar sasaran.

#### 6. Melaksanakan dan menguji IPTR dalam kajian rintis

Tujuan kajian rintis ini dijalankan ialah untuk mendapatkan maklumat tentang mutu

IPTR secara umum meliputi aspek kesesuaian isi kandungan, laras bahasa, dan juga langkah-langkah aktiviti penyelesaian bagi menurunkan tahap stres, kerisauan dan kemurungan pelajar. Pelajar diberikan pendedahan semua aktiviti tersebut. Seterusnya, pelajar akan dipilih secara rawak untuk membantu pengkaji bagi menyatakan aktiviti yang sesuai dan tidak sesuai sepanjang mereka mengikuti modul IPTR. Seterusnya respon yang diberikan pelajar membantu pengkaji untuk melaksanakan pemurnian terhadap modul IPTR.

#### 7. Menguji kebolehpercayaan modul.

Bagi menentukan kebolehpercayaan IPTR teknik *Alpha Cronbach* dinilai berdasarkan soal selidik yang dibina berdasarkan langkah-langkah aktiviti yang terdapat di dalam IPTR sebagaimana yang disarankan oleh Sidek dan Jamaludin (2005). Nilai *Alpha Cronbach* melebihi 0.60 (Mohd Majid 1990; Hair et al. 2006; Pallant 2007) digunakan sebagai indeks kebolehpercayaan IPTR.

#### 8. Melantik panel pakar untuk menilai kesahan kandungan modul.

Rujukan panel pakar adalah bertujuan untuk mendapatkan nilai kesahan kandungan modul bagi memastikan validiti dan kesesuaian modul tersebut.

#### 9. Melaksanakan ujian pra dan ujian pasca bagi melihat keberkesanan IPTR

Fasa yang terpenting pada setting yang sebenar adalah menjalankan kajian eksperimen untuk melihat keberkesanan modul IPTR. Keberkesanan intervensi ini akan dibandingkan menerusi ujian pra dan ujian pasca terhadap kumpulan eksperimen dan kawalan. Untuk peringkat ini, proses pemilihan subjek, tatacara rawatan dan pengumpulan data subjek kajian diikuti oleh pengkaji.

### **KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Dalam konteks analisis kandungan, rujukan model Rusell (1974), telah dijadikan pengukuran bagi menguji ketepatan konsep dan kesahan kandungan sesuatu modul. Antara item kesahan kandungan modul yang mempunyai lima perkara ialah menepati sasaran populasi, situasi pengajaran atau kaedah pelaksanaan modul adalah bersesuaian, masa yang mencukupi, modul berjaya menyebabkan berlakunya peningkatan pencapaian pelajar dalam aspek yang disarankan, dan modul berjaya mengubah sikap pelajar ke arah yang lebih cemerlang. Perkara ini adalah sejajar dengan proses kesahan kandungan yang dilakukan oleh Mohamad Aziz Shah (2010), Ahmad Jazimin et al. (2011), Mohd Shahril (2013), dan Md. Noor Saper et al. (2016). Kesemua pakar yang terpilih telah membaca, meneliti, mengkaji, memberikan pandangan dan cadangan

terhadap modul tersebut. Untuk menentukan tahap kesahan kandungan modul, maka jumlah skor yang telah diisi oleh pakar (x) akan dibahagikan dengan jumlah skor sebenar (25) dan didarabkan dengan seratus. Sesuatu modul itu disahkan mempunyai kesahan kandungan yang tinggi apabila terbukti memperoleh 70% dan dianggap telah menguasai atau mencapai tahap pencapaian yang tinggi (Tuckman dan Waheed, 1981) serta Abu Bakar Nordin (1995). Ini bermakna, jika peratusan yang diperolehi modul IPTR melebihi 70% maka modul IPTR telah mempunyai kesahan kandungan yang tinggi. Formula berkenaan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Jumlah Skor Pakar (x)}}{\text{Jumlah Skor Sebenar (25)}} \times 100\% = \text{Tahap Penguasaan Kesahan Kandungan}$$

Dapatan kajian kesahan kandungan modul IPTR berdasarkan soal selidik kesahan kandungan modul Russell (1974), yang telah diubah suai mengikut Jamaludin (2002), nilai kesahan bagi keseluruhan kandungan modul IPTR dapat dilihat dalam jadual 2 berikut:

**Jadual 2: Nilai Kesahan Kandungan Berdasarkan Penilaian Pakar.**

Bil	Pernyataan Kesahan Kandungan	Peratusan	Pandangan Pakar
1	Kandungan modul ini menepati sasaran	87.5	Diterima
2	Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna.	87.5	Diterima
3	Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan	87.5	Diterima
4	Kandungan modul ini boleh meningkatkan kesedaran peserta	87.5	Diterima
5	Kandungan modul ini boleh membantu mengubah sikap pelajar ke arah yang lebih cemerlang	87.5	Diterima

Jadual 2, menunjukkan peratusan 87.5 % bagi kesemua pernyataan kandungan ini menepati sasaran, boleh dilaksanakan dengan sempurna bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan, meningkatkan kesedaran peserta dan boleh membantu mengubah tingkah laku disiplin pelajar. Secara keseluruhannya, dapatan berkenaan menunjukkan kandungan modul IPTR adalah bertepatan dan bersesuaian dengan sasaran modul berkenaan.

**Jadual 3: Komen Penambahbaikan Kandungan Modul Oleh Pakar**

<b>Pakar</b>	<b>Penambahbaikan</b>
Pakar 1	Kesalahan ejaan yang perlu dibaiki. Istilah-istilah teknikal yang perlu diitalikkan. Dicadangkan merujuk kepada pihak yang pakar tentang penggunaan surah Ar -Rahman.
Pakar 2	Pemetaan perlu berasaskan teori/ model yang dipilih
Pakar 3	Dicadangkan satu modul umum IPTR untuk mengatasi isu yang dikaji. Lampiran khusus adalah menjadi sokongan terhadap setiap isu yang dikaji
Pakar 4	Langkah-langkah aktiviti dikemaskini

Berdasarkan komen daripada pakar seperti Jadual 3, pemurnian modul telah dilakukan. Secara keseluruhannya berasaskan respon daripada pakar-pakar penilai terhadap kandungan modul, menunjukkan modul IPTR ini menepati objektif-objektif yang telah dinyatakan dan diterima sebagai intervensi dalam menangani tahap stres, kerisauan dan kemurungan pelajar.

### **KESIMPULAN & CADANGAN**

Kajian ini bertujuan untuk membina modul motivasi bagi menangani stres, kerisauan dan kemurungan yang dikenali sebagai Modul Intervensi Psikospiritual Terapi Relaksasi (IPTR). Modul ini adalah diadaptasikan dengan kombinasi psikologi dan spiritual berperspektifkan Islam. Pendekatan mekanisme penyelesaian masalah adalah berasaskan cadangan model Cooper (1981) yang menekankan *adaptive coping strategies*. Antara Pendekatan mengatasi permasalahan stres, kerisauan dan kemurungan tersebut telah memfokuskan ke arah pendekatan Kognitif Tingkah Laku dan modul psikospiritual imam al-Ghazali sebagai satu intervensi merawat dan menangani permasalahan emosi tersebut. Menerusi pendekatan Kognitif Tingkah Laku pelajar akan didedahkan teknik psikopendidikan, penstrukturan pemikiran, dan latihan relaksasi menerusi aktiviti yang berpandu serta latihan dan tugas yang harus disempurnakan sepanjang sesi tersebut. Pendekatan teknik-teknik Kognitif Tingkah Laku tersebut turut menjadi pilihan pengkaji Mahzam (2013) di dalam merawat kebimbangan sosial dalam kalangan remaja. Modul IPTR boleh dianggap sebagai modul yang lengkap kerana ia telah melalui kajian kesahan kandungan daripada panel pakar di dalam modul tersebut dengan prosedur pembinaan model Sidek (Sidek & Jamaludin, 2005). Selari dengan itu, terdapat beberapa pengkaji sebelum ini yang turut mengkaji kesahan kandungan modul yang dibina iaitu Mohamad Aziz Shah et al. (2010), Ahmad Jazimin et al. (2011), Amalia & Sidek (2013), Mohd Shahril (2013), Nur liyana et al. (2014), Alif Nawi et al. (2015), Md Noor et al. (2016) dan Mohd Shahril et al. (2017). Kesahan kandungan melalui kesahan kandungan oleh panel pakar telah dinilai dengan teliti dan menepati kandungan modul yang sewajarnya menurut

Russell (1974) iaitu, sesuai dengan sasaran populasi, sesuai dengan situasi pengajaran atau kaedah pelaksanaan, masa adalah mencukupi, modul berjaya menyebabkan peningkatan pencapaian pelajar dalam aspek yang disasarkan dan modul berjaya mengubah sikap pelajar ke arah yang lebih cemerlang.

Secara keseluruhan kajian ini menjelaskan tentang kesahan kandungan modul IPTR. Berdasarkan dapatan, kesahan modul IPTR adalah tinggi berdasarkan kepada penilaian pakar. Ini menunjukkan modul IPTR mampu memberikan implikasi yang signifikan dalam menangani stres, kerisauan dan kemurungan pelajar.

## RUJUKAN

- Abdul Rahim Selamat (1991). Pengurusan Latihan: Satu pengenalan. *Jurnal Guru*, 3:419-424.
- Abu Bakar Nordin. (1995). *Penilaian afektif*. Kajang: Masa Enterprise.
- Ahmad Jazimin Jusoh, Abdul Malek Abdul Rahman, Mohd Nasir Bistamam & Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip. (2011). *Modul kaunseling kelompok CTRT: Pendekatan menangani permasalahan disiplin pelajar*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Aisha Salman Jassim Al Thani. (2010). *Introducing a modification of person centred counseling for depressed clients in the state of Qatar*. Doctoral Dissertations, University of East Anglia.
- Aisha Utz. (2011). *Psychology from yhe Islamic perspective*. International University Malaysia, Kuala Lumpur.
- Alif Nawi, Gamal Abdul Nasir Zakaria, Norkhairiah Hashim, & Chua Chy Ren. (2015). Penilaian kualiti moduli PBL: Aspek kesahan dan kebolehpercayaan. *Journal of Quality Muasurement and Analysis*, 11(2): 1-10
- Amalia Madihie & Sidek Mohd Noah. (2013). An application of the sidek module development in rebt counseling intervention module design for orphan. *Social and Behavioral Sciences*, 84(2013):1481-1491.
- American Psychological Association.(2011). atas talian <http://www.apa.org/about/division/div36.aspx>.
- Arnett, J.J. (2006). G. Stanley Hall's adolescence: Brilliance and nonsense. *History of Psychology*,9(3):186-197.
- Atefeh Ahmadi. (2016). *Mindfulness among students: This impact of faculty and demography in Malaysia*. Singapore: Springer Nature.
- Badri, M. (2000). *Contemplation: An Islamic psychospiritual study*. United Kingdom: Cambridge University Press.

- Baghurst, T., & Kelley, B.C. (2014). An examination of stress in college students over the course of a semester. *Health Promotion Practice*, 15(3), 438-447.
- Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar, Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia ke-9: Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar. (2006). *Pendidikan di Malaysia: Memartabatkan kecemerlangan pendidikan negara*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Basim Aldahadha. (2013). The effect of muslim praying meditation and transcendental meditation programs on mindfulness among the university of Nizwa students. *College Students Journal*, 47(4): 668-676.
- Bland, H., W., Melton, B., F.m Welle, P. (2012). Stress tolerance: new challenges for millennial college students. *College student Journal*, 46 (2): 362-375.
- Che Haslina Abdullah. (2014). *Intervensi modul bimbingan Islam terhadap masalah kecelaruan kebimbangan umum dalam kalangan pelajar-pelajar universiti: satu kajian kes*. PhD Tesis. Universiti Sains Malaysia.
- Cooper, C.L. 1981. *The stress check. Coping with stresser of life and work*. Englewood Cliffs, NJ. Parentice Hall.
- Corey, G. (2010). *Issues & Ethics in the helping profesion eight edition*. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.
- Creager, & Murray. (1985). *The international encyclopedia of education*. Oxford: Pergamon Press Ltd.
- Deasy, C., Coughlan, B., Dironom, J., Jourdan, D., & Mc Namara, P.M. (2015), Psychological distress and lifestyle of students: Implication for *health promotion*. *Health promotion*, 30(1): 77-87.
- Eisenberg, M. E., Hunt, J. & Speer, N. (2012). Help seeking for mental health on college campus: Review of evidence and next steps for research and practice. *Harv Rev Psychiatry*, 2012(20): 222-232.

- El Ansari W., Oskrochi, R., Labeeb S., Stock, C. (2014). Symptoms and health complaints and their association with perceived stress at university: survey of students at eleven faculties in Egypt. *International Journal of Enviromental Research and Public Health*, 11(12):12088-12107.
- El Ansari, W., & Stock C. (2010). Is the health and wellbeing of university students associated with their academic performance? Cross sectional findings from the United Kingdom. *Int J Environ Res Public Health*, 7(2): 509-527.
- Faezah Abd Ghani & Mazlan Aris. (2012). Pembinaan, kesahan dan kebolepercayaan modul kemahiran mengawal stres kehidupan guru. *Jurnal Teknologi UTM*, 58(2012):45-50.
- Fauziah Mohd Saat. (2014). *Keberkesanan kaunseling kelompok pendekatan pemusatan insan dan pendekatan psikologi kognitif Ad-Din ke atas konsep sendiri, kemurungan dan daya tahan remaja hamil luar nikah*. Tesis Doktor Falsafah. UPSI.
- Faszly Rahim. Pemeraksanaan ulul albab melalui modul STEM bersepadu STEMind. *Online Journal of Islamic Education*, 3 (2015): 1-12.
- Fariza Md. Sham. (2016). Elemen psikologi Islam dalam silibus psikologi moden: Satu alternatif. *Global Journal of Thaqafah (GJAT)*, 6(1): 75-85.
- Habibah Elias. (1991). *Kesan latihan motivasi pencapaian ke atas pelajar universiti*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Bangi: UKM.
- Hafizhah Zulkifli, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Reduan Mahmood. (2018). The usage of ADDIE module in the development of a philosophical inquiry approach moral education module for secondary school students. *Creative Education*, 9(14): 2111-2124.
- Hall, G.S. (1904). *Adolesence*. Vol.122. Englewood cliffs, NJ: Prentice Hall, 1904.
- Hunt J, & Eisenberg, D. (2010). Mental health and helping seeking behavior among college students. *Journal of Adolescent Health*, 46:3-10.
- Jamaludin Ahmad. 2002. *Kesahan, kebolepercayaan dan keberkesanan modul program maju diri ke atas motivasi pencapaian di kalangan pelajar sekolah menengah negeri Selangor*. Phd. UPM.

- Jamaludin Ahmad. (2012). *Modul motivasi diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jennings, R.A., Henderson, C.S, Erla, M.A., Abraham, S., Gillum, D. (2018). Stress coping behaviors of faith-based college non – students athletes vs. student-athletes. *College Students Journal*, 52(2):245-257.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan. (1994). Kuala Lumpur: Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Kamus Pelajar Edisi Kedua.(2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khaidzir & Khairil. (2011). Psikologi Islam:suatu pendekatan psikometrik remaja berisiko. *Jurnal e-Bangi*, 6(1): 77-89.
- Khairul Hamimah Mohamad Jodi, Mohd Afifudin Mohamad & Azizi Che Seman. (2014). Penerapan agama dalm modul psikospiritual dan kesannya terhadap kesihatan spiritual: Kajian kes di kompleks Dar Assaadah, Kuala Lumpur. *Shariah Journal*, 22 (1): 107-127.
- Khairunnas Rajab. (2013). Kontribusi tasawuf- psikoterapi terhadap pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*, 28 (1): 75-90.
- Kumaraswamy, N. (2013). Academic stress, anxiety and depression among college students-A brief review. *International Review of Social Sciences and Humanities*, 5(1),135-143.
- Lailawati Madlan, Ferlis Bahari, & Farhana Ardillah. (2012). Stress and coping skill among university students. A preliminary research on ethnicity. *Southeast Asia Psychology Journal*, 1(2012): 31-37.
- Lynch, S., Gander, M., Kohls, N., Kudielka, B. & Walach, H. (2011). Mindfulness –based coping with university life: A non randomized wait –list controlled pilot evaluation. *Stress and Health*, 27 (5): 365-375.
- Mahmoud Jihan Saber Raja. (2011). *The relationship of anxiety, coping, thinking style, life satisfaction, social support, and selected demographics among young adult college students*. Doctoral Dissertations. University of

Kentucky.

Mastura Mahfar. 2011. *Kesan modul pendidikan rasional emotif terhad kepercayaan tidak rasional dan tekanan dalam kalangan pelajar sekolah berasrama penuh di Johor, Malaysia*. Phd. UPM.

Mahzam Mohd Saad. (2013). *Kesan pendekatan kognitif tingkah laku dalam kaunseling kelompok terhadap kebimbangan sosial dan perhatian fokus sendiri remaja*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur. Ijazah Doktor Falsafah. UM.

Md. Noor Saper, Nurul Ain Mohd Daud & Norazani Ahmad. (2016). Kesahan dan kebolehppercayaan Modul I-Sc (Islamic Spiritual Counseling) ke atas pelajar bermasalah tingkah laku. *International Journal of Islamic Thought*, 9(June):32-43.

Modul Kaunseling Keluarga. 2014. Bahagian Psikologi dan Kaunseling. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Mohammad Amin Wani, R. Sankar, Rakshantha P., Nivatha A. L.S., Sowparnika C.E., Marak L.D.B. (2016). Stress and anxiety and depression among science and art students. *International Journal of Education and Psychological Research*, 5(3):48- 52.

Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Nazariah Abdul Samad & Pau Kee. (2010). *Modul-modul kelompok siri 2: Aplikasi pendekatan dan teknik bimbingan*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.

Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Rapidah bt. A. Bakar, Aslina Ahmad, Samsiah bt. Md. Jais. (2013). The development of a group guidance module for student self development based on gestalt theory. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 84 (2013): 1310-1316.

Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Mohamad Nasir Bistaman, Ahmad Jazimin Jusoh, Syed Sofian Syed Salim & Roslee Ahmad. (2015). *Manual Fasilitator Pengubahsuaian corak pemikiran (PCP) berdasarkan Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT)*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.

Mohd Majid Konting. 1998. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Percetakan Ke-Empat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohamad Nasir Bistamam, Shamsiah Mohd Jais, Ahmad Jazimin Jusoh, Abdul Malek Abdul Rahman, Mohamad Aziz Shah Mohamad Arif, Mohd Muzafar Shah Razali. (2015). The effect of REBT structured counseling group toward the grief and depression among teenagers of divorced parent. *International Journal of education and Research*, 3(4):113-122.
- Mohd Norawi Ali & Lilia Halim. (2014). *Pembangunan dan keberkesanan modul inovasi kereta solar dalam projek berasaskan sains terhadap motivasi dan pemikiran inovatif pelajar sains*. Tesis Phd. Malaysian Education Research Repository, UKM
- Mohd Razali Salleh. (2010). *Pengendalian stres dan kebimbangan penilaian kognitif dan tingkahlaku*. USM. Pulau Pinang.
- Mohd Shahril Othman. (2013). *Keberkesanan modul pengurusan tekanan (MPT) bagi mengurus tekanan kerja dalam kalangan guru*. Tesis Phd. UKM.
- Mohd Shahril Khasin, Aslina Ahmad & Ahmad Jazimin Jusoh. (2017). 5R stress management group module for graduate university students in Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 2(6:82-92.)
- Nor Azah Abdul Aziz. (2011). Kaedah menangani stres dengan solat. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2): 1-10.
- Nor Shakirah Mat Akhir. (2008). *Al-Ghazali and his stroy about soul: A comparative study*. USM: Pulau Pinang.
- Nur Liyana Mohd Ibrahim, Mohammad Aziz Shah & Mohammed Nasir Bistaman. (2014). Analisis kesahan kandungan modul penyesuaian pemikiran kerjaya (PPK) berdasarkan pendekatan Teori Cognitive Information Processing (CIP). *JPBU*, 7(2014): 52-67.
- Nurul Husna Mansor. (2016). *Modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah di Pusat perlindungan wanita di Selangor: Kajian pelaksanaan dan masalah*. Phd Tesis. UM.
- Nurrussakinah Daulay. (2014). *Pengantar psikologi dan pandangan al-quraan tentang psikologi*. Indonesia: Kencana Prenada Media Group.

- Phang, C. K., Chiang, K.C., Ng, L.O., Keng, S.L. (2015). Effect of brief group mindfulness-based cognitive therapy for stress reduction among medical students in a Malaysian university. *Mindfulness*, 7(1): 189-197.
- Powell, T.J. & Enright, S.J. (1990). *Anxiety and stress management*. Routledge: New York.
- Rafidah Aga Mohd Jaladin. (2011). *Ethics in Psychology*: Meteor Doc.Sdn. Bhd. Selangor.
- Rusell, J.D.1974. *Modular Instruction: A guide to the design, selection, utilization and evaluation of modular material*. United States: Publishing Company.
- Rushdan Jailani. (2013). *Terapi psikospiritual islam dan pengalaman pusat pemulihan dadah berteraskan islam*.Kertas pembentangan di Seminar Kebangsaan Penyalahgunaan Dadah, USIM.
- Samsuddin, K., Fadzil, F., Ismail, W.S.W., Shah, S. A., Omar, K., Muhammad, N.A., & Mahadevan, R. (2013). Correlates of depression, anxiety, and stress among Malaysian university students. *Asian Journal of Psychiatry*, 6(4), 318-323.
- Shariza Said. (2017). *Pembangunan modul latihan pendidikan seksualiti untuk guru program pendidikan khas integrasi (PPKI)peringkat sekolah rendah*. Tesis Phd. UM.
- Seaward, B., L. (2018). *Managing stress, principles and stratigies for health and well being*. 9th edition. United States of America. Jones & Bartlett Learning.
- Selye, H. (1974). *Stress without distress*. New York: Mc Graw- Hill Book Co.
- Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang: UPM.
- Skinner, R. (2018). Tradition, paradigms and basic concepts in Islamic psychology. *Journal of religion and health*. 1-8.
- Tahir M. Khan B, Syed A. Sulaiman, Mohamed A Hassali. (2010). Mental health literacy towards depression among non- medical students at a Malaysian university. *Mental Health in Family Medicine*, 2010 (7): 27-35.

- Tuckman, B.W., & Waheed, M.A. (1981). Evaluating an individualized science programme for community college students. *Journal of Research in Science Teaching*, 18,489-495.
- World Health Organisation (WHO). 2011.Diakses pada 8/11/2011. Mental health;Strengthening our response drpd [http://www.int/media\\_center/factsheets/fs220/en/](http://www.int/media_center/factsheets/fs220/en/).
- Yasmin Yahya, Norhatta Mohd, Naziren Nazaruddin, & Siti Nabila Sanusi. (2017). Predictive factors of depression among university students: A study of University of Kuala Lumpur Malaysian institute of information technology (UNIKL MIIT) students. *Sci. Int.(Lahore)*, 29(3): 561-564.
- Yazdani M, Rezaei S, & Pahlavanzadeh S. (2010). The effectiveness of stress management training program on depression, anxiety and stress of the nursing students. *Iran J Nurs Midwifery Res*, 15(4): 208-215
- Ziasma Haneef Khan, Imran Mughal & Yousaf Khan. (2013). Combination of psychological and religious intervention in reducing psychological distress among university students. *The Dialogue*, 8 (3): 261-272.
- Zunariah Mahamad. (2010). *Pembinaan dan keberkesanan modul interaktif graphing calculator dalam pengajaran dan pembelajaran algebra*,Tesis Phd, UKM

## **Pola dan faktor yang mempengaruhi aplikasi teori dalam sesi kaunseling kerjaya oleh kaunselor berdaftar di seting universiti awam: Satu penerokaan pengalaman**

Edris bin Aden<sup>1</sup>, Salleh bin Amat<sup>2</sup>, Mohd Izwan bin Mahmud<sup>3</sup>  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi Selangor  
<sup>1</sup>edrisadenukm@gmail.com, <sup>2</sup>izwan@ukm.edu.my

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk meneroka aplikasi dan pola penggunaan teori kaunseling dalam isu kerjaya oleh kaunselor berdaftar dalam seting universiti awam. Kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif telah menemu bual 12 orang kaunselor kerjaya. Hasil temu bual telah dianalisis dengan menggunakan pendekatan Thematic Analysis dan menggunakan perisian NVivo 12. Secara keseluruhannya, semua peserta kajian mengaplikasikan teori dalam menjalankan sesi kaunseling kerjaya. Walau bagaimanapun, sebahagian peserta kajian telah mengaplikasikan teori kaunseling secara umum dan sebahagiannya mengaplikasikan teori kerjaya dalam sesi kaunseling. Selain itu empat tema telah berjaya dikeluarkan iaitu jenis kes yang dibincangkan, latihan yang dilalui oleh kaunselor, personaliti kaunselor dan mempercepatkan proses perubahan diri klien menjadi faktor mengaplikasikan teori dalam sesi kaunseling. Adalah dicadangkan agar penyedia latihan memenuhi keperluan latihan kaunselor oleh Lembaga Kaunselor; Malaysia dan daripada perspektif kaunselor turut disarankan agar sentiasa proaktif dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kaunseling kerjaya.*

**Kata kunci:** Teori Kaunseling, Teori Kaunseling Kerjaya, Pola, Pemilihan Teori.

## PENDAHULUAN

Aplikasi teori dalam amalan kaunseling merupakan perkara yang penting bagi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan adalah berdasarkan nilai etika dan memberi manfaat kepada klien. Selain itu, teori ini turut menjadi panduan kepada kaunselor di dalam membuat andaian, menentukan pelan tindakan ke atas isu klien dan merupakan proses terapeutik yang berpanjangan (Cornsweet, 1983; Poznanski & McLennan, 1995). Skovholt dan Ronnsted (1992), pembentukan kerangka teori dalam diri kaunselor melibatkan tiga fasa penting iaitu fasa 1- kepercayaan peribadi (sebelum latihan), fasa-2-teori kaunseling (semasa latihan) dan yang terakhir adalah fasa 3- Teori kaunseling peribadi (selepas latihan). Ketiga-tiga pembentukan fasa ini adalah berupaya mengukuhkan pemahaman kaunselor terhadap teori yang diaplikasikan dalam sesi kaunseling. Kepentingan penguasaan teori dalam kaunseling turut diberi penekanan oleh Lembaga Kaunselor, dengan mewajibkan setiap kaunselor yang sedang mengikuti latihan kaunselor untuk mengambil kursus yang berkaitan dengan teori dalam kaunseling (Lembaga Kaunselor, 2011, 2015). Ginter, 1998 (dalam Weinrach, 2006), menyatakan bahawa, cabaran yang paling besar yang dihadapi oleh kaunselor adalah membuat keputusan di dalam menentukan jenis teori yang digunakan dalam sesi. Penekanan penting oleh Lembaga Kaunselor ini telah menjadi titik tolak kepada pengamal kaunseling dalam seting masing-masing perlu untuk mempersiapkan diri dengan ilmu dan kemahiran di dalam mengaplikasikan teori dalam perkhidmatan kaunseling kerjaya. Persoalannya, sejauh manakah kaunselor berupaya memilih teori yang bersesuaian dalam mengendalikan kes kerjaya?

### **Tujuan Kajian**

Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk meneroka amalan kaunseling kerjaya kaunselor berdaftar dalam seting universiti awam di Malaysia. Penerokaan terarah kepada pola penggunaan teori kaunseling dan kerjaya serta faktor yang mempengaruhi kaunselor berdaftar di dalam membuat keputusan memilih teori yang sesuai dengan kes klien. Implikasi kepada kaunselor kerjaya turut dibincangkan dalam penyelidikan ini.

Bagi membantu menjawab persoalan kajian, penyelidik telah menggunakan pendekatan kajian kes dengan mengambil kira persoalan kajian dan juga jumlah peserta kajian yang terlibat (Creswell, 2013; Merriam, & Tisdell, 2016). Kajian ini bertujuan untuk meneroka pola penggunaan teori dan faktor yang mendorong kaunselor memilih teori dalam sesi kaunseling. Selain itu, implikasi kepada kaunselor turut dibincangkan dalam artikel ini.

## Objektif Kajian

1. Meneroka pola penggunaan teori oleh kaunselor dalam sesi kaunseling kerjaya
2. Meneroka faktor yang mempengaruhi keputusan memilih teori dalam kaunseling kerjaya

## Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah pola penggunaan teori oleh kaunselor kerjaya dalam sesi kaunseling?
2. Apakah faktor yang mempengaruhi pemilihan teori oleh kaunselor kerjaya?

## Keputusan Kajian

Kajian yang dijalankan telah memberi impak ke atas bidang kaunseling kerjaya terutama dalam aspek penguasaan teori kaunseling kerjaya oleh kaunselor berdaftar di Malaysia. Dalam konteks pengamal kaunseling, dapatan kajian memberi gambaran berhubung tahap penguasaan teori dalam amalan kaunseling kerjaya. Keadaan ini berupaya membantu kaunselor mendapatkan latihan yang sewajarnya dalam memastikan pengetahuan dan kemahiran dalam teori berada pada tahap yang membanggakan. Selain itu, dapatan kajian turut memberi manfaat kepada penyedia latihan dan Lembaga Kaunselor sebagai badan yang bertanggungjawab memantau kurikulum latihan kaunselor. Dapatan ini, menjadi titik tolak menentukan jenis dan penambahbaikan ke arah penganjuran bengkel dan seminar yang berkaitan dengan kompetensi kaunselor dalam teori kaunseling. Tidak terkecuali, kepada PERKAMA sebagai persatuan yang boleh bersama-sama berganding bahu bersama Lembaga Kaunselor dalam menganjurkan program dan seminar yang berkaitan untuk memperkasakan teori dalam kalangan kaunselor di Malaysia.

## Teori Kajian

Teori Konstruktivism telah diperkenalkan oleh Savickas pada tahun 1980. Teori ini menggabungkan tiga teori kerjaya iaitu perkembangan individu (pendekatan pembangunan), *psychodynamic motivation* (tema kehidupan dan pendekatan naratif) dan perbezaan individu (*person-environment-fit*) (Maree, 2010). Selain itu, teori ini berupaya menerangkan aktiviti pemilihan kerjaya dan penyesuaian kerjaya yang berhubung kait antara tingkah laku pekerjaan. Pemilihan pekerjaan dan penyesuaian pekerjaan mempunyai perhubungan antara satu dengan lain dan pada masa yang sama perhubungan dengan konteks yang lebih spesifik (Maree, 2010). Empat domain utama yang ditekankan dalam teori ini adalah struktur kehidupan, personaliti kerjaya, adaptasi kerjaya dan tema kehidupan. Keempat-empat domain ini berupaya membantu

penyelidik di dalam memahami konteks kajian dengan lebih mendalam.

### **Kajian Lepas**

Orientasi teori yang diaplikasikan dalam sesi kaunseling menjadi faktor yang dominan di dalam mempengaruhi terapeutik dan perkembangan klien dalam sesi kaunseling (Poznanski & McLennan, 1995; Skovholt & Ronnested, 1992; Zakria Mohamad & Asyraf Ab. Rahman, 2011). Teori turut menjadi asas kepada kaunselor dalam membantu kaunselor membina hipotesis berkaitan pelan tindakan bagi setiap isu klien (Petko, Kendrick, & Young, 2017).

Pelbagai faktor yang telah dikenal pasti dalam mempengaruhi kaunselor menentukan jenis teori yang digunakan dalam sesi kaunseling. Personaliti kaunselor turut dikatakan sebagai faktor yang mendorong kaunselor mengaplikasikan teori dalam mengendalikan kes klien (Benshoff, 2000). Dapatan ini bertentangan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh (Freeman, Hayes, Kuch, & Taub, 2007) yang mendapati bahawa personaliti kaunselor tidak memberi impak ke atas pemilihan teori dalam sesi kaunseling. (Bodkin, Klitzman, Pope, 1995; Buckman & Barker, 2010) menafikan bahawa personaliti kaunselor kurang memberi impak ke atas pemilihan teori oleh kaunselor. Apa yang paling ditekankan oleh mereka adalah jenis latihan yang dihadiri oleh pelatih kaunselor mempengaruhi pola teori dalam kalangan kaunselor.

Kaedah pengajaran kursus teori turut menjadi faktor yang mempengaruhi penguasaan teori dalam kalangan kaunselor. Justeru, pemilihan kaedah pengajaran yang bersesuaian adalah penting bagi membolehkan pelatih kaunselor menguasai teori sebaik mungkin (Petko et al., 2017). Skovholt dan Ronnested (1992), memberi penekanan kepada peranan penyelia dan tenaga pengajar yang sentiasa memberi ruang yang sebaik mungkin kepada pelatih kaunselor mendalami teori kaunseling. Penekanan yang tidak mendalam kepada kursus teori memberi kesan yang besar ke atas penguasaan teori dan keupayaan kaunselor mengaplikasikan teori dalam sesi kaunseling (Benshoff, 2000). Justeru, Southern dan Devlin, (2010), mencadangkan supaya pengajar tenaga pengajar menggunakan pemahaman mereka dalam teori bagi memastikan pelatih kaunselor mempunyai pemahaman yang sama berkaitan dengan teori kaunseling.

Penyelia turut menjadi faktor yang mendorong kepada penguasaan teori dalam sesi kaunseling. Penyelia perlu bersikap terbuka dan berupaya menyediakan bimbingan yang sepatutnya kepada pelatih kaunselor dalam membantu meningkatkan penguasaan teori kaunseling (Lowndes & Terry, 2010; Skovholt & Ronnested, 1992).

Selain itu, penyedia kurikulum latihan perlu mengambil kira semester yang bersesuaian sebelum menawarkan kursus teori kaunseling (Lowndes & Terry, 2010). Penawaran kursus teori yang mendahului kursus bersifat amali menjadi beban kepada pelajar memahami bagaimana mereka mengaitkan antara aplikasi teori dalam isu yang dialami oleh klien. Justeru, pematuhan kepada piawaian latihan yang telah disediakan oleh Lembaga Kaunselor memberi jaminan bahawa kualiti pengajaran dan pembelajaran adalah diiktiraf dan mengambil kira perkembangan pembelajaran pelatih kaunseling (Lembaga Kaunselor, 2011, 2015).

## **Definisi Konsep/Operasi**

### **Teori**

Wacker (1998), menyatakan bahawa teori berupaya menerangkan mengapa dan bagaimana sesuatu hubungan secara logik bagi membolehkan teori membuat andaian dengan lebih spesifik. Manakala Kamus Dewan dan Pustaka (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), mentakrifkan teori sebagai prinsip am atau asas-asas kasar yang menjadi dasar pembentukan sesuatu pengetahuan.

Dalam konteks kajian pula, teori merujuk kepada pemilihan teori misalnya Teori Perkembangan Kerjaya dan Pemilihan Kerjaya dalam mengendalikan sesi kaunseling.

### **Kaunseling Kerjaya**

Heppner dan Heppner (2003) menyatakan bahawa kaunseling kerjaya merupakan salah satu pendekatan kaunseling individu yang mengaplikasikan kaedah intervensi dan teknik tertentu dalam membantu klien yang mengalami isu berkaitan kerjaya. *National Career Development Association* (2009) mentakrifkan kaunseling kerjaya sebagai proses membantu klien dalam isu yang berkaitan kehidupan dan kerjaya.

Dalam skop kajian, kaunseling kerjaya ditakrifkan sebagai proses kaunseling yang dijalankan oleh kaunselor bersama klien dengan membincangkan isu yang berkaitan dengan kerjaya. Kaunselor kerjaya dalam konteks kajian ini adalah mereka yang berkhidmat di UA dan menjalankan tugas-tugas kaunseling kerjaya kepada pelajar universiti seperti kaunseling kerjaya, program pembangunan kerjaya, pentadbiran ujian dan pengukuran kerjaya dan tugas-tugas lain yang berkaitan.

## **Kaunselor Kerjaya**

Kaunselor kerjaya merupakan individu yang menyediakan perkhidmatan kaunseling dalam isu pendidikan, kerjaya dan isu personal. Kaunselor kerjaya akan membantu individu di dalam pencapaian kesedaran sendiri, membentuk panduan hidup dan kehidupan, meningkatkan kefahaman berhubung pembelajaran dan peluang pekerjaan dan menjadi individu yang berdikari dalam pengurusan pembelajaran, pekerjaan dan peralihan kerjaya (Canadian Career Development Foundation, 2002).

Dalam konteks kajian ini, kaunselor kerjaya ditakrifkan sebagai kaunselor di Unit Kaunseling dan Kerjaya yang menjalankan sesi kaunseling yang memfokuskan kepada isu kerjaya. Selain itu, kaunselor kerjaya juga menjalankan aktiviti-aktiviti bimbingan misalnya mengendalikan ujian minat kerjaya, bimbingan mencari maklumat pekerjaan dan pembangunan akademik di universiti. Mereka juga turut menjalankan kaunseling kerjaya sama ada dalam konteks individu atau secara berkelompok.

## **Universiti**

Akta 30 (Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971) mentakrifkan universiti sebagai institusi pelajaran tinggi bertaraf universiti atau kolej universiti (Malaysian Law Journal, 2006).

Universiti dalam skop kajian yang akan dijalankan merujuk kepada universiti awam yang dipilih sebagai lokasi bagi tujuan sampel kajian yang meliputi universiti awam iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Sarawak dan Universiti Teknologi Malaysia.

## **Batasan Kajian**

Seperti mana yang dibincangkan dalam bahagian sampel kajian, peserta kajian adalah terdiri daripada kaunselor berdaftar yang telah mengamalkan kaunseling kerjaya di universiti awam. Pemilihan kaunselor sebagai peserta kajian sedikit sebanyak memberi kesan ke atas maklumat yang diperolehi di mana ia lebih tertumpu kepada pengalaman kaunselor semata-mata. Justeru, bagi memperkayakan maklumat berkaitan dengan pola dan aplikasi teori dalam sesi kaunseling kerjaya, adalah disarankan agar pensyarah yang mengajar kursus teori kaunseling kerjaya ditemu bual bagi membolehkan satu kesimpulan yang kukuh dibuat berpandangan pandangan penyedia latihan dan kaunselor bagi memperkayakan lagi dapatan kajian.

Selain itu pemilihan peserta kajian dalam kalangan kaunselor di universiti awam semata-mata tidak berupaya memberi gambaran secara menyeluruh tentang

pola penguasaan teori dalam kaunselor di Malaysia. Yang terakhir daripada aspek pendekatan kajian yang digunakan sedikit sebanyak hanya mampu menjawab persoalan bagaimana walhal persoalan apa perlu diteroka dengan menggunakan kaedah kuantitatif.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pendekatan kualitatif telah digunakan oleh pengkaji dalam membantu menjawab kesemua persoalan kajian yang telah ditetapkan (Creswell, 2009; Crowe et al., 2011).

### **Peserta Kajian**

Peserta terdiri daripada kaunselor berdaftar yang sedang berkhidmat di universiti awam. Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan dua faktor iaitu pengalaman dalam perkhidmatan kaunseling serta bilangan kes kerjaya yang telah dikendalikan oleh kaunselor (Goldberg et al., 2016; Rønnestad & Skovholt, 2003).

### **Alat Instrumen Kajian**

Secara perinciannya, protokol temu bual telah disahkan oleh pakar dalam bidang kaunseling kerjaya sebelum temu bual sebenar dijalankan (Bowen, 2009; Carter, Bryant-Lukosius, DiCenso, Blythe, & Neville, 2014; Castillo-Montoya, 2016; Jacob & Furgerson, 2012; Jonsen & Jehn, 2009; Wesley, 2010). Elemen etika sangat ditekankan dalam kajian selari dengan Akta Kaunselor 1998 bagi memastikan kebajikan peserta kajian sentiasa terpelihara (Pencetakan Nasional Malaysia, 1998).

### **Tatacara Kajian**

Penyediaan rangka kerja penyelidikan adalah penting bagi memastikan kajian yang akan dijalankan berjalan dengan jayanya. Carta alir kerja, jadual dan senarai semak akan dibina bagi memastikan proses kerjaya menjalankan penyelidikan sistematik dan mengikut prosedur kajian yang telah dibincangkan (Creswell. & Poth., 2018; Nur Aishah Abdullah, 2017). Dalam penyelidikan ini beberapa proses pengumpulan data iaitu (1) semakan protokol temubual, (2) menentukan peserta kajian, (3) menyusun jadual kutipan data (4) merekod dan menyemak dokumen (5) transkrip temu bual, (6) mendapat pengesahan data, (7) menganalisis data, (8) peer review dan (9) pelaporan.

**Analisis Kajian**

Hasil temu bual telah dianalisis dengan menggunakan NVivo 12. Penyelidik berpandukan kepada thematic analysis (Braun & Clarke, 2008) yang menekankan kepada 6 peringkat penting dalam penghasilan tema iaitu; (i) *familiarizing yourself with the data*, (ii) *generating initial codes*, (iii) *searching for themes*, (iv) *reviewing themes*, (v) *defining and naming themes* (vi) *producing report*. Ke enam-enam proses ini telah diikuti penyelidik dalam menghasilkan tema yang benar-benar mewakili pernyataan peserta kajian. Bagi menjamin *trustworthiness* (Carcary, 2009; Diane, 2014) dalam kajian ini, penyelidik telah meminta peserta kajian mengesahkan kod yang telah dihasilkan dan juga pada masa yang sama tema yang telah dihasilkan telah disahkan oleh rakan kaunselor yang berada dalam bidang yang sama.

**DAPATAN KAJIAN, KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Jadual 1 menunjukkan tempoh berkhidmat dan jumlah kes kaunseling kerjaya yang dikendalikan oleh peserta kajian. Majoriti peserta kajian mempunyai pengalaman bekerja 5 tahun dan ke atas dan sebilangan daripada mereka mempunyai pengalaman kurang daripada 5 tahun. Sebaliknya bagi jumlah kes yang dikendalikan jumlah kes yang tertinggi adalah sekitar 72 kes setahun manakala 40 kes adalah jumlah yang paling rendah dalam tempoh setahun.

**Jadual 1:Tempoh Perkhidmatan Dan Jumlah Kes Kerjaya**

Bil	Peserta Kajian	Kelayakan Akademik	Tempoh Perkhidmatan	Jumlah kes kerjaya (setahun)
1	PKKB1	Ijazah Sarjana Muda	10 tahun	50 kes
2	PKKB2	Sarjana	17 tahun	50 kes
3	PKKB3	Ijazah Sarjana Muda	8 tahun	50 kes
4	PKKB4	Sarjana	3 tahun	72 kes
5	PKKB5	Sarjana	10 tahun	40 kes
6	PKKB6	Ijazah Sarjana Muda	4 tahun	60 kes
7	PKKB7	Sarjana	8 tahun	45 kes
8	PKKB8	Ijazah Sarjana Muda	3 tahun	60 kes
9	PKKB9	Sarjana	10 tahun	40 kes
10	PKKB10	Sarjana	17 tahun	40 kes
11	PKKB11	Ijazah Sarjana Muda	10 tahun	50 kes
12	PKKB12	Ijazah Sarjana Muda	10 tahun	40 kes

Jadual 1 menunjukkan tempoh berkhidmat dan jumlah kes kaunseling kerjaya yang dikendalikan oleh peserta kajian. Majoriti peserta kajian mempunyai pengalaman bekerja 5 tahun dan ke atas dan sebilangan daripada mereka mempunyai pengalaman kurang daripada 5 tahun. Sebaliknya bagi jumlah kes yang dikendalikan jumlah kes yang tertinggi adalah sekitar 72 kes setahun manakala 40 kes adalah jumlah yang paling rendah dalam tempoh setahun.

**Jadual 2 : Pola Penggunaan Teori Dalam Kalangan Kaunselor**

<b>Bil</b>	<b>Kategori Teori</b>	<b>Pegangan Teori</b>	<b>Kod Peserta Kajian</b>
1	Teori Kerjaya: Pendekatan Perkembangan	Super	PKKB2 PKKB5 PKKB7 PKKB9 PKKB10 PKKB11
2	Teori Kerjaya: Pendekatan Pemilihan	Holland	PKKB1 PKKB4 PKKB5 PKKB6 PKKB7 PKKB8 PKKB9 PKKB10 PKKB12
3	Teori Kerjaya: Pendekatan Pemilihan	Ann Roe	PKKB2 PKKB3 PKKB5
4	Teori Kerjaya: Pendekatan Pemilihan	Trait and Factor	PKKB11
5	Teori Kaunseling Umum: Teori Humanistik	Pemusatan Klien	PKKB6
6	Teori Kaunseling Umum: Pendekatan Tingkah Laku	Teori Gestalt	PKKB6
7	Teori Kaunseling Umum: Pendekatan Tingkah Laku	Tingkah Laku	PKKB1 PKKB7
8	Teori Kaunseling Umum- Pendekatan Kognitif-Tingkah Laku	CBT	PKKB5 PKKB7

9	Teori Kaunseling Umum- Pendekatan Kognitif-Tingkah Laku	REBT	PKKB2 PKKB4 PKKB5 PKKB7 PKKB8 PKKB10 PKKB12
10	Teori Kaunseling Umum- Pendekatan Kognitif-Tingkah Laku	Realiti	PKKB3 PKKB4 PKKB8 PKKB9 PKKB10

Jadual 2 menunjukkan pola penggunaan teori oleh kaunselor dalam sesi kaunseling kerjaya boleh dipecahkan kepada dua iaitu penggunaan teori kaunseling kerjaya dan teori kaunseling secara umum. Daripada aspek kaunseling kerjaya, hasil analisa data didapati enam daripada 12 peserta kajian telah memilih untuk mengaplikasikan Teori Super dalam sesi kaunseling kerjaya. Selain itu, bagi penggunaan Teori Holland daripada 12 peserta kajian yang terlibat didapati sembilan orang kaunselor telah mengaplikasikan Teori Holland semasa menjalankan sesi kaunseling kerjaya. Teori Ann Roe turut diaplikasikan oleh kaunselor dalam sesi kaunseling kerjaya di mana tiga orang peserta kajian telah memilih teori tersebut di dalam membantu klien dalam berhadapan dengan isu kerjaya.

Bagi teori kaunseling secara umum pola penggunaan teori kaunseling oleh kaunselor berdaftar dibahagikan kepada dua iaitu Pendekatan Kognitif-Tingkah Laku dan Pendekatan Humanistik. Bagi Pendekatan Kognitif-Tingkah Laku, seramai dua orang peserta kajian telah mengaplikasikan Terapi Kognitif-Tingkah Laku. Selain itu, tujuh orang peserta kajian telah menggunakan Rational Emotive Behavioural Therapy (REBT) dan hanya lima orang peseta kajian telah menggunakan Terapi Realiti dalam mengendalikan kes kaunseling kerjaya. Bagi Pendekatan Humanistik hanya seorang peserta kajian telah mengaplikasikan Teori Pemusatan Klien dan dua orang peserta kajian telah mengaplikasikan Teori Gestalt dalam sesi kaunseling kerjaya.

### **Faktor pemilihan teori dalam sesi kaunseling kerjaya**

Dapatan kajian berjaya merumuskan beberapa faktor yang mendorong kaunselor di dalam memilih pendekatan teori dalam kaunseling kerjaya. Empat tema telah dikeluarkan iaitu jenis isu yang dibincangkan dalam sesi, latihan berkaitan teori, personaliti kaunselor dan mempercepatkan proses perubahan diri klien. Perbincangan setiap tema adalah seperti berikut;

### Jenis isu yang dibincangkan dalam sesi

Jenis kes kaunseling yang diterima kaunselor dalam sesi kaunseling turut memberi kesan ke atas jenis teori yang akan digunakan oleh kaunselor dalam membantu klien. Misalnya;

*Untuk teori lain, kebiasaannya adalah REBT. Ini kerana pemilihan kerjaya pelajar ini kadang-kadang lebih kepada mengikut kepercayaan, maka kita akan cuba untuk membuka mindanya untuk melihat skop lebih besar daripada kepercayaan klien itu (PKKB5).*

*Kalau saya, saya biasa guna CBT banyak kecuali lah kalau klien nampak sangat inclination kepada teori lain yang lebih sesuai. Jadi saya akan pastikan borang-borang saya selesai sebab CBT banyak borang. (PKKB7).*

*Ha..aa, teori base on case (PKKB9)*

Dapatan ini selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh (Aslina Ahmad, Ahmad Jazimin Jusoh, & Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, 2016) di mana kaunselor cenderung untuk menggunakan teori berdasarkan kes klien yang diterima dalam satu-satu masa.

### Latihan berkaitan teori

Latihan dalam sesuatu teori menjadi faktor yang penting dalam mempengaruhi kaunselor di dalam menentukan teori yang akan digunakan dalam sesi kaunseling misalnya;

*Jarang guna mostly sebab saya belum pakar dengan teori lain dan mostly memang teori Holland lah. (PKKB8).*

*Mungkin saya dah rasa mula expert, tetapi I just can handle sesi kaunseling without looking at note saya dah praktis so long I think just in tips my figure (PBB1)*

*Buat masa sekarang pihak kami hanya ditauliahkan untuk menggunakan IPS, maka pihak kami lebih selesa menggunakannya (PKKB5).*

Latihan yang dilalui oleh kaunselor memberi kesan ke atas penggunaan teori dalam amalan kaunseling kerjaya (Bodkin, Klitzman, Pope, 1995; Buckman & Barker, 2010). Latihan yang dilalui oleh pelatih kaunselor merangkumi aspek tenaga pengajar, penyediaan dan pembentukan kurikulum latihan yang sentiasa mematuhi piawaian

yang telah digariskan oleh Lembaga Kaunselor. Kombinasi antara kualiti tenaga pengajar, proses penyeliaan dan kualiti kurikulum akan memastikan pelatih kaunselor yang dikeluarkan memenuhi standard yang ditetapkan (Lembaga Kaunselor, 2011, 2015; Lowndes & Terry, 2010; Skovholt & Ronnested, 1992).

### Personaliti kaunselor

Personaliti kaunselor telah menjadi faktor yang sedikit sebanyak menyumbang kepada keputusan kaunselor memilih teori yang akan digunakan dalam sesi kaunseling. Ini dibuktikan dengan kenyataan oleh;

*Dulu saya suka Rogerian, sebab banyak masa, tetapi ciri-ciri yang ada dalam Rogerian dan this is my sifat dan sebab itu saya boleh match. Kadang-kadang mungkin cara dan sifat yang saya ada itu boleh membantu (PKKB1).*

Dapatan kajian turut mendapati ada peserta kajian mengaitkan personaliti dengan pola pemilihan teori dalam sesi kaunseling. Selari dengan pandangan oleh Benschhoff (2000), mendapati personaliti dan keputusan membuat pemilihan teori mempunyai hubungan yang signifikan. Kajian turut membincangkan individu yang banyak berfikir akan lebih cenderung menggunakan teori yang bersifat kognitif, sebaliknya kaunselor yang dominan daripada aspek emosi akan lebih cenderung mengaplikasikan teori humanistik dalam amalan kaunseling mereka (Larson, 1980).

### Mempercepatkan proses perubahan diri klien

Keupayaan sesuatu teori dalam membantu klien mencapai matlamat dalam sesi telah menjadi antara faktor yang mendorong seseorang kaunselor memilih menggunakan teori dalam sesi kaunseling. Penyataan ini adalah selari dengan kenyataan oleh;

*For me sebabnya dia dalam teori ni lebih membantu klien saya untuk lebih rasional. Kita mahu klien yang rasional dengan apa yang berlaku dengan situation dia (PKKB12)*

*Ok. For me yang first macam saya cakaplah the most important thing, ialah exploring tu lah. Using REBT (PKKB12)*

*Dalam membuat keputusan saya akan menggunakan WDEP (PKKB10)*

*Holland biasanya saya gunakan tools dan yang Super saya melihat bagaimana perkembangan pelajar telah capai, yang belum di capai, apa persediaan yang dia*

*penuhi (PKKB10)*

*...Dan yang ketiga saya suka, ada tak apa nama saya lupa yang dia buat plan tindakan. (PKKB2)*

Dapatan dari temu bual mendapati kaunselor memilih sesuatu teori dalam sesi kaunseling adalah ada kaitan dengan konsep penting dalam sesuatu teori dalam membantu klien dalam sesi kaunseling. Misalnya dalam Realiti WDEP telah dijadikan komponen penting bagi kaunselor membantu klien mencapai matlamat kerjaya. Selain itu, dalam teori Super kaunselor telah menjadikan asas teori untuk menentukan fasa perkembangan klien ke arah merangka program kerjaya yang bersesuaian dengan fasa perkembangan klien. Ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Gladding, 2004 (dalam (Zakaria Mohamad, Jusoh, & Zainab Ismail, 2010)).

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Dapatlah disimpulkan bahawa dapatan kajian membuktikan secara keseluruhannya kaunselor telah mengaplikasikan teori dalam sesi kaunseling. Penggunaan teori oleh peserta kajian bukan sahaja terarah kepada teori kaunseling kerjaya semata-mata malah ada sesetengah peserta kajian telah menggabungkan antara teori kerjaya dan teori kaunseling lain dalam memastikan keberkesanan perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan.

Selain itu, beberapa asas penting yang dijadikan sandaran oleh kaunselor di dalam membuat keputusan memilih teori yang bersesuaian adalah disebabkan jenis isu yang dibincangkan dalam sesi, latihan berkaitan teori, personaliti kaunselor dan mempercepatkan proses perubahan diri klien. Pola penggunaan teori yang diperoleh daripada kajian ini memberi kesan ke atas latihan yang pernah diikuti oleh kaunselor semasa latihan kaunseling. Ini selari dengan pandangan oleh Paisley dan Benshoff (1998), yang membincangkan kepada kandungan latihan yang merangkumi aspek kursus praktikum dan internship perlulah selari dengan memberi ruang kepada kaunselor mengaplikasikan teori kaunseling dalam sesi kaunseling kerjaya.

Selain itu, (Lembaga Kaunselor (Malaysia), 2011, 2015) turut menekankan kepada komponen teori dan amali dalam pengajaran kursus teori kaunseling kerjaya kepada pelatih kaunselor. Berpandukan kepada panduan yang disediakan oleh Lembaga Kaunselor ini, penyedia latihan perlu memastikan pelatih kaunselor diberi pendedahan sewajarnya kepada teori kaunseling kerjaya semasa latihan. Selain itu, melalui kursus praktikum dan latihan internship (Lembaga Kaunselor, 2011, 2015), penyedia latihan perlu memberi penekanan kepada pelatih kaunselor untuk meneroka isu klien berdasarkan teori kerjaya yang bersesuaian dalam konteks kes

klien. Pelaksanaan kursus praktikum dan internship bukan dilihat semata-mata untuk pelatih melengkapkan jumlah jam yang melayakkan mereka menamatkan pengajian. Pendedahan sebegini, merupakan aspek penting kepada kaunselor apabila mereka keluar ke lapangan setelah menamatkan pengajian masing-masing.

Peranan ini tidak terhad kepada penyedia latihan semata-mata, diri kaunselor yang berada di lapangan perlu juga bersikap proaktif dengan sentiasa meningkatkan pengetahuan berhubung dengan teori kerjaya dengan melalui pelbagai bengkel dan seminar yang bersesuaian dengan peningkatan pengetahuan dan kemahiran kaunselor (Southern & Devlin, 2010). Ini selari dengan Program Perkembangan Profesional Berterusan Lembaga Kaunselor (Lembaga Kaunselor, 2017) yang mana, setiap kaunselor yang ingin memperbaharui sijil perakuan amalan dwi tahunan perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran kaunseling semasa. Melalui pendekatan ini, tahap pengetahuan dan kemahiran kaunselor akan sentiasa berada pada tahap yang terkini.

## RUJUKAN

- Aslina Ahmad, Ahmad Jazimin Jusoh, & Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip. (2016). The Theoretical Approach in Individual Counselling: a Case Study in Malaysia. *International Journal of Science and Engineering Investigations*, 5(58), 87–90.
- Benshoff, J. M. (2000). Innovative methods Helping Beginning Counselors Develop a Personal Theory of Counseling, 40, 70–80.
- Bodkin, J.A, Klitzman, L.R. Pope, G. H. (1995). Treatment orientation and associated characteristics of North American Academic Psychiatrists. *The Journal of Nervous and Mental Disease*, 183(12).
- Bowen, G. A. (2009). Document Analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 2(9), 27–41.
- Braun, V., & Clarke, V. (2008). Using thematic analysis in psychology Using thematic analysis in psychology, 0887(2006).
- Buckman, J. R., & Barker, C. (2010). Therapeutic orientation preferences in trainee clinical psychologists: Personality or training? *Psychotherapy Research*, 20(3), 247–258. doi:10.1080/10503300903352693
- Canadian Career Development Foundation. (2002). Career development a primer and a glossary. Retrieved from [iaevg.net/wp-content/uploads/Glossary-english-ccdf-2.doc](http://iaevg.net/wp-content/uploads/Glossary-english-ccdf-2.doc)
- Carcary, M. (2009). The Research Audit Trial – Enhancing Trustworthiness in Qualitative Inquiry. *The Electronic Journal of Business Research Methods*, 7(1), 11–24. Retrieved from [www.ejbrm.com](http://www.ejbrm.com)
- Carter, N., Bryant-Lukosius, D., DiCenso, A., Blythe, J., & Neville, A. J. (2014). The Use of Triangulation in Qualitative Research. *Oncology Nursing Forum*, 41(5), 545–547. doi:10.1188/14.ONF.545-547
- Castillo-Montoya, M. (2016). Preparing for interview research : The interview protocol refinement framework preparing for interview research : The interview protocol refinement, 21(5), 811–831.

- Cornsweet, C. (1983). Nonspecific factors and theoretical choice. *Psychotherapy: Theory, Research and Practice*, 20, 307–313.
- Creswell., W. J., & Poth., N. C. (2018). *Qualitative inquiry and research design. Choosing among five approaches* (Fourth Edit). London: SAGE Publications.
- Creswell.W.J. (2013). *Qualitative inquiry & research design. Choosing among five approaches* (Third Edit). Los Angeles: SAGE Publications.
- Creswell, W. J. (2009). *Research design. Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. London: SAGE Publications.
- Crowe, S., Cresswell, K., Robertson, A., Huby, G., Avery, A., & Sheikh, A. (2011). The case study approach. *BMC Medical Research Methodology*, 11. doi:10.1186/1471-2288-11-100
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan. Edisi ke empat*. Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd.
- Diane, G. C. (2014). Methods and meanings: Creadibility and trustworthiness of qualitative research. *Nurse Researcher*, 41(1), 89–91. doi:10.7748/nr2009.07.16.4.40.c7160
- Freeman, M. S., Hayes, B. G., Kuch, T. H., & Taub, G. (2007). Personality: A predictor of theoretical orientation of students enrolled in a counseling theories course. *Counselor Education and Supervision*, 46(4), 254–265. doi:10.1002/j.1556-6978.2007.tb00030.x
- Goldberg, S. B., Rousmaniere, T., Miller, S. D., Whipple, J., Nielsen, S. L., Hoyt, W. T., & Wampold, B. E. (2016). Supplemental Material for Do Psychotherapists Improve With Time and Experience? A Longitudinal Analysis of Outcomes in a Clinical Setting. *Journal of Counseling Psychology*, 63(1), 1–11. doi:10.1037/cou0000131.supp
- Heppner, M. J., & Heppner, P. P. (2003). Identifying process variables in career counseling: A research agenda. *Journal of Vocational Behavior*, 62(3), 429–452. [https://doi.org/10.1016/S0001-8791\(02\)00053-2](https://doi.org/10.1016/S0001-8791(02)00053-2)
- Jacob. A.S. & Furgerson, P. S. (2012). Writing Interview protocols and conducting interviews: Tips for sudents new to the field of qualitative research. *The Qualitative Report*, 17(6), 1–10.

- Jonsen, K., & Jehn, K. A. (2009). Using triangulation to validate themes in qualitative studies. *Qualitative Research in Organizations and Management: An International Journal*, 4(2), 123–150. doi:10.1108/17465640910978391
- Larson, D. (1980). and Schoolism : A National Survey. *Journal Humanistic Psychology*, 20(3), 3–20.
- Lembaga Kaunselor. (2011). *Piawaian dan kelayakan latihan kaunseling Lembaga Kaunselor (Malaysia)*. (S. Enterprise, Ed.). Lembaga Kaunselor (Malaysia).
- Lembaga Kaunselor. (2015). *Piawaian dan kelayakan latihan kaunselor dengan bidang tumpuan utama*. (S. Enterprise, Ed.). Lembaga Kaunselor (Malaysia).
- Lembaga Kaunselor. (2017). *Program perkembangan profesional berterusan kaunselor berdaftar*.
- Lowndes, L., & Terry, H. (2010). The challenge of becoming an integrative counsellor: The trainee's perspective. *Counselling and Psychotherapy Research*, 10(3), 163–172. doi:10.1080/14733141003751614
- Malaysian Law Journal. (2006). *Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971*. Pencetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Maree, J. G. (2010). Brief overview of the advancement of postmodern approaches to career counseling. *Journal of Psychology in Africa*, 20(3), 361–367. doi:10.1080/14330237.2010.10820387
- Merriam, B.S. & Tisdell, J. E. (2016). *Qualitative research. A guide to design and implementation*. United States of America: Jossey-Bass.
- National Career Development Association. (2009). Career counseling competencies. Retrieved January 1, 2017, from [https://www.ncda.org/aws/NCDA/pt/sd/news\\_article/37798/\\_self/layout\\_cmsearch>true](https://www.ncda.org/aws/NCDA/pt/sd/news_article/37798/_self/layout_cmsearch>true)
- Nur Aishah Abdullah. (2017). *Kompetensi dan keperluan guru terhadap pelaksanaan intervensi awal di prasekolah pendidikan khas*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Paisley, P. O., & Benschhoff, J. M. (1998). A Developmental Focus : Implications for Counsellor Education. *Canadian Journal of Counselling*, 32(1), 27–36.

- Pencetakan Nasional Malaysia. (1998). *Akta Kaunselor 1998 (Akta 580)*. Pencetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Poznanski, J. J., & McLennan, J. (1995). Conceptualizing and Measuring Counselors' Theoretical Orientation. *Journal of Counseling Psychology*, 42(4), 411–422. doi:10.1037/0022-0167.42.4.411
- Rønnestad, M. H., & Skovholt, T. M. (2003). The Journey of the Counselor and Therapist: Research Findings and Perspectives on Professional Development. *Journal of Career Development*, 30(1), 5–44. doi:10.1023/A:1025173508081
- Skovholt, T. M., & Ronnsted, M. H. (1992). Themes in Therapist and Counselor Development. *Journal of Counseling & Development*, 70(4), 505–515. doi:10.1002/j.1556-6676.1992.tb01646.x
- Southern, S., & Devlin, J. (2010). Theory Development: A Bridge Between Practice and Research. *The Family Journal*, 18(1), 84–87. doi:10.1177/1066480709358422
- T. Petko, J., Kendrick, E., & E. Young, M. (2017). Selecting a Theory of Counseling: What Influences a Counseling Student to Choose? *Universal Journal of Psychology*, 4(6), 285–291. doi:10.13189/ujp.2016.040606
- Wacker, G. J. (1998). A definition of theory: research guidelines for different theory-building research methods in operations management. *Journal of Operations Managements*, 16, 361–385.
- Weinrach, S. G. (2006). Selecting a counseling theory while scratching your head: A rational-emotive therapist's personal journey. *Journal of Rational - Emotive and Cognitive - Behavior Therapy*, 24(3), 155–167. doi:10.1007/s10942-006-0042-1
- Wesley, J. J. (2010). Qualitative document analysis in political science, (April), 9–10.
- Zakaria Mohamad, Jusoh, A. J., & Zainab Ismail. (2010). Faktor Pemilihan dan Peranan Teori Kaunseling Kaunselor di Kuala Lumpur. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 13(Jun), 57–69. Retrieved from [http://jps.uum.edu.my/images/jps/13/vol\\_13\\_2010\\_57\\_69.pdf](http://jps.uum.edu.my/images/jps/13/vol_13_2010_57_69.pdf)
- Zakria Mohamad, & Asyraf Ab. Rahman. (2011). Counseling practitioners in Malaysia: Socio-demographic profile and theoretical approaches in counseling process. *International Journal of Business and Social Science*, 2(22).

## Penyesuaian dan Resiliensi Pelajar Tahun Pertama di Institut Pendidikan Guru

Tengku Norhani Tengku Besar<sup>1</sup>, Nor Shafrin Ahmad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

<sup>1</sup>tengkunorhani77@gmail.com, <sup>2</sup>sham@usm.my

### ABSTRAK

*Tahun pertama di institut pengajian tinggi merupakan fasa mencabar kepada pelajar baharu. Mereka perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran akademik dan sosial yang ternyata berbeza daripada budaya sekolah. Proses transisi ini memerlukan mereka mempunyai tahap resiliensi yang tinggi agar dapat menempuhi cabaran dunia kampus. Kajian ini bertujuan untuk meneroka masalah penyesuaian dan resiliensi dalam kalangan pelajar Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di Institut Pendidikan Guru (IPG). Responden kajian ini terdiri daripada empat orang pensyarah, empat orang kaunselor dan 30 orang pelajar PPISMP. Temu bual separa berstruktur telah dijalankan kepada pensyarah dan kaunselor manakala para pelajar menjalani sesi perbincangan Teknik Kumpulan Nominal. Hasil temu bual dan perbincangan NGT kemudiannya ditranskripsi serta dianalisis menggunakan analisis kandungan bagi membentuk kategori atau tema yang sesuai. Dapatan kajian menunjukkan majoriti peserta kajian memperlihatkan bahawa masalah penyesuaian dan resiliensi sering dihadapi oleh pelajar PPISMP. Masalah penyesuaian diterjemahkan berkaitan akademik, sosial, peribadi dan perapatan institusi manakala jenis masalah resiliensi adalah berkaitan berkaitan percaya kepada diri sendiri, ketenangan dan ketabahan. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan ke arah pembentukan dan pembangunan intervensi yang bersesuaian bagi membantu kesejahteraan pelajar PPISMP di IPG dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu dan meningkatkan resiliensi.*

**Kata Kunci:** Penyesuaian; Resiliensi; Institut Pendidikan Guru

## PENGENALAN

Peluang melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) merupakan satu kebanggaan kepada pelajar. Namun, tidak semua pelajar yang melanjutkan pelajaran ke IPT berupaya menyesuaikan diri. Fasa transisi ke IPT menyediakan cabaran yang kompleks dari segi emosi, sosial dan penyesuaian akademik (Chickering, 1969). Sebilangan pelajar berusaha untuk menyesuaikan diri tetapi ada sebilangan pelajar yang terkesan dan tidak dapat berperanan dengan baik (Gerdes & Malinckrodt, 1994). Penyesuaian di institut pengajian tinggi (IPT) merujuk kepada keupayaan individu untuk menangani cabaran berkaitan tugas akademik dan persekitaran sosial di IPT sebaik mungkin, merasai kesejahteraan dan mempunyai ikatan yang rapat secara keseluruhannya dengan IPT (Baker & Siryk, 1999; Ribbe, Cyrus, & Langan, 2016). Hal ini dapat dilihat daripada sikap pelajar terhadap kursus yang mereka ikuti, penglibatan mereka dengan sumber pembelajaran dan kecukupan usaha mereka ketika belajar (Baker & Siryk, 1999). Seseorang pelajar akan berasa tertekan apabila tidak dapat menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran. Justeru, pelajar perlu bertindak atau bertingkah laku sesuai dengan perubahan persekitaran. Sekiranya mereka gagal menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran, keadaan ini akan memberi kesan kepada kesejahteraan dan mengurangkan peluang berdaya tahan (Parameswaran & Beena, 2004).

Kebanyakan pelajar mengalami penyesuaian positif seperti penglibatan dan gembira dengan persekitaran IPT (Rodriguez, Tinajero, Vacas, Guisande Counago, & Paramo Fernandez, 2015; Kenney, Lac, Hummer, Grimaldi, & LaBrie, 2015), namun terdapat kajian yang melaporkan pelajar mengalami kebingungan kerana transisi mereka ke kolej (Crede & Niehorster, 2012; Feldt, Graham, & Dew, 2011). Akibatnya, pelajar ini didapati menghadapi kesukaran dalam akademik (Wintre, Bowers, Gordner, & Lange, 2006), masalah emosi seperti pengasingan, kesunyian, tekanan dan kemurungan (Horgan, Sweeney, Behan, & McCarthy, 2016; Puff, Kolomeyer, McSwiggan, Pearte, Lauer, & Renk, 2016; Quan, Zhen, Yao, & Zhou, 2014), hubungan yang tegang dengan ahli keluarga dan rakan sekelas (Wintre & Yaffe, 2000), isu penyalahgunaan bahan (LaBrie, Ehret, Hummer, & Prenovost, 2012) dan akhirnya menyebabkan mereka tersingkir dari sekolah atau kolej (Crede & Niehorster, 2012). Di samping itu, resiliensi berperanan dalam menangani stres ketika berlaku transisi (Beasley, Thompson & Davidson, 2003). Apabila individu berhadapan dengan situasi yang berisiko, resiliensi bertindak sebagai faktor protektif (Zautra, Hall, & Murray, 2010). Resiliensi mempunyai hubungan yang positif terhadap penyesuaian di kolej dan memainkan peranan penting dalam proses bagi memudahkan individu menyesuaikan dengan cabaran yang membimbangkan (Haktanir, Watson, & Streeter, 2018).

Seseorang yang dikatakan mempunyai resiliensi yang tinggi merupakan individu yang cenderung bersikap optimis dalam setiap keadaan yang memberikannya tekanan (Tugade & Fredrickson, 2004). Resiliensi dibentuk oleh beberapa faktor iaitu persepsi, penilaian kognitif, interpretasi terhadap tekanan atau cabaran, konteks persekitaran luar, proses interaksi antara manusia atau persekitarannya, karakter dalaman seseorang seperti mempunyai kompetensi spiritual, kognitif, sosial, tingkah laku, fizikal dan emosi, mempelajari proses daya tindak dan berjaya dalam penyesuaian kehidupan (Kumpfer, Glantz & Johnson, 1999). Transisi kepada persekitaran baharu memberi cabaran dan tekanan kepada pelajar untuk menyesuaikan diri. Pelajar akan berhadapan dengan persekitaran belajar yang baharu dan perlu menguruskan masa mereka secara berkesan. Selain itu, pelajar juga terpaksa berpisah dengan sahabat karib dan ahli keluarga. Mereka perlu membina perhubungan baharu dengan rakan-rakan dan para pensyarah. Mereka juga mengalami kesunyian, kerinduan kampung halaman, konflik dan tekanan dalam hubungan interpersonal (Dusselier, Dunn, Wang, Mack C. Shelley II, & Whalen, 2010)

Di Malaysia, senario penyesuaian dan resiliensi dalam kalangan pelajar di institut pengajian tinggi juga perlu diberikan perhatian sewajarnya. Transisi pelajar dari alam persekolahan ke institut pengajian tinggi memerlukan mereka menyesuaikan diri dengan keadaan baharu dan mempunyai tahap resiliensi yang tinggi untuk menempuhi cabaran dengan persekitaran baharu. Berdasarkan Perangkaan Pendidikan Malaysia 2018, seramai 193 883 orang pelajar mendaftar di institut pengajian tinggi awam seperti universiti, institut pendidikan guru, politeknik dan kolej matrikulasi pada tahun 2018. Para pelajar terdiri daripada pelajar lepasan sekolah menengah yang sudah pastinya akan mengikuti sistem dan persekitaran pembelajaran yang berbeza. Proses transisi antara sekolah dan institut pengajian tinggi boleh memberi kesan kepada pelajar (Gueudet, 2008) kerana mereka akan berhadapan dengan masalah baharu. Menurut Poduska (1980), penyesuaian intelek dan penyesuaian emosi sangat berkait rapat. Individu yang dapat menguruskan penyesuaian ini dengan baik akan stabil tetapi bagi individu yang tidak dapat menguruskan akan mengalami salah penyesuaian.

### **Tujuan kajian**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman kaunselor, pensyarah dan pelajar tahun pertama PPISMP di Institut Pendidikan Guru berkaitan cabaran penyesuaian dan resiliensi. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk meneroka strategi yang digunakan oleh kaunselor dan pensyarah untuk membantu pelajar menangani isu tersebut.

### **Objektif kajian**

1. Meneroka cabaran penyesuaian dan resiliensi pelajar tahun pertama PPISMP di Institut Pendidikan Guru.
2. Meneroka strategi yang digunakan oleh kaunselor dan pensyarah untuk membantu pelajar menangani isu penyesuaian dan resiliensi di Institut Pendidikan Guru.

### **Persoalan kajian**

1. Apakah cabaran penyesuaian dan resiliensi yang dihadapi pelajar tahun pertama PPISMP di Institut Pendidikan Guru?
2. Apakah strategi yang digunakan oleh kaunselor dan pensyarah untuk membantu pelajar menangani isu penyesuaian dan resiliensi di Institut Pendidikan Guru?

### **Kajian lepas**

Masalah transisi dalam kalangan pelajar khususnya dari sekolah ke institusi pengajian tinggi (IPT) sering dibincangkan di peringkat antarabangsa dan bukanlah isu yang baru (Feldt, Graham, & Dew, 2011; Klymchuk, Gruenwald, & Jovanoski, 2011; Melendez, 2016).

Kajian-kajian lepas mendapati pelajar tahun pertama berhadapan dengan masalah penyesuaian. Tahun pertama merupakan tempoh transisi pelajar antara sekolah menengah dan institut pengajian tinggi. Kejayaan seseorang pelajar di institut pengajian tinggi berkaitan dengan beberapa faktor seperti penguasaan isi kandungan, beban kursus yang berat, tekanan peperiksaan, tuntutan yang memerlukan autonomi dalam membuat keputusan dan komitmen yang tinggi (Baker & Siryk, 1999). Kajian Lee dan Burkam (2003) mendapati pelajar di institut pengajian tinggi mengalami masalah penyesuaian seperti masalah kewangan, masalah akademik, kesihatan, sosial dan peribadi. Tinto (1996) telah mengutarakan tujuh punca utama yang menyebabkan pelajar menarik diri daripada pengajian iaitu masalah akademik, masalah penyesuaian, matlamat yang kabur, komitmen yang rendah, masalah kewangan, ketidakserasian antara pelajar dengan institusi dan pengasingan. Implikasi daripada berhadapan dengan pelbagai cabaran, banyak pelajar institut pengajian tinggi tahun pertama mendapati diri mereka cenderung mengalami kebimbangan, tekanan, dan tekanan psikologi yang lebih besar (Bayram & Bilgel, 2008). Tambahan pula, resiliensi dan faktor-faktor yang membina resiliensi intrapersonal sebagai elemen yang menyumbang kepada kejayaan penyesuaian pelajar tahun pertama terhadap persekitaran yang tertekan di institut pengajian tinggi (Hartley & Hartley, 2017); Leary & DeRosier, 2012). Individu yang mampu mengurus dan menangani berbagai permintaan dan tekanan di dalam kehidupan merupakan individu yang dapat menyesuaikan diri dengan baik

(Lazarus, 1976).

Kajian-kajian lalu banyak melihat hubungan penyesuaian dengan strategi daya tindak (Nasrudin, Lee Chui Pei, Salina, Norshaffika, Khadijah & Norulhuda, 2011; Cousins, Servaty-seib, & Lockman, 2015), gaya keibubapaan (Darlow, Norvilitis, Schuetze, & Schuetze, 2017), kecerdasan emosi, sokongan sosial (Maria, 2008), stres (Ashwini & Barre, 2014), media sosial (Deandrea, Ellison, Larose, Stein, & Fiore, 2012), perubahan kepercayaan agama (Edmondson & Park, 2009) dan resiliensi (Banyard, Cantor, & Schuh, 2018; Galatzer-levy, Burton, & Bonanno, 2012; Haktanir et al., 2018; Rahat, 2016). Di Malaysia, beberapa kajian berkaitan penyesuaian dan resiliensi pelajar di universiti telah dijalankan. Kajian Noor Azniza (2005) terhadap pelajar tahun pertama di universiti mendapati pelajar mempunyai masalah salah penyesuaian dengan penerimaan sendiri rendah. Masalah penyesuaian ini memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar (Nasrudin, 2011). Selain itu, Maria (2008) mendapati bukan sahaja pelajar tahun pertama yang mempunyai masalah penyesuaian malahan pelajar tahun kedua juga didapati mempunyai masalah penyesuaian. Ini selaras dengan pandangan Tinto (1996) yang menyatakan bahawa masalah penyesuaian turut dialami pelajar yang matang.

Masalah penyesuaian bukan sahaja berlaku kepada pelajar di universiti malahan pelajar di institut pendidikan guru (IPG) juga turut mengalami masalah tersebut. Kajian Nor Hashimah, Zulkifley dan Siti Ilyana (2015) mendapati bahawa masalah penyesuaian memberi kesan kepada pencapaian matematik dalam kalangan guru pelatih Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di IPG. Keadaan peribadi emosi merupakan faktor utama yang boleh mengganggu proses penyesuaian akademik guru pelatih dan penyesuaian sosial semasa transisi institusi. Chiam (2018) dalam kajiannya terhadap pelajar PPISMP di IPG menjelaskan bahawa terdapat lima belas tema resilien yang boleh diklasifikasikan kepada lima faktor resilien yang utama iaitu; tahan lasak, daya tindak, penyesuaian, kawalan dan sokongan sosial serta kerohanian.

## **Teori kajian**

Transisi dari sekolah ke institut pengajian tinggi membawa pelbagai cabaran yang perlu diadaptasi pelajar baharu bukan sahaja dalam bentuk akademik malah secara sosial dan emosi (Baker & Siryk, 1999). Seperti yang dinyatakan oleh Tinto (1987), tahap integrasi sosial dan akademik seseorang mempengaruhi kegigihannya. Model Penyesuaian Baker & Siryk (1984) mengutarakan empat komponen penyesuaian iaitu domain akademik, sosial, peribadi-emosi dan perapatan institusi. Domain akademik melibatkan pengalaman pelajar terhadap fakulti, staf akademik dan pengalaman akademik dengan pelajar lain. Domain sosial pula menekankan pengalaman tidak

formal pelajar berkaitan fakulti dan pelajar lain. Domain peribadi-emosi merujuk kepada tahap pengalaman pelajar mengalami tekanan sama ada secara psikologi atau fizikal semasa proses penyesuaian berlaku. Perapatan institusi berkaitan komitmen terhadap matlamat pendidikan dan tahap kepuasan pelajar terhadap institusi.

Berdasarkan Model Resiliensi Richardson (2002), resiliensi seseorang terbina akibat gangguan atau tekanan dalam hidup serta penyesuaian positif selepas melalui gangguan atau tekanan dalam hidup. Individu akan bermula padaperingkat keseimbangan biopsikopritual iaitu tubuh badan, minda dan semangat sehinggalah mereka berhadapan dengan masalah atau ancaman dalam kehidupan. Individu akan bertindak balas ketika berhadapan dengan masalah atau ancaman melalui menjadi lebih baik (mempunyai ketahanan diri), kembali kepada keadaan keseimbangan, berubah menjadi lebih teruk atau menjadi tidak berfungsi.

### **Kepentingan kajian**

Kajian berkaitan penyesuaian dan resiliensi terhadap pelajar di IPG sangat kurang dijalankan. Justeru kajian ini diharapkan dapat memberi satu pendedahan awal berkaitan isu penyesuaian dan resiliensi pelajar di Institut Pendidikan Guru. Selain itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pihak pengurusan dan pentadbiran, pensyarah, kaunselor dan mentor di IPG bagi membangunkan intervensi yang sesuai untuk membantu pelajar tahun pertama menyesuaikan diri dan meningkatkan resiliensi.

### **Definisi Operasional**

#### a) *Penyesuaian*

Penyesuaian merupakan satu proses individu menyesuaikan diri dalam sesuatu persekitaran dengan menangani tekanan yang dicetuskan oleh tuntutan-tuntutan yang terdapat dalam persekitaran tersebut. Penyesuaian dalam kajian ini adalah bagaimana individu melakukan penyesuaian berdasarkan empat domain penyesuaian berdasarkan Model Penyesuaian Baker dan Siryk (1984). Empat domain tersebut ialah penyesuaian akademik, penyesuaian emosi-peribadi, penyesuaian sosial dan perapatan institusi.

#### b) *Resiliensi*

Individu yang mempunyai teras ketahanan diri yang kuat akan mampu bangun semula daripada kehidupan yang sukar. Resiliensi dalam kajian ini adalah bagaimana individu mengenali ketahanan diri mereka berdasarkan lima ciri utama sebagai asas


kepada konsep ketahanan diri yang diperkenalkan oleh Wagnild dan Young (1990). Ciri-ciri tersebut ialah mempunyai tujuan hidup, ketabahan, redha, percaya pada diri, dan bersendirian.

c) *Pelajar PPISMP Tahun Pertama di IPG*

Pelajar tahun pertama di IPG merujuk kepada mereka yang sedang mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Pelajar IPG dalam kajian ini merupakan mereka yang sedang mengikuti pengajian dalam Program Persediaan Ijazah Sarjana Perguruan (PPISMP) selama setahun yang berumur 18 hingga 20 tahun.

**METODOLOGI KAJIAN**

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual separa-berstruktur dan kaedah perbincangan Teknik Kumpulan Nominal (NGT). Menurut Patton (1985), penyelidikan kualitatif merujuk kepada satu usaha untuk memahami situasi yang tertentu dalam keadaannya yang tersendiri. NGT adalah satu proses pembuatan keputusan dalam bentuk perbincangan kumpulan kecil secara bersemuka (Aizzat, Intan & Zainal Ariffin, 2006) yang berbentuk semi kuantitatif dan berstruktur (O’Neil & Jackson, 1983; Dobbie, Rhodes, Tysinger, & Freeman, 2004; Perry & Linsley, 2006). NGT bersifat semi kuantitatif kerana turut menggabungkan kaedah kualitatif. Proses ini mengambil masa selama 90 minit bagi setiap kumpulan. Berikut merupakan protokol NGT yang dicadangkan oleh Van de Ven dan Delbecq (1972):



**Rajah 1: Protokol Teknik Kumpulan Nominal (NGT)**

Kajian ini dilaksanakan di empat buah IPG Zon Utara. Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai lapan orang yang terdiri daripada empat orang pensyarah, empat orang kaunselor dan 30 orang pelajar PPISMP. Pemilihan peserta kajian dilakukan secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dengan menentukan beberapa kriteria yang ditentukan oleh pengkaji (Merriam 1998). Bagi pensyarah dan kaunselor, pemilihan subjek kajian dibuat berdasarkan pengalaman mengendalikan kes kaunseling dan mengajar pelajar PPISMP melebihi lima tahun. 30 orang pelajar PPISMP telah dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu sepuluh orang setiap kumpulan untuk perbincangan menggunakan Teknik Kumpulan Nominal (*Nominal Group Technique-NGT*).

Protokol temu bual telah digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini berdasarkan kajian-kajian literatur. Soalan protokol temu bual kajian telah dibina dalam bentuk soalan terbuka dan generik iaitu responden temu bual bebas menyatakan pandangan mereka berdasarkan soalan-soalan yang diberikan tanpa disekat. Protokol temu bual yang terdiri daripada pengenalan, soalan pembuka, soalan kunci, soalan-soalan berkaitan soalan kunci dan soalan penutup perlu disediakan (Noraini, 2010). Protokol temu bual membantu menjawab persoalan penyelidikan. Menurut Titchie dan Lewis (2003), temubual dapat menjelaskan tentang corak pemikiran seseorang responden. Data atau sumber maklumat yang diperoleh daripada temu bual lebih kaya dan mendalam.


Dalam kajian kualitatif, analisis data merupakan proses yang berterusan dari permulaan kajian (Othman, 2009). Maklumat yang diperoleh dianalisis berpandukan enam langkah (Creswell, 2015). Langkah pertama adalah menganalisis data selepas temu bual diadakan. Data kemudiannya dikumpul dan disusun melalui transkripsi temu bual. Langkah kedua, semua data hasil daripada temu bual (audio) diterjemahkan dalam bentuk teks untuk menghasilkan transkrip sebelum dianalisis. Seterusnya langkah ketiga, keseluruhan teks dibaca untuk mendapatkan gambaran keseluruhan tentang idea dan pendapat peserta kajian. Selepas itu, langkah keempat adalah meneliti setiap transkrip peserta kajian untuk melihat kesamaan dan perbezaan setiap transkrip. Proses ini dijalankan berulang kali untuk mendapatkan tema-tema. Bagi langkah kelima pula adalah proses menghubungkan tema-tema yang dihasilkan untuk membentuk gambaran keseluruhan perkara yang dikaji. Akhirnya, penyediaan laporan kajian.

## KEPUTUSAN/PERBINCANGAN

Dapatan kajian dan perbincangan dihuraikan mengikut persoalan-persoalan kajian yang telah dinyatakan.

### 1) Cabaran penyesuaian dan resiliensi pelajar tahun pertama di IPG

Selari dengan pengkaji lain (Tinto, 1996; Baker & Siryk, 1999; Wintre, Bowers, Gordner, & Lange, 2006), hasil temu bual dan perbincangan NGT mendapati pelajar tahun pertama PPISMP di IPG mengalami cabaran dalam penyesuaian dan resiliensi. Melalui kajian ini didapati, pelajar tahun pertama di IPG berhadapan dengan cabaran penyesuaian akademik, sosial, peribadi-emosi dan institusi (Rajah 2).



**Rajah 2: Cabaran Penyesuaian Pelajar Tahun Pertama di IPG**

Analisa dapatan menunjukkan bahawa terdapat pelajar mendapat gred rendah pada tahun pertama walaupun mereka pelajar cemerlang di sekolah.

*“...pelajaran dia ada penurunan lah...semester pertama dia ok, tapi bila masuk semester kedua dia punya pointer tu semakin berkurangan”. (R1)*

Dapatan ini selaras dengan pendapat Baker dan Siryk (1999) bahawa pelajar yang mengalami masalah penyesuaian cenderung mendapat nilai gred yang rendah pada tahun pertama, berada pada status amaran, rasa kurang mempunyai kawalan terhadap usaha akademik, tidak stabil dan matlamat yang tidak sesuai dengan usia dan penilaian sendiri yang kurang realistik.

Analisis data perbincangan NGT mendapati, pelajar mengalami kesukaran untuk menyiapkan tugas akademik.

*“Kesukaran membuat kerja kursus” (Hasil perbincangan NGT)*

Penyesuaian akademik merupakan satu aspek yang penting kepada seorang yang bergelar pelajar. Pelajar perlu bersedia dan terlibat dalam aktiviti akademik (Hoffman & Julie, 2012) untuk membolehkan penyesuaian yang baik berlaku. Dapatan ini disokong oleh pengkaji lepas bahawa pelajar yang mengalami masalah penyesuaian akan mengalami kesukaran akademik. (Wintre, Bowers, Gordner, & Lange, 2006).

Penyesuaian sosial juga dilihat merupakan cabaran yang dihadapi pelajar tahun pertama di IPG. Pelajar PPISMP di IPG mengalami cabaran penyesuaian sosial yang melibatkan hubungan dengan orang lain seperti rakan sekuliah dan rakan sebilik.

*“Masalah yang paling tinggi adalah masalah penyesuaian dengan rakan sebilik di mana mereka mengalami masalah komunikasi yang kurang baik” (R8)*

Penyesuaian sosial memperlihatkan tahap kejayaan pelajar berurusan dengan tuntutan sosial dalam persekitaran institusi pengajian tinggi (Baker & Siryk, 1999). Ini bermaksud semakin pelajar dapat menyesuaikan diri dengan tuntutan sosial di IPG seperti hubungan dengan rakan, pensyarah, dan staf, maka pelajar dikatakan berjaya membuat penyesuaian sosial. Dapatan ini selari dengan pengkaji terdahulu bahawa pelajar akan mengalami masalah penyesuaian sekiranya cenderung isolasi dan sukar untuk berkawan (Tinto, 1993).

*“Homesick. Teringat ibu bapa” (Hasil perbincangan NGT)*

Di samping itu, kerinduan kepada keluarga apabila berjauhan juga merupakan salah satu bentuk masalah penyesuaian yang dihadapi pelajar tahun pertama di IPG. Selaras dengan kajian lalu bahawa krisis yang sering terjadi kepada pelajar tahun pertama melibatkan kesukaran dalam penyesuaian sosial seperti perasaan kerinduan kepada keluarga dan kesunyian (Houston, 1971; Lokitz & Sprandel, 1976; Rich & Scovel, 1987). Penglibatan dan perhubungan sosial merupakan bahagian penting dalam penyesuaian (Enochs & Roland, 2006) di IPG.

Berdasarkan analisis data, pelajar tahun pertama yang berhadapan cabaran penyesuaian peribadi-emosi merupakan pelajar yang tidak mempunyai minat untuk menjadi seorang guru. Pelajar melanjutkan pelajaran ke IPG atas kehendak ibu dan bapa mereka. Gerdes & Mallinckrodt (1994) mendapati ada pelajar yang dapat menyesuaikan diri dengan baik tetapi ada pelajar yang terkesan dengan fasa transisi.

*“Sebab klien saya yang ini dia tak minat jadi cikgu. So dia datang kat sini atas parents dia punya kehendak” (R3)*

Implikasinya, pelajar memendam perasaan marah dan berasa geram dengan aktiviti di IPG yang bukan pilihan mereka. Terdapat dua aspek berkaitan penyesuaian peribadi-emosi menurut Baker dan Siryk (1999) iaitu kesejahteraan psikologi dan kesejahteraan fizikal. Pelajar perlu memenuhi aspek psikologi seperti kestabilan emosi, pengawalan perasaan, tekanan dan kebimbangan.

Mereka juga didapati tidur lewat malam untuk menyiapkan tugas. Selain itu, pelajar juga perlu memenuhi aspek kesejahteraan fizikal seperti kecergasan fizikal, waktu tidur, selera makan dan berat badan. Justeru, sebagai pelajar perlu belajar mengawal emosi dan menguruskan tekanan di samping menjaga kesihatan dengan baik. Kedua-dua aspek ini memainkan peranan penting untuk membantu pelajar membuat penyesuaian peribadi-emosi (Baker & Siryk, 1999).

*“Selalu tidur lewat” (Hasil perbincangan NGT)*

Fasa transisi pelajar ke IPG merupakan fasa penyesuaian pelajar dengan persekitaran baharu iaitu kampus dan kolej kediaman. Pelajar yang mempunyai tahap penyesuaian institusi yang tinggi merujuk kepada tahap komitmen pelajar merasai terhadap institusi dan matlamat institusi (Baker & Siryk, 1999). Hasil dapatan data temu bual turut menemui cabaran penyesuaian institusi. Pelajar baharu di IPG tidak dapat memberi komitmen sepenuhnya kerana kecenderungan membandingkan persekitaran pembelajaran di IPG dan universiti.

*“contohnya dulu ketika di sekolah lebih kepada teacher oriented, jadi dia mai sini student oriented, dia melihat pengaruh pensyarah itu tidak menyeluruh, pensyarah hanya memberi sahaja saya nak kena buat semua” (R2)*

*“Ada yang banding IPG dengan universiti” (R1)*

*“Kolej kediaman tidak selesa” (Hasil perbincangan NGT)*

Berdasarkan data temu bual, pelajar tahun pertama di IPG juga berhadapan dengan cabaran resiliensi pada fasa transisi. Dapatan kajian memperlihatkan bentuk masalah resiliensi pelajar PPISMP di IPG adalah berkaitan ketabahan, percaya pada diri sendiri dan ketenangan. Wagnild dan Young (1993) mengutarakan lima komponen resiliensi iaitu iaitu ketenangan, berdikari, percaya pada diri sendiri, bersendirian dan ketabahan. Resiliensi memainkan peranan penting kepada pelajar untuk menghadapi cabaran dan melantun terhadap cabaran yang dihadapi. Individu yang mempunyai tahap resiliensi yang tinggi akan lebih mudah melalui proses penyesuaian (Fassig, 2003).



**Rajah 3: Cabaran Resiliensi Pelajar Tahun Pertama di IPG**

Hasil dapatan temu bual (Rajah 3), responden lapan menyatakan bahawa pelajar tahun pertama di IPG mengalami cabaran resiliensi yang rendah dan tidak meneruskan pengajian. Individu yang mampu mengurus dan menangani berbagai permintaan dan tekanan di dalam kehidupan merupakan individu yang dapat menyesuaikan diri dengan baik (Lazarus, 1976).

*“Terdapat segelintir kes pelajar yang mempunyai daya tahan yang rendah apabila memasuki IPG. Tak tahan dengan sistem kita. Mereka ini memohon untuk kembali menyambung pengajian di sekolah dan berhenti belajar di IPG” (R8)*

Analisis data perbincangan melalui NGT, didapati cabaran resiliensi paling utama bagi pelajar tahun pertama di IPG ialah penglibatan mereka dengan aktiviti di IPG. Pelajar berasa sukar untuk melibatkan diri dengan aktiviti akademik dan kokurikulum yang banyak.

*Sukar melibatkan diri dalam aktiviti institut yang terlalu banyak (Hasil perbincangan NGT)*

Cabaran resiliensi seterusnya melibatkan keyakinan diri untuk mendapatkan keputusan yang baik dan ketiga berkaitan dengan tekanan. Kajian lalu mendapati individu yang berupaya untuk bertindak mengikut kesesuaian dan mencari penyelesaian dalam situasi baharu akan dapat mengurangkan tekanan (Campbell-Sills, Cohen & Stein, 2006; Garmezy, 1991).

*Tidak yakin dapat peroleh keputusan yang baik (Hasil perbincangan NGT)*

*Tekanan (Hasil perbincangan NGT)*

Menurut Hartley dan Hartley (2017) resiliensi dan faktor-faktor yang membina resiliensi intrapersonal sebagai elemen yang menyumbang kepada kejayaan penyesuaian pelajar tahun pertama terhadap persekitaran yang tertekan di institut pengajian tinggi.

- 2) Strategi kaunselor dan pensyarah untuk membantu pelajar tahun pertama di IPG menangani isu penyesuaian dan resiliensi.



**Rajah 4: Strategi Kaunselor**

Hasil kajian mendapati strategi yang digunakan oleh kaunselor di IPG untuk membantu pelajar tahun pertama yang mengalami masalah penyesuaian dan resiliensi adalah melalui sesi kaunseling individu dan kelompok (Rajah 4). Terdapat pelajar yang menjalani sesi kaunseling selepas sahaja Minggu Pengurusan Pelajar Baharu dan terdapat juga pelajar yang menghadiri sesi kaunseling individu selepas sebulan hingga tiga bulan di IPG. Selain itu, terdapat juga pelajar yang berada di semester dua dan tiga yang mengalami masalah penyesuaian dan resiliensi menghadiri sesi kaunseling.

*“kita akan buat sesi kaunseling lah. Kaunseling individu dan kaunseling kelompok.... program-program yang kita buat contohnya program personaliti guru” (R2)*

Antara dapatan lain kajian ini, kaunselor juga memberi input-input berkaitan pengurusan dan senario akademik yang bakal pelajar hadapi dan ikuti di IPG pada Minggu Pengurusan Pelajar Baharu iaitu selama dua hari. Pelbagai aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK), ceramah dan bengkel diadakan kepada pelajar baharu.

*“ketika minggu pelajar baru tu, kita akan berikan input-input berkaitan pengurusan mereka di IPG...cara belajar, cara berkomunikasi” (R1)*

Kajian juga mendapati, kaunselor meminta Pembimbing Rakan Siswa Pendidik yang terdiri daripada pelajar-pelajar senior untuk membantu pelajar-pelajar baharu menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial dan akademik serta meningkatkan resiliensi bagi menghadapi cabaran di IPG.

*“Buat bimbingan. Gunakan modul PRSd untuk pelajar bantu kawan-kawan dia” (R3)*

Dapatan kajian juga memperlihatkan strategi pensyarah dalam membantu pelajar tahun pertama berhadapan dengan cabaran penyesuaian dan resiliensi di IPG (Rajah 5). Antara strategi yang telah dilaksanakan oleh pensyarah ialah memberi nasihat. Nasihat diberi ketika waktu kuliah atau pada waktu rehat. Pensyarah turut membimbing pelajar untuk menyesuaikan



**Rajah 5: Strategi Pensyarah**

diri dengan persekitaran akademik dan sosial di IPG serta meningkatkan resiliensi mereka menghadapi cabaran di IPG.

*“setakat ni saya panggil pelajar dan berikan nasihat,” (R6)*

Selain itu, hasil kajian turut mendapati pensyarah bertindak dengan merujuk pelajar kepada mentor. Setiap pelajar di IPG mempunyai mentor yang terdiri daripada pensyarah. Pelajar akan diberikan mentor selepas mereka mendaftar di IPG. Justeru, pensyarah merujuk kepada mentor kerana mentor ibarat ibu dan ayah pelajar semasa berada di IPG. Perjumpaan mentor-mentee diadakan setiap minggu bagi

membincangkan permasalahan pelajar.

*“saya akan rujuk kepada mentor dan minta mentor berikan bimbingan dan nasihat kepada menteenya” (R8)*

Di samping itu, majoriti pensyarah akan merujuk pelajar kepada kaunselor di IPG. Unit Psikologi dan Kaunseling di IPG mempunyai tiga orang kaunselor organisasi bagi membantu pelajar.

*“kita rujuk pelajar ni kepada kaunselor institut” (R7)*

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Ringkasnya, pelajar tahun pertama PPISMP di IPG berhadapan dengan cabaran penyesuaian dan resiliensi pada fasa transisi mereka dari sekolah ke IPG. Sekiranya mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu dan tidak mampu melantun balik daripada kesukaran dan menjadi resilien, mereka akan berhadapan dengan tekanan dan masalah psikologi lain. Kajian ini diharapkan dapat membantu dalam menyalurkan maklumat berkaitan masalah penyesuaian dan resiliensi yang dihadapi oleh pelajar di IPG. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat membantu kaunselor, pensyarah, mentor dan pentadbir di IPG untuk menyediakan intervensi atau program bagi membantu pelajar PPISMP melalui proses penyesuaian dengan jayanya dan meningkatkan tahap resiliensi pelajar. Masalah penyesuaian dan resiliensi perlu ditangani pada peringkat awal untuk mencegah berlarutan sehingga menyebabkan salah penyesuaian dan masalah psikologikal yang lain.

**RUJUKAN**

- Azzat Mohd Nasarudin, Intan Osman, Zainal Ariffin Ahmad (2006). Pengantar Pengurusan. Kuala Lumpur :Utusan Publication & Distributors
- Ashwini, R., & Barre, V. P. (2014). Stress and adjustment among college students in relation to their academic performance. *Indian Journal of Health and Wellbeing*, 5(3), 288.
- Bakar., N. H. A., & ZYusof, S. I. M. (2015). JuKu JuKu. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, (April), 1–12.
- Banyard, V. L., Cantor, E. N., Schuh, J. H., Banyard, V. L., & Cantor, E. N. (2018). Adjustment to College Among Trauma Survivors : An Exploratory Study of Resilience Research in Brief Adjustment to College Among Trauma Survivors : An Exploratory Study of Resilience, 45(2), 207–221.
- Chiam Sueh Li. (2018). *Meningkatkan Sikap Resilien Guru Pelatih Dengan Mengguna Sandtray Sebagai Satu Pendekatan Kaunseling*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cousins, C., Servaty-seib, H. L., & Lockman, J. (2015). College Student Adjustment and Coping : Bereaved and Nonbereaved Students, 1–24. <https://doi.org/10.1177/0030222815598911>
- Darlow, V., Norvilitis, J. M., Schuetze, P., & Schuetze, P. (2017). The Relationship between Helicopter Parenting and Adjustment to College, 2291–2298. <https://doi.org/10.1007/s10826-017-0751-3>
- Deandrea, D. C., Ellison, N. B., Larose, R., Stein, C., & Fiore, A. (2012). Internet and Higher Education Serious social media : On the use of social media for improving students ' adjustment to college, 15, 15–23. <https://doi.org/10.1016/j.iheduc.2011.05.009>
- Dusselier, L., Dunn, B., Wang, Y., Mack C. Shelley II, & Whalen, D. F. (2010). Personal, Health, Academic, and Environmental Predictors of Stress for Residence Hall Students, (December 2014), 37–41. <https://doi.org/10.3200/JACH.54.1.15-24>

- Edmondson, D., & Park, C. (2009). Shifting foundations : religious belief change and adjustment in college students, 12(3), 289–302. <https://doi.org/10.1080/13674670802627339>
- Galatzer-levy, I. R., Burton, C. L., & Bonanno, G. A. (2012). Coping Flexibility , Potentially Traumatic Life Events , and Resilience : A Prospective Study of College Student Adjustment, 31(6), 542–567.
- Haktanir, A., Watson, J. C., & Streeter, A. (2018). Resilience , Academic College Adjustment Among First- Year Students. <https://doi.org/10.1177/1521025118810666>
- Hartley, M. T., & Hartley, M. T. (2017). Mental Health , and Academic Persistence in, 8481(October). <https://doi.org/10.1080/07448481.2010.515632>
- Lazarus, R. S. (1976). *Patterns Of Adjustment* (3rd Ed.). London: McGraw-Hill Kogakusha, Ltd.
- Melendez, M. C. (2016). The Influence of Residential Status on the Adjustment to College at Four Urban Universities. <https://doi.org/10.1177/1521025116678853>
- Rahat, E. (2016). Coping Styles , Social Support , Relational Self- Construal , and Resilience in Predicting Students ' Adjustment to University Life \*, 187–208. <https://doi.org/10.12738/estp.2016.1.0058>
- Ribbe, R., Cyrus, R., & Langan, E. (2016). Exploring the Impact of an Outdoor Orientation Program on Adaptation to College. *Journal of Experiential Education*, 39(4), 355369. doi: 10.1177/ 1053825916668900
- Shankland, R., Genolini, C., Franca, L. R., Guelfi, J. D. & Ionescu, S. (2010). Student adjustment to higher education: the role of alternative educational pathways in coping with the demands of student life. *Higher Education*, 59, 353–366.
- Titchie, J. & Lewis, J.(2003). *Qualitative Research Practice; A Guide for Social Science and Researchers*, Sage Publication Ltd, dari [https://mthoyibi.files.wordpress.com/2011/10/qualitative-research-practice\\_a-guide-for-social-science-students](https://mthoyibi.files.wordpress.com/2011/10/qualitative-research-practice_a-guide-for-social-science-students).
- Tinajero, C., Martínez-López, Z., Rodríguez, M. S., Guisande, M. A., & Páramo, M. F. (2015). Gender and socioeconomic status differences in university

students' perception of social support. *European Journal of Psychology of Education*, 30(2), 227-244.

Tinto, V. (1996). Reconstructing the First Year of College. *Planning for higher education*, 25(1), 1-6.

Tugade, M. M., & Fredrickson, B. L. (2004). Resilient individuals use positive emotions to bounce back from negative emotional experiences. *Journal of personality and social psychology*, 86(2), 320.

Van de Ven, A. H., & Delbecq, A. L. (1972). The nominal group as a research instrument for exploratory health studies. *American journal of public health*, 62(3), 337-342.

Wagnild, G. M. and H. Young (1993) "Development and psychometric evaluation of the resilience scale." *Journal of Nursing Measurement* 1 (2): 165-178

Wintre, M. G., Bowers, C., Gordner, N., & Lange, L. (2006). Re-evaluating the university attrition statistic: A longitudinal follow-up study. *Journal of Adolescent Research*, 21(2), 111-132.

Zautra, A. J., Hall, J. S., & Murray, K. E. (2010). A new definition of health for people and communities. *Handbook of adult resilience*, 1.

## **Keberkesanan Modul MUTIARA Dalam Organisasi Kementerian Pendidikan Malaysia**

Halimatun Saadiah Binti Ahmad Usuldin  
Bahagian Psikologi dan Kaunseling  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
halimatun.ahmad@moe.gov.my

### **ABSTRAK**

*Modul MUTIARA merujuk kepada Mantiq, Unggul, Terampil, Intergriti, Amanah, Responsif dan Akhlak merupakan gabungan daripada tujuh perkara utama yang memberi gambaran terhadap peranan individu dalam peningkatan kemampuan diri dan organisasi telah dilaksanakan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Modul MUTIARA dirangka sebagai panduan kepada kaunselor organisasi bagi mengendalikan program kepada warga KPM yang berprestasi sederhana. Modul ini dibangunkan khusus bagi mengembalikan potensi, meningkatkan kemahiran interpersonal dan intrapersonal, mengupayakan pembangunan potensi sendiri, memperoleh celik akal untuk melakukan perubahan tingkah laku, emosi dan pemikiran yang positif. Kajian ini bertujuan melihat sejauh mana berkesannya Modul MUTIARA terhadap peserta yang menyertai program ini. Sehubungan itu, untuk melihat keberkesanan modul MUTIARA ini, kajian impak telah dijalankan. Seramai 33 orang peserta daripada sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Statistik deskriptif dan inferensi telah diguna pakai untuk menganalisa data. Untuk statistik deskriptif, min, sisihan piawai dan peratus digunakan untuk menganalisa demografi responden. Untuk statistik inferensi, Ujian t, pula melihat perbezaan antara jantina terhadap modul MUTIARA dan keseluruhan program Mutiara. Hasil kajian menunjukkan dua submodul Spiritual berada di tahap tinggi sebanyak 87.9% manakala modul kaunseling kelompok sebanyak 84.8% daripada 5 modul yang terdapat dalam program Mutiara ini menjadi penyumbang utama kepada keseluruhan program ini. Diharapkan kajian ini dapat menjadi satu saranan bagi meningkatkan kualiti sumber manusia ke arah kecemerlang dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan negara.*

**Kata Kunci:** Modul MUTIARA ; Organisasi Kementerian Pendidikan Malaysia

## PENGENALAN

Sumber manusia merupakan agen kepada keberkesanan sesebuah organisasi dan merupakan aset penting yang berupaya memangkin kemajuan serta kejayaan organisasi dalam mencapai Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun, tahap kecekapan, keberkesanan dan prestasi ada kalanya tidak konsisten disebabkan pelbagai faktor seperti keperluan pemegang taruh yang dinamik dan kompleks serta pengaruh faktor persekitaran dan faktor dalam diri yang menjejaskan motivasi, komitmen dan produktiviti. Bagi memastikan penjawat awam yang profesional dan mencapai standard yang baik, program latihan intensif amat penting bagi mengekalkan momentum dan meningkatkan prestasi serta motivasi pekerja.

Nazihah (2011) menyatakan sumber manusia, adalah komitmen penting dalam memastikan kejayaan organisasi. Oleh itu, pekerja yang bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas dalam kerjaya menjadi aset bernilai kepada organisasi kerana ia menjadi satu lonjakan prestasi yang cemerlang bagi sesebuah organisasi yang berwawasan. Morteza (2015) menyatakan komitmen organisasi merupakan sesuatu yang sangat bernilai dan penting untuk membentuk kejayaan sesebuah organisasi.

Berdasarkan kajian Yahya (2012) kaedah-kaedah menyusun kerja, peluang-peluang untuk penglibatan pekerja dan tindak balas merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi kuantiti dan kualiti kerja dalam sesebuah organisasi. Pekerja adalah merupakan faktor utama yang menentukan kejayaan organisasi dalam persekitaran dan persaingan yang kompetitif. Penglibatan kerja yang tinggi memotivasikan pekerja untuk terus belajar dan memindahkan pembelajaran baru ke tempat kerja. Ini akan menjana komitmen berterusan akan memberi motivasi bagi penambahbaik kerja melalui pembelajaran Porter et al. (2003). Zainab Aman & Khairunnisa Abd Shukor (2015), menyatakan pekerja yang memiliki semangat yang tinggi terhadap kerja akan meletakkan nilai yang tinggi terhadap latihan dan seterusnya dapat memberi lebih komitmen apabila terdapat peluang untuk mempelajari kemahiran dan pengetahuan baru bagi memperbaiki prestasi kerja.

Sehubungan itu, Bahagian Psikologi dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil satu inisiatif untuk menghasilkan satu modul yang diberi nama MUTIARA sebagai panduan kepada kaunselor bagi mengendalikan program kepada kakitangan Kementerian Pendidikan Malaysia yang berprestasi sederhana. Usaha ini diharapkan agar dapat meningkatkan kualiti sumber manusia dalam usaha untuk membangunkan masyarakat dan negara.

Modul ini dibangunkan khusus bagi mengembalikan potensi, meningkatkan kemahiran interpersonal dan intrapersonal, mengupayakan pembangunan potensi sendiri, memperoleh celik akal untuk melakukan perubahan tingkah laku, emosi dan pemikiran yang positif dan ianya berasaskan tujuh elemen utama iaitu Mantiq, Unggul, Trampil, Integriti, Amanah, Responsif dan Akhlak. Mantiq yang ditakrifkan sebagai peraturan berfikir yang betul, melalui kefahaman (*inference*) yang menghasilkan kesimpulan yang benar dan sah, menjadi panduan kepada manusia dalam soal berfikir dan gerak daya yang berkaitan dengannya. Ilmu Mantiq ini telah diperkenalkan oleh ilmuwan ulung antaranya ialah Al-Farabi, Nasiruddin Al-Tusi, Fakhr Al-Din Al-Razi, Abu Al-Barakat Al-Baghdadi, Al- Qutb Al-Razi dan Sadr Al-Din Al-Shirazi. Modul yang dibina ini terbahagi kepada dua elemen utama iaitu psiko-pendidikan dan intervensi kaunseling. Elemen psikologi pendidikan terdiri daripada tiga sub-elemen iaitu psikologi, motivasi dan spiritual. Manakala elemen intervensi kaunseling meliputi kaunseling kelompok dan kaunseling individu. Kesemua elemen tersebut dilindungi oleh nilai sejagat dan nilai spiritual yang menjadi amalan. Oleh itu, ke arah pembentukan personaliti unggul dalam perkhidmatan awam, ada ditekankan tentang konsep manusia cemerlang, gemilang, terbilang, konsisten dalam mencapai tahap tertinggi, kecemerlangan dalam perhubungan, komitmen terhadap tugas, berpegang kepada etika diri dan manusia lain. Seterusnya, aspek lain seperti ketrampilan, berintegriti, amanah, bertanggungjawab dan berakhlak adalah merupakan perkara yang diambil kira dan perlu dimiliki oleh setiap individu.

Modul ini bertujuan membantu kaunselor untuk memperkasakan kemahiran insaniah warga Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pendekatan kaunseling dan psikologi. Modul MUTIARA berfokuskan kepada kumpulan penjawat awam berprestasi sederhana (60% - 80%) bagi meningkatkan kesedaran, motivasi dan jati diri untuk terus berkhidmat dengan semangat dan azam baharu serta penuh komitmen. Modul ini menjadi satu kewajipan yang perlu diperkasakan kepada penjawat awam khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia bukan sahaja kepada berprestasi sederhana.

Berdasarkan huraian di atas, kepentingan kajian ini adalah untuk mengesahkan bahawa modul-modul dalam Mutiara ini yang dibina oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling memberi impak kepada peserta yang mengikuti program ini. Selain itu, untuk mengesahkan penggabungan unsur-unsur dalam modul ini boleh membina kapasiti modal insan dan persekitaran tempat kerja yang harmoni dan mesra pelanggan di Kementerian Pendidikan Malaysia dan untuk memastikan modul ini boleh digunakan oleh mana-mana organisasi secara sendirian atau dengan mendapatkan khidmat kaunselor terlatih dari Bahagian Psikologi dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai konsultan.

## **Objektif Kajian**

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk :

1. Untuk melihat tahap keberkesanan modul dalam kalangan peserta program mutiara
2. Untuk melihat perbezaan antara peserta lelaki dan peserta perempuan dalam modul Mutiara

## **Persoalan Kajian**

Terdapat dua persoalan kajian yang perlu dijawab oleh pengkaji adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap keberkesanan modul dalam kalangan peserta program MUTIARA?
2. Adakah terdapat perbezaan antara peserta lelaki dan peserta perempuan dalam modul MUTIARA ?

## **Hipotesis Kajian**

Terdapat hipotesis kajian yang dibina dalam kajian ini iaitu :

- Ho 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan dalam modul Ice Breaking dalam kalangan peserta program Mutiara.
- Ho 2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan dalam modul Motivasi dalam kalangan peserta program Mutiara.
- Ho 3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan dalam modul Psikometrik dalam kalangan peserta program Mutiara.
- Ho 4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan dalam modul Spiritual dalam kalangan peserta program Mutiara.
- Ho 5 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan dalam modul Kaunseling Kelompok dalam kalangan peserta program Mutiara.
- Ho 6 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan dalam Keseluruhan Program dalam kalangan peserta program Mutiara.

## Kajian Lepas

Terdapat beberapa kajian lepas menyatakan bahawa keberkesanan modul seperti ice breaking, motivasi, alat ujian psikometrik, spiritual dan kaunseling kelompok memberi impak yang positif kepada peserta yang terlibat sama ada secara terus di dalam program yang disertai mahupun selepas program berakhir. Achmad Fanani (2010) ice breaking merupakan sentuhan aktiviti yang dapat digunakan untuk memecahkan kebekuan, kerisauan, kebosanan dan suasana yang suram sehingga menjadi mencair dan mewujudkan persekitaran yang kondusif. Apabila ice breaking dijalankan dalam tempoh masa yang lama akan membuatkan peserta mempunyai hubungan yang akrab dan dapat mewujudkan motivasi, semangat untuk melakukan aktiviti seterusnya. Aktiviti ice breaking yang berkesan di awal program yang dikendalikan oleh fasilitator akan mewujudkan hubungan yang baik dalam pembentukan kumpulan dan aktiviti yang akan dijalankan seterusnya. Seterusnya aktiviti dan latihan yang menjurus kepada pembentukan motivasi peserta akan juga memberi kesan kepada peserta setelah tamat program yang dilaksanakan.

Menurut Taidin Suhaimi (2018) menyatakan motivasi adalah darjah atau tahap kesungguhan dan tempoh kelangsungan seseorang berusaha untuk mencapai tujuan atau matlamatnya. Tengku Sarina Aini, (2006) dalam Fadillah Mansor, Tengku Sarina & Sarina Aini (2015) menyatakan faktor motivasi pekerja dianggap sebagai perkara utama dalam pembentukan organisasi apabila mereka mula bekerja di sesebuah tempat yang kecil mahupun besar. Motivasi adalah pencetus semangat dan mengekalkan momentum individu untuk mencapai objektif yang diinginkan. Menurut Goldstein dan Ford, 2002; Nijman, 2004; Tai, 2006; Fadillah et.al 2015, modul bercorak elemen motivasi mula direkabentuk bagi mewujudkan jangkaan pembelajaran yang realistik, membuat pekerja berasa selesa, seronok dan bermotivasi semasa menghadiri program latihan dan menambah baik kecekapan dan efisian pekerja. Setiap individu mempunyai bentuk pencapaian yang berbeza berdasarkan kepada beberapa faktor, antaranya seperti pengalaman bekerja, minat terhadap kerja, kesesuaian dengan jawatan yang disandang, kebolehan fizikal dan intelektual yang berbeza dan perbezaan tahap motivasi pekerja (Jaafar, 2000 dalam Fadillah et.al 2015). Oleh itu, bagi meningkatkan tahap komitmen kerja di kalangan pegawai sokongan dalam suatu organisasi sama ada kerajaan atau swasta, satu program latihan motivasi perlu dilaksanakan. Ini kerana program latihan merupakan salah satu fungsi pembangunan dan pengurusan sumber manusia yang sangat penting (DeSimone, Werner, dan Harris, 2002).

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2016; Garis Panduan Pelaksanaan Laluan Kerjaya Secara Pantas (*Fast Track*) alat ujian psikometrik bertujuan mengenalpasti dan membentuk profil individu dari aspek

tret personaliti dan kepimpinan contoh instrumen yang digunakan bagi pelaksanaan ujian ini ialah Indeks Personaliti Unggul dan *Towering Leadership Personality*. Ini menunjukkan instrumen mampu menyokong kepada pembentukan tret personaliti yang positif sekaligus membentuk tingkah laku yang mencapai matlamat organisasi yang diinginkan majikan. Nurul Hudani et.al (2018), menunjukkan terdapat pelbagai personaliti yang berupaya menjadikan golongan pekerja lebih bertanggungjawab terhadap tugasnya khususnya bagi mereka yang bertindak sebagai pemimpin dalam sesebuah organisasi sehingga pemilikan trait personaliti ini diandaikan berhubungan dengan kecekapan emosi seseorang individu apabila individu lebih mengenali personaliti dengan interperitasi alat instrumen yang mengukur personaliti seseorang. Tambahan pula dengan adanya elemen modul spiritual iaitu kerohanian telah menjadi sokongan diantara modul-modul dalam program Mutiara ini berjaya dilaksanakan. Modul kerohanian yang dijalankan terhadap peserta sekurang-kurangnya dapat memberi kesan yang baik terhadap mereka untuk meningkatkan kepada mereka tanggungjawab, amanah dan ikhlas dalam melaksanakan pekerja yang dilakukan seharian. Modul kerohanian adalah membentuk jati diri individu dan menjadi satu benteng ketenangan dalam melaksanakan pekerjaan walaupun sedang menghadapi konflik diri atau masalah di tempat kerja. Kepentingan dalam pengurusan kerja dan kehidupan yang berkualiti dan holistik adalah merangkumi dunia dan akhirat, sesuatu pekerjaan harus suci dan halal sama ada secara individu mahupun dalam sesebuah organisasi. Pengurusan kerja berkualiti adalah berteraskan kepada nilai dan mempunyai hubung kait dengan perlakuan manusia, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Fadillah Mansor (2015). Menurut Haron Din (2015) manusia dan akhlak tidak terasing walaupun sesaat usianya, amalan atau pekerjaan baik atau buruk akan dicatat. Oleh itu, walau apa pekerjaan yang dilakukan sebahagian diri individu tersebut. Dalam konteks pemulihan akhlak seseorang apabila menghadapi konflik perlu di bimbing, di bantu secara berkala dan berterusan agar dapat mengekalkan iman dan takwa sebagai pegangan hidup, akhlak yang baik boleh menjadi tauladan kepada semua orang terutama dalam organisasi dan menjadi kejayaan sama ada di dunia dan akhirat. Ini menepati dalam firman ALLAh s.w.t yang bermaksud: *“Kami tinggikan darjat kedudukan sesiapa yang kami kehendaki, dan tiap-tiap orang yang berilmu pengetahuan, ada lagi di atasnya yang lebih mengetahui”* (Surah Yusuf : ayat 76).

Manakala penerapan kaunseling kelompok menjadi tunjang kepada pembentukan individu yang baharu, Zuraidah Ab. Rahman (1988), Corey G. (2009) dan Noor Huda (2017) menyatakan kaunseling kelompok dilihat sebagai suatu pendekatan yang boleh digunakan oleh kaunselor terlatih untuk memberi pertolongan berkesan kepada beberapa individu biasa yang menghadapi masalah seharian yang normal dalam satu jangka masa yang sama. Fokus kaunseling kelompok adalah menolong klien menghadapi penyesuaian dan perkembangan diri seharian

berdasarkan perubahan tingkah laku, memperbaiki kemahiran perhubungan, sikap dan nilai mahupun kerjaya ataupun membuat keputusan dalam hidup dari segi pencegahan dan pengubatan dalaman seseorang. Kaunseling kelompok mempunyai satu matlamat yang tertentu seperti pembelajaran, kerjaya, masalah peribadi atau sosial. Ia mementingkan perhubungan individu yang menekankan tentang kelakuan, fikiran dan perasaan secara sadar. Perbincangan dan sokongan ahli kelompok turut menjadi sebab ahli dapat mencapai perubahan yang lebih cepat berbanding dengan sesi individu (Corey, 2013; Gladding, 2003). Pendekatan kelompok begitu bermanfaat dari aspek penjimatan masa apabila perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat diberikan kepada sebilangan individu serentak pada satu masa. Proses yang berlaku dalam kelompok lebih cepat memantapkan ahli kerana mereka belajar daripada sesama ahli kelompok yang lain. Bimbingan kelompok bersifat lebih terbuka, yang dapat melibatkan lebih ramai ahli pada satu-satu masa

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, responden kajian terdiri daripada 15 orang lelaki dan 18 orang perempuan orang guru dan staf di sebuah sekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Soal selidik ditebar melalui perisian *Google.Doc*. Instrumen kajian ini mengandungi set soal selidik 40 item berbentuk 4 skala likert yang mengukur 6 dimensi iaitu Modul *Ice Breaking*, Modul *Motivasi*, Modul Psikometrik, Modul Spiritual, Modul Kaunseling kelompok dan subskala keseluruhan program secara keseluruhan. Bahagian I (Data Peribadi), Bahagian II (Modul *Ice Breaking*) mengandungi 7 item, Bahagian III (Modul Motivasi) mengandungi 7 item, Bahagian IV (Modul Psikometrik) mengandungi 5 item, Bahagian V (Modul Spiritual) mengandungi 7 item dan Bahagian VI (Modul Kelompok Kaunseling) mengandungi 7 item, Bahagian VII (Sub skala keseluruhan program) mengandungi 7 item.

Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kajian tinjauan dan data kajian ini adalah merupakan kajian berbentuk deskriptif untuk menerangkan faktor demografi manakala inferensi yang digunakan adalah Ujian-t pula melihat perbezaan antara jantina terhadap modul mutiara. dan keseluruhan program Mutiara. Oleh itu, enam hipotesis kajian dan enam persoalan kajian yang dibina dalam kajian ini berdasarkan pada objektif kajian. Untuk itu, alat ukur bagi mengukur keberkesanan modul ini keseluruhannya telah dibina sendiri oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling.

Untuk memperoleh analisis item yang paling mudah, reabiliti boleh digunakan (Sidek,1995). Berdasarkan kajian rintis terhadap 33 orang yang terdiri daripada 15 orang lelaki dan 18 orang perempuan didapati nilai *Alpha Cronbach* bagi semua konstruk adalah .994. Bagi Modul *Ice Breaking* didapati nilai .974, Modul *Motivasi* ialah .980, Modul Psikometrik ialah .965, Modul kaunseling kelompok ialah .936,

dan Keseluruhan program Mutiara. Nilai semua modul ini melebihi 0.7, dan mengikut Majid (1990) dan Kerlinger (1970) nilai yang melebihi 0.7 menunjukkan item yang baik dan boleh diterima dalam kajian. Pallant (2001) juga menyatakan analisis *Alpha Cronbach* digunakan bertujuan untuk melihat aras konsisten dalaman yang dipunyai oleh instrumen. Dalam kajian ini, kebolehpercayaan alat ini adalah berada pada aras .929. Ini menunjukkan bahawa alat kajian boleh diterima dan mempunyai ketekalan yang tinggi.

**DAPATAN KAJIAN**

Taburan demografi responden mengikut jantina,bangsa, agama, umur, status perkahwinan, perjawatan dan tempat bertugas mengikut jadual berikut :

**Jadual 1 : Maklumat Demografi**

<b>Profil Responden Peratusan</b>	<b>Kategori</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan (n=33) %</b>
Jantina	Lelaki	15	45.5
	Perempuan	18	54.5
Bangsa	Melayu	23	69.7
	Cina	4	12.1
	India	4	12.1
	Bumiputera Sabah/ Sarawak	2	6.1
Agama	Islam	25	75.8
	Budha	3	9.1
	Hindu	3	9.1
	Kristian	2	6.1
Umur	20-30 tahun	25	75.8
	31-40 tahun	3	9.1
	41-50 tahun	3	9.1
	51 dan lebih	2	6.1
Status Perkahwinan	Berkahwin	4	12.1
	Bujang	27	81.8
	Duda/Janda	2	6.1
Perjawatan	Pengurusan& Profesional	19	57.6
	Anggota Kumpulan Sokongan	14	42.4

Dapatan demografi mengikut jantina, responden lelaki seramai 15 orang (45.5%), manakala responden perempuan 18 orang (54.5%). Pecahan demografi mengikut bangsa pula, responden bangsa melayu sebanyak 23 orang (69.7%), responden bangsa cina dan india masing-masing 4 orang (12.1%) dan responden bumiputera sabah/sarawak sebanyak 2 orang (6.1%). Bagi pecahan mengikut agama seramai 25 orang (75.8%) adalah beragama islam, bagi yang menganuti agama buddha dan hindu seramai 3 orang (9.1%) dan yang menganuti agama Kristian adalah seramai 2 orang (6.1%). Manakala dapatan demografi umur pula, responden yang berumur antara 20-30 tahun seramai 25 orang (75.8%), responden yang berumur 31-40 dan 41-50 tahun masing-masing seramai 3 orang dan responden yang berumur 51 tahun dan lebih seramai 2 orang sahaja. Dapatan demografi mengikut status perkahwinan, seramai 27 orang (81.8%) adalah bujang, berkahwin 4 orang (12.1) dan janda/balu/duda adalah seramai 2 orang(6.1%). Bagi perjawatan pula hanya kumpulan pengurusan dan profesional dan anggota kumpulan sokongan yang terlibat dalam program ini masing-masing 19 orang (57.6%) dan 14 orang (42.4%).

**Jadual 2 : Peratusan Tahap Keberkesanan Modul Mutiara**

<b>Pembolehubah</b>	<b>Bilangan</b>	<b>% (n=33)</b>	<b>Min</b>
Modul Ice breaking			
Rendah	3	9.1	
Sederhana	6	18.2	
Tinggi	24	72.7	2.6364
Modul Motivasi			
Rendah	4	12.1	
Sederhana	4	12.1	
Tinggi	25	75.8	2.6364
Modul Psikometrik			
Rendah	3	9.1	
Sederhana	5	15.2	
Tinggi	25	75.8	2.6667
Modul Spiritual			
Rendah	3	9.1	
Sederhana	1	3.0	
Tinggi	29	87.9	2.7879
Modul Kaunseling Kelompok			
Rendah	3	9.1	
Sederhana	2	6.1	
Tinggi	28	84.8	2.7576

Keseluruhan Program Mutiara			
Rendah	3	9.1	
Sederhana	3	9.1	
Tinggi	27	81.8	2.7273

Berdasarkan jadual di atas, hasil dapatan modul *ice breaking* mendapati peratusan yang paling tinggi adalah tahap tinggi iaitu sebanyak 72.7%, kedua adalah pada tahap sederhana yang mewakili sebanyak 18.2% dan tahap rendah hanyalah sebanyak 9.1%, sahaja. Bagi hasil dapatan modul motivasi mendapati peratusan yang paling tinggi adalah tahap tinggi iaitu sebanyak 75.8%, kedua adalah pada tahap sederhana dan tahap rendah masing-masing yang mewakili sebanyak 12.1% sahaja. Hasil dapatan min bagi modul *ice breaking* dan modul motivasi adalah 2.64. Manakala hasil dapatan modul psikometrik mendapati tahap tinggi iaitu sebanyak 75.8%, kedua adalah pada tahap sederhana yang mewakili sebanyak 15.2 % dan tahap rendah hanyalah sebanyak 9.1%, sahaja. Min modul psikometrik adalah 2.70. Seterusnya modul spiritual mendapati peratusan yang paling tinggi adalah tahap tinggi iaitu sebanyak 87.9%, kedua adalah pada tahap rendah yang mewakili sebanyak 9.1% dan tahap sederhana hanyalah sebanyak 3.0%, sahaja. Min subskala ini adalah 2.8. Modul kaunseling Kelompok mendapati mendapati peratusan yang paling tinggi adalah tahap tinggi iaitu sebanyak 84.8%, kedua adalah pada tahap rendah yang mewakili sebanyak 9.1% dan tahap sederhana hanyalah sebanyak 6.1%, sahaja. Min subskala ini adalah 2.75. Keseluruhan program mutiara pula mendapati peratusan yang paling tinggi adalah tahap tinggi iaitu sebanyak 81.8 %, kedua adalah pada tahap sederhana dan tahap rendah masing-masing yang mewakili sebanyak 9.1% sahaja. Min subskala ini adalah 2.72.

**Jadual 3 : Tidak terdapat hubungan diantara submodul mutiara berdasarkan jantina**

Pemboleh Ubah	n	Min	SP	t	df	Sig
Modul Ice Breaking						
Lelaki	15	23.86	3.7			
Perempuan	18	20.27	7.1	1.85	31	.066
Modul Motivasi						
Lelaki	15	23.80	3.68			
Perempuan	18	20.11	7.47	1.84	31	.020
Modul Psikometrik						
Lelaki	15	14.94	5.27			
Perempuan	18	16.73	2.71	1.25	31	.104
Modul Spiritual						
Lelaki	15	24.33	3.39			
Perempuan	18	20.94	7.30	1.75	31	.078
Modul Kaunseling kelompok						
Lelaki	15	21.38	6.01			
Perempuan	18	24.26	3.2	1.74	31	.102
Keseluruhan Program Mutiara						
Lelaki	15	23.5	3.58			
Perempuan	18	20.61	7.09	1.52	31	.115

Jadual diatas menunjukkan tidak terdapat hubungan terhadap modul *ice breaking*  $t(31)=1.85$ ,  $p = .066 > .05$  antara peserta lelaki ( $M=23.86$ ,  $SP=3.7$ ) dan peserta perempuan ( $M=20.27$ ,  $SP=7.10$ ). Seterusnya, tidak terdapat hubungan terhadap modul Motivasi  $t(31)=1.84$ ,  $p = .020 > .05$  antara peserta lelaki ( $M= 23.80$ ,  $SP=3.68$ ) dan peserta perempuan ( $M=20.11$ ,  $SP=7.47$ ).

Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat hubungan terhadap modul Psikometrik  $t(31)=1.25$ ,  $p = .104 > .05$  antara peserta lelaki ( $M=14.944$ ,  $SP=5.27$ ) dan peserta perempuan ( $M = 16.73$ ,  $SP=2.71$ ). Hasil dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan terhadap modul spiritual  $t(31)=1.75$ ,  $p = > .05$  antara peserta lelaki ( $M= 24.33$ ,  $SP=3.94$ ) dan peserta perempuan ( $M=20.94$ ,  $SP=7.30$ ) nilai min perempuan ( $M = 24.26$ ,  $SP=3.2$ ) mengatasi lelaki ( $M=21.38$ ,  $SD= 6.01$ ). Hasil dapatan menunjukkan tidak terdapat hubungan terhadap modul kaunseling kelompok.  $t(31)=1.74$ ,  $p= .102 > .05$  antara peserta lelaki ( $M = 21.38$ ,  $SP =6.01$ ) dan peserta perempuan ( $M=24.26$ ,  $SP=3.2$ ). Jadual diatas menunjukan tidak terdapat hubungan diantara keseluruhan program berdasarkan jantina  $t(31)=1.5$ ,  $p = .115 > .05$  antara peserta lelaki ( $M= 23.5$ ,  $SP=3.58$ ) dan peserta perempuan ( $M = 23.5$ ,  $SP = 3.58$ ). Ini menunjukkan, ke enam hipotesis nul kajian ini diterima.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil dapatan yang telah diperolehi daripada kajian ini, penyelidik mendapati modul spiritual yang menunjukkan tahap tinggi daripada ke lima modul dalam program Mutiara ini sebanyak 87.9%, kedua modul kaunseling kelompok berada di tahap tinggi sebanyak 84.8%. ini menunjukkan bahawa kepentingan modul spiritual dalam pembentukan akhlak seseorang pekerja memberi peranan yang utama dalam menjayakan sesebuah organisasi. Ini disokong berdasarkan kajian lepas kepentingan dalam pengurusan kerja dan kehidupan yang berkualiti dan holistik adalah merangkumi dunia dan akhirat, sesuatu pekerjaan harus suci dan halal sama ada secara individu mahupun dalam sesebuah organisasi. Pengurusan kerja berkualiti adalah berteraskan kepada nilai dan mempunyai hubung kait dengan perlakuan manusia, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Fadillah Mansor (2015). Oleh itu, elemen modul spiritual memberi impak kepada perubahan prestasi bekerja peserta yang terlibat sekali menunjukkan modul spiritual memberi kesan yang utama dalam program Mutiara ini. Manakala modul kaunseling kelompok dalam Program Mutiara ini adalah berada di tahap tinggi iaitu 84.8% ini menunjukkan bahawa perana besar selepas modul spiritual adalah pelaksanaan kaunseling kelompok selepas semua modul-modul lain dilaksanakan dalam tempoh tiga hari dua malam. Hasil dapatan ini disokong oleh kajian lepas, Zuraidah Ab. Rahman (1988), Corey G. (2013) dan Noor Huda (2017) menyatakan kaunseling kelompok dilihat sebagai suatu pendekatan yang boleh digunakan oleh kaunselor terlatih untuk memberi pertolongan berkesan kepada beberapa individu biasa yang menghadapi masalah seharian yang normal dalam satu jangka masa yang sama. Kesan daripada hasil pembentukan kelompok serta kerjasama yang baik oleh ahli-ahli kelompok lain mampu membantu individu mengubah tingkahlaku yang negatif kepada positif malah perubahan aspek berkerja juga turut berubah. Ini kerana perkongsian oleh ahli-ahli dalam membina matlamat dikongsi bersama untuk mencapai sebuah kejayaan buat individu itu sendiri dan juga organisasi yang dinaungi.

Selain itu, kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan yang lemah yang signifikan antara semua modul dengan peserta lelaki dan perempuan. Ini menunjukkan peserta lelaki dan peserta perempuan memberi komitmen dalam program Mutiara ini dan melakukan perubahan tingkah laku dalam meningkatkan prestasi bekerja di organisasi masing-masing. Berdasarkan kajian David Funder & R. Michael Furr. (2018) personaliti individu berubah mengikut kepada situasi, apabila wujud situasi yang harmonis kondusif individu berasa ingin mencapai satu matlamat dan objektif yang baharu dan berbeza, pengalaman baharu mewujudkan personaliti yang berbeza. Kajian ini berbeza dengan dapatan Piotr, Rober dan Agnieszka (2005) dalam Nurul Huda (2013), responden perempuan sering dikaitkan dengan sub skala disiplin diri, sistematik, berhati-hati, terlalu cermat, teliti, bertanggungjawab, terurus,

berkerja keras, cekap, sistematik, berorientasikan pencapaian dan sentiasa berada dalam keadaan yang terancang berbanding dengan responden lelaki. Namun begitu, bertentangan pula dengan hasil kajian oleh Envick dan Langford (2003), Costa et al. (2001), Feingold (1994), Maccoby dan Jacklin (1974) dalam Nurul Hudani et.al (2018) yang menunjukkan bahawa responden lelaki memperoleh skor yang lebih tinggi dalam personaliti yang teliti dan cermat berbanding dengan responden perempuan. Mereka merupakan seorang yang tegas, mempunyai pengurusan emosi yang stabil, berani tampil ke hadapan, kepelbagaian idea dan mempunyai sifat-sifat dinamik yang lebih tinggi semasa melaksanakan sesuatu pekerjaan.

Dapatan demografi umur seramai 2 orang responden berumur 51 tahun ke atas (6.1%) merupakan peserta yang terlibat sebagai pegawai berprestasi sederhana berbanding umur 20 – 30 tahun seramai 25 orang (75.8%) yang mengikuti program ini. Hasil dapatan ini disokong oleh kajian Jackson, Bogg, Walton, Wood, Harms, Lodi-Smith dan Roberts (2009) dalam C. Emily Durbin et al.(2015) mendapati responden yang lebih berusia lebih ke arah individu yang memiliki personaliti bagi dimensi yang lebih tinggi berbanding mereka yang berusia muda, ketelitian dan emosi yang harmoni dan mempunyai sikap profesional dalam bekerja di organisasi lebih stabil.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa setiap modul dalam Mutiara ini saling memberi makna untuk pembentukkan tingkah laku dan prestasi bekerja yang efisien. Peranan modul ini dapat membentuk budaya yang sihat dalam organisasi, sebagai contoh modul ice breaking telah mewujudkan interaksi interpersonal dan intrapersonal setiap peserta yang positif dan menjadikan satu suasana yang harmonis dan menjadi satu proses pembelajaran kepada peserta untuk di implimentasi di organisasi masing-masing, malah menerusi kaunseling kelompok yang dapat membantu peserta untuk meningkatkan konsep sendiri mereka, serta membantu membangunkan konsep sendiri yang mantap apabila murid melihat dan mengenali diri mereka sendiri dari sudut yang lebih positif menerusi modul psikometrik yang dijalankan. Pandangan yang positif dan keyakinan yang tinggi ini adalah elemen dalaman yang boleh dibentuk melalui diri sendiri dengan sokongan ahli kelompok. Modul Motivasi mampu membantu dan membimbing dalam meningkatkan komitmen kerja bagi meningkatkan prestasi kerja di organisasi tempat kerja mereka. Modul spiritual bagi melahirkan generasi yang insaf bertaubat, beriman, bertaqwa dan beramal soleh dengan kepelbagai dapatan demografi menunjukkan semua agama menjurus kepada pekerjaan yang halal dan berintegriti tinggi. Selain itu dengan mengetahui kepentingan semua modul-modul ini ianya mampu mengaplikasikan kecemerlangan di dalam diri di tempat kerja, apabila individu dapat mengenalpasti kehebatan

bakat maka terbentuk kekuatan dalaman untuk membentuk perubahan diri yang lebih dinamik, sistematik dan berkesan. Perubahan imej peribadi yang profesional membawa ke arah kecemerlangan dan keyakinan diri.

Keberkesanan modul ini dapat melahirkan individu yang boleh bekerja dalam pasukan yang kuat dan mantap serta dapat mengatur strategi untuk berjaya dalam kerja menerusi penghayatan nilai murni semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab dan akhir sekali individu mampu memberi sumbangan yang bermakna dalam memaju dan mencemerlangkan organisasi menerusi peningkatan prestasi kerjaya dan kualiti kehidupan menggunakan kuasa minda, emosi dan peribadi yang positif.

## RUJUKAN

- Bar-On & J.D.A. Parker. (2000) *The Handbook of emotional intelligence: Theory, development, assessment & application at home, school and in the work place*: 363-388. San Francisco: Jossey-Bass.
- C. Emily Durbin, Brian M. Hicks, Daniel M. Blonigen, Wendy Johnson, William G. Iacono, & Matt McGue (2015). *Personality trait change across late childhood to young adulthood: Evidence for nonlinearity and sex differences in change*. Pautan dimuat turun daripada <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC4795480/>
- Costa, P.T. & McCrae, R.R. (1988). Personality in adulthood: A six-year longitudinal study of self-reports and spouse ratings on the NEO 80 personality inventory. *Journal of Personality and Social Psychology*,54,853-863.
- David Funder & R. Michael Furr. (2018). *Persons, situations, and person-situation interactions*. Pautan dimuat turun daripada <https://www.researchgate.net/publication/315716463>
- Day, A.L. & Carroll, S.A.(2004). Using an ability-based measure of emotional intelligence to predict individual performance, and group citizenship behaviours. *Personality and Individual Differences*.36,1443-1458.
- Douglas, Ceasar, Frink, Dwight Ds, Ferris, Gerald R. (2004).Emotional Intelligence as a Moderator of the Relationship between Conscientiousness and Performance. *Journal of Leadership &Organizational Studies*, 10(3), 2-13.
- Dulewicz,V. & Higgs.M.(1999). Can emotional intelligence be measured and developed?. *Leadership and organizational Development Journal*, 20(5) ,242-253.
- Fadillah Mansor, Tengku Sarina & Sarina Aini (2015). Keperluan motivasi dalam pengurusan kerja berkualiti dari perspektif. *Jurnal Usuluddin*, Bil 25 (103-124).
- Haron Din (Mei 2015). *Manusia dan islam*. Selangor Darul Ehsan. PTS Publishing House Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2019) *Terjemahan Alquran: Surah 12 Yusuf* (ayat 76). Dimuat turun daripada <http://www.islam.gov.my/e-jakim/e-quran/terjemahan-al-quran>

- Jabatan Perkhidmatan Awam.(2016) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2016. Kemajuan Kerjaya Laluan Secara Pantas (Fast Track) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Putrajaya.
- Nurul Hudani Md Naw, Marof Redzuan, Noor Hisham Md Naw & Puteri Hayati Megat Ahmad (2018). Pengurusan modal insan : faktor demografi trait personaliti kehematan, keterbukaan, ekstraversi dan kesetujuan dan hubungannya dengan kecerdasan emosi. *Jurnal Psikologi & Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia Jun 2018, Bil. 13, 2229-810X 59*
- Nurul Hudani Md Naw (2013). Kecerdasan emosi, tingkah laku kepimpinan dan trait personaliti bagi meningkatkan prestasi kerja individu. Universiti Putra Malaysia.
- Nazihah Omar, Ahmad Azman, & Syed Izzaddin Syed Jaafar. (2011). *Hubungan Antara Kepuasan Ganjaran dan Demografi dengan Komitmen Terhadap Organisasi: Satu Kajian di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)*. Institut Pengurusan Penyelidikan Universiti Teknologi Mara
- Morteza Soltani. (2015). Organizational Commitment and HRM practices, an analytical approach. 2 (9): 1465-1472.
- Terracciano, A., & McCrae, R. (2001). Gender differences in personality traits across cultures: Robust and surprising findings. *Journal of Personality and Social Psychology*, 81(2), 322-331.
- Yusni Mohamad Yusop (2015). *Kesan bimbingan kelompok terhadap konsep sendiri murid sekolah rendah*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Yahya, M. K. (2012) Pendekatan Program Kualiti Kehidupan Bekerja (KKB). dicapai Januari 2013 daripada md kamal yusoff: <http://mdkamalyusoff.blogspot.com>
- Zuhairy bin Hj Ahmad Kusaini(2013). *Keberkesanan Pelaksanaan Kursus Pendidikan Islam Fardu Ain Ke Arah Pembangunan Modal Insan Dalam Kalangan Tentera*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zadel, A.(2004). Impact of personality and emotional intelligence on successful training in competences. *Managing Global Transitions*, 4(4), 363-376. *Psychology*, 19 (2), 88-110.

Zainab Aman & Khairunnisa Abd Shukor (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi kerja dalam kalangan staf sokongan kolej universiti islam antarabangsa Selangor. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2ndICoMM) 16th –17th November 2015, e-ISBN: 978-967-0850-25-2*

## BIODATA PENULIS

### 1. RORLINDA BT YUSOF

Timbalan Pengarah Pusat GENIUS@pintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan Perniagaan (Pemasaran) *Central Michigan University, USA*, Sarjana dalam bidang Pendidikan (Bimbingan Dan Kaunseling) *Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM)* dan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pendidikan, Bimbingan dan Kaunseling *Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*. Bidang kepakaran beliau adalah dari Bimbingan dan Kaunseling (Kecerdasan Emosi, *Emotion-focused Therapy*, bidang pendidikan Pintar Berbakat dan kaunseling Pintar dan Berbakat.

### 2. NORIAH MOHD ISHAK PhD

Pengarah Pusat GENIUS@pintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan Sains (Matematik) dari Universiti Malaya (UM), Sarjana dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Psikologi Kaunseling dari *Western Michigan University*. Bidang kepakaran beliau adalah dari Psikologi Kaunseling (Menganalpasti, Rawatan dan Intervensi), bidang Pendidikan Pintar Berbakat dan kaunseling Pintar dan Berbakat

### 3. JAMALIAH BT HAMDAN

Pegawai Pendidikan Tinggi Siswazah di Pusat GENIUS@pintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian Psikologi Kaunseling di *Universiti Malaysia Sabah (UMS)*, sedang maju dalam Sarjana dalam Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling *Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*. Bidang kepakaran beliau adalah dari Bimbingan dan Kaunseling dan Bidang Pendidikan Pintar Berbakat dan Kaunseling Pintar dan Berbakat.

### 4. ROSLINA BT AHMAD FAISAL

Pegawai Pendidikan Tinggi Siswazah di Pusat GENIUS@pintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian Linguistik di *Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*, Sarjana dalam Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling *Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*. Bidang kepakaran beliau adalah dari Bimbingan dan Kaunseling dan Bidang Pendidikan Pintar Berbakat dan Kaunseling Pintar dan Berbakat.

### 5. MD JAIS BIN ISMAIL

Pegawai Pendidikan Tinggi Siswazah di Pusat GENIUS@pintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perguruan Pendidikan Muzik di *Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas*, Sarjana Pendidikan

Universiti Putra Malaysia (UPM) dan sedang maju dalam Doktor Falsafah Muzik Universiti Putra Malaysia (UPM). Kepakaran beliau dalam Pendidikan Muzik dan Pendidikan Pintar dan Berbakat.

#### **6. SALLEH HUDDIN BIN ABDUL RASHID**

Ketua Unit Hal Ehwal Jaringan dan Industri Pusat GENIUS@pintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan pensyarah program ASASIPintar UKM. Diploma Pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ijazah dalam bidang Linguistik, Sarjana dalam Art (English – TESL Cert). Kepakaran beliau dalam Kaunseling Kolej, Linguistik bahasa Ingeris Gunaan dan Pendidikan Psikologi & Sosiologi.

#### **7. NORDIANA BINTI ABD RAHIM**

Kaunselor kanan di Bahagian Psikologi dan Kaunseling, kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau berkelulusan Master Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia 2014, Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia 2008 dan Diploma Pengurusan Perniagaan di Universiti Putra Malaysia 2004. Kini beliau sedang melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling di Universiti Putra Malaysia. Berpengalaman dalam bidang penyelidikan, penulisan artikel serta membina instrumen dalam bidang psikologi kaunseling. Merupakan kaunselor berdaftar dan ahli seumur hidup PERKAMA dan PEKA.

#### **8. WAN ROSLINI BINTI MAT RASIK**

Kaunselor di Sekolah Kebangsaan Islah (2016 sehingga kini). Sebelum ini pernah bertugas sebagai kaunselor pelajar di IPG Kampus Kota Bharu (2010-2014), dan kaunselor organisasi di Kolej Matrikulasi (2014-2015). Beliau mendapat Master in Counseling daripada UUM (2009). Kini beliau sedang melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah UnisZA. Berpengalaman di bidang psikologi dan kaunseling dan penulisan artikel dan pembentangan psikologi dan kaunseling. Merupakan kaunselor berdaftar (KB02345).

#### **9. MOHD SANI B. ISMAIL**

Pensyarah di Universiti Sainal Abidin (UnisZA), Terengganu. Beliau berkepakaran di bidang kaunseling dan psikoterapi, dan psikometrik psikologi dan kaunseling.

#### **10. EDRIS ADEN**

Pensyarah kaunseling di Program Kaunseling, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) UNIMAS. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan juga memiliki MSc Counselling Psychology daripada Keele University, United Kingdom. Kini

beliau sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah Bimbingan dan Kaunseling daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

**11. SALLEH AMAT PhD**

Pensyarah bimbingan dan kaunseling di Pusat Kepelebagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memiliki pendidikan peringkat Sarjana muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling Universiti Putra Malaysia (UPM), Sarjana Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Doktor Falsafah (PhD) dari University of Wyoming (USA). Bidang kepakaran beliau adalah Bimbingan dan Kaunseling, Personalia Pelajar (Pendidikan Tinggi)

**12. MOHD IZWAN MAHMUD PhD**

Pensyarah bimbingan dan kaunseling di Pusat Kepelebagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memiliki pendidikan peringkat BA Kaunseling dari Universiti Malaya (UM), Sarjana Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Doktor Falsafah (PhD) Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Bidang kepakaran beliau adalah Kaunseling Kerjaya Pendidikan Tinggi.

**13. TENGKU NORHANI BINTI TENGKU BESAR**

Pensyarah di Jabatan Bimbingan dan Kaunseling, IPG Kampus Darulaman. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Dengan Kepujian Bimbingan dan Kaunseling dan Ijazah Sarjana Sains Kaunseling dari Universiti Utara Malaysia. Kini beliau sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Sains Malaysia.

**14. NOR SHAFRIN BINTI AHMAD, PhD**

Profesor Madya dan Pengerusi Rancangan Sarjana Kaunseling di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah kaunseling psikologi, krisis dan trauma, kaunseling kanak-kanak dan remaja serta kesihatan mental. Kajian terkini, beliau membina Inventori Marah Remaja bagi mengenal pasti jenis kemarahan remaja serta membina Model Intervensi Krisis RPSD yang memeringkatkan proses dalam intervensi krisis.

**15. HALIMATUN SAADIAH BINTI AHMAD USULDIN**

Kaunselor kanan di Bahagian Psikologi Dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia 2015. Berkelulusan Bachelor Pendidikan (Bimbingan Dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia 2008. Berpengalaman dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling hampir 10 tahun. Merupakan kaunselor berdaftar dan ahli seumur hidup PERKAMA dan PEKA.



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

ISSN 1985-3602



9 771985 360007

**BAHAGIAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**